Oleh: As-Syahid Sayyid Qutb

Sekapur Sireh Dari Penterjemah

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji dan puja bagi Allah, Tuhan Semesta Alam. Selawat dan salam kepada Rasulullah s.a.w. utusan Allah yang diutuskan untuk membimbing manusia ke jalan yang benar, jalan menuju keredaan Allah s.w.t.

Matlamat membimbing manusia untuk menyembah Allah dan tunduk kepada agama ini mewajibkan kita untuk memahami terlebih dahulu hakikat agama ini. Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Mengasihani telah menurunkan suatu manhaj kepada manusia supaya menjadi landasan dalam hidup mereka. Manhaj ini perlu diterapkan ke dalam hidup manusia supaya kehidupan manusia selari dengan fitrah dan selari dengan perjalanan alam ini. Dengan ini lahirlah suatu kehidupan yang harmoni di mana seluruh manusia dan alam ini berada di dalam suatu haluan menuju keredaan Allah.

Buku ini ditujukan kepada para pendokong dakwah Islam yang terpaksa menempuh pelbagai halangan dalam usaha mereka membimbing manusia ke arah keredaan Allah. Kandungan buku ini sudah cukup memberikan mereka keyakinan tentang kemampuan agama ini dan menyakinkan mereka bahawa inilah satu-satunya manhaj yang mampu membawa kesejahteraan kepada manusia sejagat.

Buku ini menjelaskan kepada para duat beberapa persoalan penting agar mereka memahami fenomena alam ini. Apakah sebenarnya sifat agama yang Allah turunkan kepada manusia ini? Apakah yang menjadi keistimewaan agama ini? Kenapakah pendokong agama ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan? Kenapakah hanya agama ini sahaja yang mampu membawa kesejahteraan kepada manusia sejagat?

Mudah-mudahan buku ini dapat memberikan suatu cetusan minda kepada umat Islam yang cintakan agama ini. Semoga dengan memahami hakikat agama ini akan dapat menyingkap semula keindahan agama ini. Seterusnya menyakinkan kita bahawa agama ini adalah satu-satu jalan penyelesaian kepada seluruh permasalahan manusia.

Semoga Allah s.w.t. memberi ganjaran yang sewajarnya kepada penulis buku ini dan kepada mereka yang terlibat di dalam penerbitan buku ini.

Allahu Akbar Walillahil Hamd.

Salehan bin Ayub

As-Syahid Sayyid Qutb Di Dalam Kenangan

Beliau dilahirkan pada tahun 1906 di sebuah kampung bernama Musya, Asyout di Mesir. Beliau dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang sederhana dan berpegang kuat kepada agama. Semenjak kecil lagi beliau telah berjinak-jinak dengan al-Quran dan tidak hairan jika beliau telahpun menghafal al-Quran semenjak berusia sembilan tahun. Dalam usia yang masih terlalu muda ini beliau telah memperlihatkan beberapa keistimewaan yang bakal menempatkan beliau di kedudukan yang tinggi.

Walaupun masih kecil untuk memahami isi kandungan al-Quran tetapi beliau dapat merasakan makna ayat-ayat ini bermain-main di benak fikirannya seolah-olah kandungan ayat ini hidup di dalam khayalannya. Pengalaman ini diceritakan sendiri oleh beliau. "Saya mula membaca al-Quran ketika saya masih kecil lagi. Walaupun fikiran saya ketika itu masih tidak cukup untuk memahami maksud dan kehendak ayat-ayat ini cuma saya dapat rasakan sesuatu. Setiap kali saya membaca al-Quran ianya tergambar dalam khayalan saya. Gambaran ini memang aneh tetapi saya dapat rasakan kepuasan dan keseronokannya."

Apabila dewasa beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Darul Ulum dan menetap di Kaherah. Dalam usia yang masih muda ini beliau terpaksa berdikari memelihara adik-adiknya, Muhammad, Aminah dan Hamidah apabila ayah dan ibu beliau meninggal dunia.

Setelah menamatkan pengajian, beliau memulakan karier sebagai penulis sastera dan puisi di beberapa syarikat akhbar dan majalah seperti Ahram, Risalah, Usbuk, Syarq Jadid, Alam Arabi dan sebagainya.

Pada tahun 1948 sehingga tahun 1950 beliau telah dihantar sebagai wakil Kementerian Pendidikan Mesir ke Amerika Syarikat bagi mengkaji sistem pendidikan di sana. Walau bagaimanapun setelah meneliti sistem ini beliau mendapati hanya sistem pendidikan Islam sahaja yang sesuai sebagai landasan kepada sistem pendidikan di Mesir. Pandangan beliau ini menyebabkan beliau dituduh sebagai kolot dan jumud oleh kalangan yang berada di dalam Kementerian Pendidikan. Seterusnya pengalaman beliau di Amerika ini dibukukan di bawah tajuk "Amerika Yang Kulihat", menceritakan pengalaman beliau mengenai kepalsuan demokrasi dan diskriminasi warna kulit yang wujud di Amerika dengan membandingkan dengan Islam. Apa yang menarik, pada ketika ini beliau masih belum mengenali dakwah Ikhwan Muslimin.

Setelah mengenali dakwah Ikhwan Muslimin beliau telah menerbitkan majalah 'Fikr Jadid' yang menjadi medan untuk beliau mengkritik sistem kapitalis dan manipulasi golongan atasan ke atas rakyat. Melalui majalah ini beliau menggabungkan antara fikrah dan harakah dalam usaha untuk menegakkan panji Islam di dunia Islam.

Dalam tahun 1952, Sayyid Qutb telah dipilih sebagai anggota exco di Maktab Irsyad dan beliau dilantik sebagai pengerusi Unit Penyebaran Dakwah di Ibu Pejabat Ikhwan Muslimin. Pada tahun 1954, beliau dilantik sebagai ketua editor bagi akhbar 'Ikhwan Muslimin'. Malangnya, setelah sebulan di pasaran akhbar ini telah diharamkan oleh Presiden Mesir, Jamal Abdul Nasir kerana menentang perjanjian Mesir-British yang dimeterai oleh Jamal Abdul Nasir dengan kerajaan British. Dalam tahun yang sama pada bulan Januari beliau bersama-sama dengan ikhwan yang lain telah dipenjarakan di Penjara Qal'aah, Penjara Harbi, Penjara Abu Za'bal, Penjara Liman Turoh. Walau bagaimanapun beliau dibebaskan pada bulan Mac 1954 disebabkan oleh sakit tenat yang dialaminya.

Pada bulan Julai, 1955 beliau dipenjarakan semula, kali ini dengan hukuman penjara serta kerja berat selama 15 tahun. Sekali lagi beliau dibebaskan semula selepas sepuluh tahun menjalani hukuman kerana campur tangan Presiden Iraq ketika itu, Abdul Salam Arif.

Kebebasan yang diperolehi ini membolehkan beliau menumpukan tenaga beliau kepada perkembangan dakwah dan dalam tempoh ini beliau telah menghasilkan banyak penulisan. Buku pertama yang dihasilkan dalam tempoh ini ialah 'Fi Zilal Al-Quran'.

Ke Tali Gantung

Pada tahun 1965, beliau sekali lagi dipenjarakan. Kali ini dengan tuduhan mengepalai konspirasi Ikhwan Muslimin untuk menggulingkan kerajaan. Beliau telah dihadapkan ke mahkamah boneka dengan peguam bela yang dilantik sendiri oleh kerajaan. Dengan keputusan mahkamah yang telahpun ditentukan beliau bersama-sama beberapa orang ikhwan yang lain telah dijatuhkan hukuman gantung hingga mati.

Pada waktu Subuh 29 Ogos 1965 hukuman gantung tersebut telah dilaksanakan. Gugurlah seorang syahid pergi mengadap Tuhannya setelah membuktikan kesucian dan keikhlasan perjuangannya. Dari seorang anak yang kecil sehinggalah ke akhir hayatnya beliau tidak rela untuk tunduk akur kepada kezaliman.

Beliau pernah berkata: "Jari telunjuk ini yang menjadi saksi setiap kali di dalam sembahyang bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah utusan Allah tidak mungkin sama sekali akan menulis coretan yang hina dan mengampu-ampu. Jikalau sememangnya saya layak dipenjara, saya reda menerimanya. Tetapi jikalau saya dipenjara dengan zalim, saya sama sekali tidak akan tunduk memohon belas kasihan daripada orang vang zalim..."

Walaupun jasadnya telah disemadikan namun keimanan dan keikhlasannya tetap bersemi di dalam jiwa-jiwa generasi akan datang menjadi obor sementara menanti fajar yang menyingsing.

Kandungan

1

Manhaj Untuk Manusia

Wujud satu dasar penting yang dapat menjelaskan tabiat agama ini dan bagaimana agama ini berperanan di dalam kehidupan manusia. Dasar yang penting ini amat mudah difahami namun begitu dasar ini sentiasa diabaikan ataupun mungkin tidak difahami sama sekali. Oleh kerana dasar ini diabaikan ataupun tidak difahami maka timbullah salah faham dalam memahami agama ini, memahami dasar sebenar agama ini dan perjalanan agama ini di dalam sejarah, kini dan di masa hadapan!

Oleh kerana agama ini turunnya daripada Allah, sebahagian manusia mengharapkan agar agama ini berfungsi dengan cara yang ajaib dan luar biasa di dalam kehidupan manusia! Mereka mahu agar agama ini berperanan tanpa mengambil kira tabiat semulajadi manusia, kemampuan semulajadi manusia dan realiti hidup manusia dan tanpa mengaitkan sama sekali segala elemen ini dengan perkembangan dan persekitaran manusia.

Oleh itu apabila mereka melihat agama ini tidak berfungsi sebagaimana yang mereka harapkan, apatah lagi apabila melihat bagaimana kemampuan manusia yang kerdil dan realiti hidup manusia juga mampu mempengaruhi agama ini (pada satu ketika pengaruh kedua-dua aspek ini begitu ketara sekali tetapi di ketika yang lain kedua-dua aspek ini memberikan kesan yang sebaliknya pula, membiarkan manusia tenggelam dengan syahwat dan ketamakan mereka, tenggelam bersama kelemahan mereka sehingga mereka tidak lagi menyahut seruan agama ini apatah lagi untuk turut serta bersama agama ini),

melihat fenomena ini mereka merasa putus asa kerana sangkaan mereka tentang agama yang turunnya daripada Allah ini meleset sama sekali. Keyakinan mereka tentang kesesuaian agama ini untuk kehidupan manusia juga akan luntur. Bahkan mereka juga merasa sangsi terhadap agama itu sendiri!

Kesemua salah faham ini berpunca daripada faktor yang sama iaitu tidak memahami agama ini dan cara agama ini berperanan ataupun lupa dengan dasar yang penting dan mudah ini.

* * *

Agama ini adalah suatu panduan yang Allah gariskan untuk kehidupan manusia. Agama ini terlaksana di dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia sendiri, menurut kemampuan manusia dan realiti hidup manusia. Agama ini akan bermula daripada titik di mana manusia menerima tugas-tugas mereka seterusnya memimpin mereka menuju penghujung jalan dengan menggunakan segala kemampuan semulajadi manusia yang ada dengan bergantung kepada sejauhmana usaha yang mereka lakukan.

Keistimewaan agama ini tetap wujud pada bila-bila masa walau di mana jua, ia tidak akan sama sekali lupa dengan fitrah dan had kemampuan manusia, juga realiti hidup mereka. Agama ini mampu mencapai satu tahap yang tidak pernah dicapai oleh mana-mana manhaj ciptaan manusia sepertimana yang pernah berlaku di dalam sejarah dan akan berulang semula jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh. Malahan tahap ini akan dicapai dengan mudah, selesa, tenang dan sederhana.

Malangnya, punca salah faham ini ialah tidak memahami tabiat agama ini ataupun melupakan sama sekali tabiat ini. Mereka mengharapkan munculnya sesuatu yang luar biasa di luar kuasa manusia. Mereka mengharapkan suatu mukjizat (perkara luar biasa) yang akan mengubah fitrah manusia tanpa mengambil kira had kemampuan manusia dan tidak langsung mengambil kira realiti hidup manusia!

Bukankah agama ini datangnya daripada Allah? Bukankah Allah menguasai segala-galanya? Jadi mengapa agama ini hanya berfungsi menurut had kemampuan manusia? Mengapa fungsi agama ini dipengaruhi oleh kelemahan manusia? Mengapa pula agama ini memerlukan usaha manusia? Selain itu, kenapa agama ini tidak selamanya menang? Mengapa para pendokong agama ini tidak selamanya menang? Mengapa kelemahan manusia, keinginan syahwat dan realiti hidup seringkali menghalang kegemilangan agama ini? Mengapa kadang kala pendokong kesesatan berjaya mengalahkan pendokong agama ini sedangkan mereka ini adalah pendokong kebenaran?

Sebagaimana yang anda lihat semua persoalan dan salah faham ini timbul kerana gagal memahami dasar penting tabiat semulajadi agama ini dan cara agama ini berperanan ataupun mereka lupa sama sekali dasar ini!

*   *   *

Sememangnya Allah mampu untuk mengubah fitrah manusia sama ada dengan menggunakan agama ini atau dengan menggunakan cara lain. Namun begitu kerana sesuatu tujuan yang hanya Allah sahaja yang tahu, Allah mahu manusia memiliki fitrah ini dan Allah mahukan hidayah itu diperolehi melalui usaha dan kehendak manusia.

Firman Allah yang bermaksud:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ ... ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami..." (Al-Ankabut: 69)

Allah juga mahukan supaya fitrah manusia ini sentiasa berfungsi, tidak disisihkan dan diabaikan.

Firman Allah yang bermaksud:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّىٰهَا ﴿٧﴾ فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾ قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

"Dan jiwa dan Yang menyempurnakan (kejadiannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa (jalan) kejahatan dan ketakwaan. Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang membersihkan jiwa. Dan sesungguhnya rugilah orang-orang yang mengotorkannya." (As-Syams: 7-10)

Allah juga mahukan supaya Manhaj Ilahi yang dikurniakan kepada manusia terlaksana melalui usaha manusia dan menurut kemampuan manusia.

Firman Allah yang bermaksud:

... إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ... ﴿١١﴾

'...Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri..." (Ar-Ra'd: 11)

Firman Allah yang bermaksud:

... وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ وَلَـٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْعَـٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾

"...Dan kalaulah Allah tidak menolak sesetengah manusia (yang engkar dan durhaka) dengan sesetengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini."(Al-Baqarah: 251)

Allah juga mahukan supaya semua ini dicapai berdasarkan usaha dan tenaga yang dikeluarkan oleh manusia, sejauhmana kesabaran mereka memikul bebanan dalam melaksanakan manhaj Ilahi yang benar ini dan ssejauhmana pula kesabaran mereka dalam menghindari bencana yang menimpa diri mereka dan kehidupan di sekeliling mereka:

Firman Allah yang bermaksud:

أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ صَدَقُوا۟ وَلَيَعْلَمَنَّ ٱلْكَـٰذِبِينَ ﴿٣﴾

"Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: Kami beriman, sedang mereka tidak diuji? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui tentang orang-orang yang berdusta." (Al-Ankabut: 2-3)

Tiada siapa di kalangan makhluk Allah ini boleh mempersoalkan mengapa Allah mahukan semua ini berlaku sebegini. Tiada siapapun di antara makhluk ini boleh mempersoalkannya selagimana makhluk ini adalah makhluk bukannya tuhan. Lagipun tiada siapapun di antara makhluk ini yang mengetahui atau mampu untuk mengetahui perjalanan keseluruhan sistem alam ini. Tiada siapa yang tahu kesan sebenar sistem ini pada semua benda yang wujud di alam ini.

Mengapa begini? Soalan yang tidak akan ditanya oleh seorang yang benar-benar beriman atau oleh seorang yang benar-benar kufur. Seorang yang beriman tidak akan mempersoalkannya kerana beliau seorang yang tahu berbudi bahasa dengan Allah. Beliau amat memahami zat dan sifat-sifat Allah. Beliau juga amat memahami tabiat dan batas kemampuannya sebagai manusia. Sebagai manusia beliau tidak diberikan kemampuan untuk memahami kesemua perkara ini. Manakala seorang yang tidak langsung mengimani kewujudan Allah juga tidak akan mempersoalkan perkara ini kerana pada dasarnya beliau sendiri tidak mengakui wujudnya Allah. Seandainya beliau mengakui uluhiyyah Allah nescaya beliau akan mengakui bahawa perkara ini

adalah urusan dan kehendak uluhiyyah Allah. Benarlah firman Allah yang bermaksud:

لَا يُسْـَٔلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْـَٔلُونَ ﴿٢٣﴾

"Ia tidak ditanya tentang apa yang Ia lakukan, sedang merekalah yang akan ditanya kelak." (Al-Anbiya': 23)

Allah sahaja yang menguasai dan mengetahui segala yang dilakukanNya.

Malangnya persoalan sebegini hanya ditimbulkan oleh seorang yang tidak serius dan hipokrit, bukan oleh seorang yang benar-benar beriman dan bukan oleh seorang yang benar-benar kufur. Oleh kerana itu persoalan sebegini tidak perlu dilayan dan tidak perlu dipandang serius. Jikalau yang bertanya adalah seseorang yang jahil tentang hakikat dan sifat-sifat uluhiyyah maka cara untuk menunjuk ajar orang yang jahil ini bukanlah dengan jawapan yang spontan. Orang jahil ini terlebih dahulu perlu diperkenalkan tentang hakikat dan sifat-sifat uluhiyyah Allah. Apabila beliau memahami dan menerimanya maka beliau menjadi seorang yang beriman. Sebaliknya jika beliau menolak dan enggan menerimanya maka beliau menjadi seorang yang kufur. Dengan ini tidak perlu sebarang perbahasan yang boleh membawa kepada perbalahan. Seorang muslim sebenarnya dilarang untuk membahaskan sesuatu sehingga timbulnya perbalahan!

Kesimpulannya tiada siapapun di kalangan makhluk Allah yang berhak untuk mempersoalkan mengapa Allah mencipta manusia dengan fitrah yang sebegini? Mengapa pula Allah mahu supaya fitrah ini sentiasa berfungsi, tidak disisihkan dan tidak diabaikan? Mengapa Allah mahukan manhaj Ilahi yang ditetapkan untuk kehidupan manusia ini hanya terlaksana melalui usaha manusia berdasarkan kemampuan manusia, juga berdasarkan realiti hidup manusia. Allah tidak mahu manhaj ini terlaksana melalui cara yang luar biasa dan pelik!

Sebenarnya semua manusia mampu untuk memahami dasar ini. Manusia dapat melihat apa yang berlaku di dalam hidup mereka dan memahami segala peristiwa yang berlaku di dalam sejarah manusia daripada perspektif ini. Dengan memahami dasar ini mereka boleh menyelami perjalanan sejarah manusia. Seterusnya, mampu untuk berhadapan dan mengolah perjalanan ini. Selain itu, dengan memahami dasar ini mereka dapat hidup bersama-sama dengan hikmah dan qudrat Allah seterusnya terbentuk suatu cara hidup yang betul.

* * *

Manhaj Ilahi yang dicernakan melalui Islam dan didatangkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. ini tidak terlaksana di muka bumi atau di tengah dunia manusia semata-mata kerana ianya diturunkan oleh Allah. Manhaj ini tidak terlaksana dengan hanya menggunakan kalimah Ilahi: "Jadilah" sebaik sahaja ia diturunkan. la juga tidak terlaksana melalui penyampaian dan penjelasan semata-mata. Manhaj ini juga tidak terlaksana dengan perintah Ilahi sebagaimana yang Allah tetapkan pada cakerawala dan bintang-bintang. Manhaj ini hanya dapat dilaksanakan jika ianya dipikul oleh sekumpulan manusia yang benar-benar mengimani kebenaran manhaj ini. Mereka ini beristiqamah dengan manhaj ini menurut kemampuan mereka dan berusaha untuk menerapkannya di dalam hati dan kehidupan manusia. Mereka akan mengorbankan segala-galanya demi merealisasikan matlamat ini, Mereka akan melawan kelemahan dan keinginan hawa nafsu yang sudah sebati di dalam jiwa manusia. Mereka akan menentang sesiapa sahaja yang dikuasai oleh kelemahan hawa nafsu ini dan yang rnenghalang usaha ini. Dengan segala kesediaan ini mereka akan melaksanakan manhaj ini semaksima mungkin menurut kemampuan fitrah manusia, menurut kemampuan diri dan realiti mereka. Mereka akan memulakan usaha ini

bertitik tolak daripada sejauhmana kemampuan yang mereka miliki. Mereka tidak lupa realiti mereka dan segala persediaan yang perlu mereka miliki dalam melangkah melalui proses penerapan manhaj Ilahi ini.

Mungkin pada suatu ketika jamaah ini memperolehi kemenangan kerana berjaya menawan jiwanya dan jiwa seluruh manusia. Dalam masa yang lain pula jamaah ini tewas kerana gagal untuk menawan jiwanya dan jiwa seluruh manusia. Kemenangan dan kekalahan ini sebenarnya bergantung kepada sejauhmana usaha yang dilakukan dan sejauhmana mereka mengeksploitasi segala wasilah yang sesuai dengan masa dan situasinya. Paling penting ialah sejauhmana mereka menerap dan menterjemah manhaj ini ke alam realiti dan ke dalam diri mereka.

* * *

Ini adalah tabiat dan pendekatan agama ini. Ini adalah panduan dan cara kerja agama ini. Inilah hakikat yang ingin diajar oleh Allah kepada jamaah Islam ketika Allah berfirman:

... إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡ ... ﴿١١﴾

"...Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri..." (Ar-Ra'd: 11)

... وَلَوۡلَا دَفۡعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعۡضَهُم بِبَعۡضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلۡأَرۡضُ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضۡلٍ عَلَى ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾

"...Dan kalaulah Allah tidak menolak sesetengah manusia (yang engkar dan durhaka) dengan sesetengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini." (Al-Baqarah: 251)

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ ... ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami..." (Al-Ankabut:69)

Inilah hakikat yang ingin diajar oleh Allah kepada jamaah Islam semasa peperangan Uhud; ketikamana mereka cuai untuk menerapkan hakikat agama ini di dalam diri mereka di tengah peperangan ini. Mereka cuai untuk menyediakan wasilah yang sesuai dalam menghadapi beberapa situasi peperangan ini. Mereka mengabaikan atau melupakan dasar yang utama ini sebaliknya mereka merasakan sebagai jamaah Islam mereka pasti menang.

Allah s.w.t. berfirman kepada mereka:

أَوَلَمَّآ أَصَٰبَتۡكُم مُّصِيبَةٌ قَدۡ أَصَبۡتُم مِّثۡلَيۡهَا قُلۡتُمۡ أَنَّىٰ هَٰذَاۖ قُلۡ هُوَ مِنۡ عِندِ أَنفُسِكُمۡۗ ... ﴿١٦٥﴾

"Dan mengapa ketika kamu ditimpa musibah (dalam peperangan Uhud), padahal kamu telah pun memenangi seperti itu sebanyak dua kali ganda (dengan menimpakan musibah kepada musuh dalam peperangan Badar), kamu berkata: Dari mana datangnya (musibah) ini?

Katakanlah (wahai Muhammad): (Musibah) itu dari diri kamu sendiri (kerana ingkar perintah Rasulullah)..." (Aali Imran: 165)

Allah juga berfirman yang bermaksud:

وَلَقَدْ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥٓ إِذْ تَحُسُّونَهُم بِإِذْنِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلْتُمْ وَتَنَٰزَعْتُمْ فِى ٱلْأَمْرِ
وَعَصَيْتُم مِّنۢ بَعْدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا تُحِبُّونَ ۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنْيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ
ٱلْءَاخِرَةَ ۚ ثُمَّ صَرَفَكُمْ عَنْهُمْ لِيَبْتَلِيَكُمْ ۖ وَلَقَدْ عَفَا عَنكُمْ ۗ ... ﴿١٥٢﴾

"Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janjiNya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu membunuh mereka (beramai-ramai) dengan izinNya, sehingga ke masa kamu lemah (semangat) dan kamu berbalah dalam urusan perang itu, serta kamu pula mendurhaka (melanggar perintah Rasullulah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (kemenangan). Di antara kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji (iman) kamu..." (Aali Imran: 152)

Melalui peperangan ini, jamaah Islam ini kini benar-benar memahami dasar ini. Mereka mempelajari dasar ini bukan melalui kata-kata atau melalui teguran semata-mata sebaliknya mereka mempelajari dasar ini melalui darah dan penderitaan.

Mereka terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mempelajari dasar ini. Mereka terpaksa merasai kekalahan walaupun setelah merasai kemenangan. Mereka terpaksa menanggung kerugian walaupun setelah memperolehi keuntungan. Mereka terpaksa menerima luka parah dan sebahagiannya gugur syahid termasuklah pemimpin syuhada', Hamzah r.a.. Bencana yang paling malang dan paling dahsyat menimpa jamaah Islam ini ialah apabila Rasulullah s.a.w. sendiri cedera, wajahnya yang mulia itu luka dan gigi hadapannya tercabut. Baginda juga tersungkur ke dalam lubang yang digali oleh Abu Amru al-Fasiq, sekutu pihak Quraisy. Lubang ini digali bagi memerangkap orang-orang Islam. Musyrikin Quraisy sedaya upaya cuba membunuh Nabi s.a.w. tatkala Baginda hanya dikelilingi oleh beberapa orang sahabat sahaja, dan sahabat-sahabat ini gugur satu demi satu syahid dalam mempertahankan baginda. Salah seorang sahabat ini ialah Abu Dujanah yang menjadikan belakang badannya sebagai perisai menahan anak-anak panah musyrikin. Walaupun anak-anak panah ini menusuk belakangnya namun beliau tidak berganjak. Sehinggalah akhirnya tentera muslimin yang lain datang memberi bantuan setelah mereka kembali pulih dan menerima hakikat kekalahan mereka. Mereka kini menerima pengajaran yang amat pahit.

* * *

Apa yang jelas ialah manhaj Ilahi ini meletakkan sepenuh kejayaan ini kepada usaha manusia dan kejayaan ini hanya dicapai menurut kemampuan manusia dalam usahanya memperbaiki jiwa dan kehidupan manusia amnya. Saya sebutkan faktor ini bukanlah bertujuan untuk mengulas berkenaan kehendak Allah yang menetapkan apa sahaja yang berlaku. Cuma sekadar merakamkan sedikit pemerhatian realistik mengenai kesan kehendak ini kepada kehidupan manusia.

Iman yang sebenar tidak akan dapat diterapkan sepenuhnya di dalam hati melainkan setelah hati ini bermujahadah melawan manusia semata-mata demi iman ini. Melawan manusia dengan membenci kesesatan dan kejahilan mereka, dan sentiasa bertekad untuk mengalihkan manusia daripada kesesatan ini kepada kebenaran dan kepada Islam. Melawan manusia dengan lisan yang menyampaikan dan menjelaskan tentang Islam, menepis segala kebatilan mereka dan menyuarakan kebenaran yang dibawa oleh Islam. Melawan manusia dengan tangan yang menolak dan menepis segala tindakan manusia yang cuba menghalang jalan hidayah ini mengunakan kekuatan yang keji dan kejam! Kemungkinan dalam perjuangan ini mereka menerima pelbagai cubaan dan penderitaan. Namun mereka terpaksa bersabar menghadapi segala cubaan dan penderitaan ini. Mereka juga perlu bersabar apabila menerima kekalahan dan bersabar apabila menerima kemenangan. Sebenarnya lebih sukar untuk bersabar ketika menerima kemenangan berbanding ketika menerima kekalahan. Ketika itu, mereka perlu berpendirian teguh tidak goyah, mereka juga perlu terus beristiqamah dan tidak berundur. Mereka perlu meneruskan jalan iman ini dengan penuh peka dan memandang ke hadapan.

Iman yang sebenar tidak akan mantap di hati kecuali setelah hati ini bermujahadah melawan manusia kerana secara tidak langsung ia sebenarnya telah bermujahadah melawan dirinya sendiri. Mereka selama-lamanya tidak akan memahami fenomena alam ini jika masih memerap diri, duduk dalam keadaan aman dan selesa. Sebaliknya dengan iman, mereka akan dapat memahami fenomena alam ini. Mereka juga tidak akan dapat memahami dengan jelas segala realiti manusia dan realiti kehidupan ini melainkan setelah mereka melalui proses ini. Jiwanya, emosinya, fikirannya, adatnya, nalurinya dan reaksinya tidak akan dapat merasai apa yang dirasainya kecuali apabila melalui pengalaman yang sukar dan perit ini.

Ini adalah sebahagian maksud firman Allah:

...وَلَوْلَا دَفْعُ ٱللَّهِ ٱلنَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّفَسَدَتِ ٱلْأَرْضُ وَلَٰكِنَّ ٱللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٢٥١﴾

"...Dan kalaulah Allah tidak menolak sesetengah manusia (yang engkar dan durhaka) dengan sesetengahnya yang lain (yang beriman dan setia) nescaya rosak binasalah bumi ini." (Al-Baqarah: 251)

Perkara pertama yang akan rosak ialah jiwa, menyebabkan ia tidak bermaya lalu semangatnya mulai luntur, motivasinya lemah dan sentiasa dibuai kemewahan dan keseronokan. Akibatnya kehidupannya juga tidak bermaya ataupun hanya aktif untuk memenuhi kehendak nafsu semata-mata. Inilah sebenarnya yang berlaku kepada bangsa-bangsa yang pernah diuji dengan nikmat kemewahan!

Ini adalah sebahagian fitrah manusia yang telah Allah tetapkan. Allah telah tetapkan bahawa fitrah ini dapat berperanan dengan baik jika ia bermujahadah bagi memantapkan manhaj Allah dalam kehidupan manusia dengan menggembeleng segala usaha manusia dan segala kemampuan yang ada pada manusia.

Malahan segala mujahadah dan ujian ini merupakan satu-satunya cara yang praktikal untuk menyaring anggota jamaah (selepas menapis jiwa) bagi membersihkan jamaah Islam daripada anggota yang tidak bermaya, membebankan dan goyah, anggota yang memiliki jiwa dan hati yang lemah, anggota yang bermuka-muka, munafik dan suka disanjung.

Ini adalah hakikat yang Allah ingin ajarkan kepada jamaah Islam ketika jamaah ini menghadapi sebarang ujian dan cubaan. Melalui ujian ini akan tersingkap segala yang

disembunyikan oleh hati seterusnya akan menyaring anggota jamaah ini. Penyaringan ini hanya boleh dilakukan melalui beberapa siri ujian dan proses yang sukar, iaitu setelah melalui pahit maung penderitaan.

Ini adalah hakikat yang Allah ingin ajarkan kepada jamaah Islam ketika Allah menyingkap segala peristiwa di dalam peperangan ini.

Allah berfirman sebagai jawapan kepada soalan orang-orang Islam yang bermaksud:

"Katakanlah: Itu dari (kesalahan) dirimu sendiri."

Seterusnya Allah mengulas:

وَمَآ أَصَٰبَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡتَقَى ٱلۡجَمۡعَانِ فَبِإِذۡنِ ٱللَّهِ وَلِيَعۡلَمَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٦٦﴾ وَلِيَعۡلَمَ ٱلَّذِينَ نَافَقُواْ ... ﴿١٦٧﴾

"Dan apa yang telah menimpa kamu pada hari bertemu dua kumpulan (tentera di medan perang Uhud) itu, maka (ianya) dengan izin Allah dan supaya Allah dapat mengetahui siapakah orang-orang mukmin (sebenarnya). Dan juga dapat mengetahui siapakah orang-orang yang munafik..." (Aali Imran: 166-167)

Firman Allah yang bermaksud:

مَّا كَانَ ٱللَّهُ لِيَذَرَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ عَلَىٰ مَآ أَنتُمۡ عَلَيۡهِ حَتَّىٰ يَمِيزَ ٱلۡخَبِيثَ مِنَ ٱلطَّيِّبِۗ ... ﴿١٧٩﴾

"Allah sekali-kali tidak membiarkan orang-orang yang beriman dalam keadaan yang kamu ada sekarang (bercampur aduk dengan orang munafik), sehingga Dia memisahkan yang buruk (munafik) daripada yang baik (beriman)..." (Aali Imran: 179)

Firman Allah yang bermaksud:

...وَلِيَعۡلَمَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَيَتَّخِذَ مِنكُمۡ شُهَدَآءَۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾

وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَيَمۡحَقَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

"...Supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya) dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati syahid. Dan (ingatlah) Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim. Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir." (Aali Imran: 140-141).

Tujuan Allah berfirman sebegini supaya jamaah Islam benar-benar memahami bahawa segala yang menimpa mereka ini adalah kerana kecuaian mereka menyemai keimanan yang sebenar di dalam jiwa dan tingkah laku mereka semasa peperangan ini. Namun begitu apa yang berlaku ini adalah untuk kebaikan mereka juga; hukuman kepada kecuaian mereka dan menjadikan peristiwa ini sebagai suatu proses pengajaran, penyaringan dan pembersihan demi membezakan barisan jamaah Islam. Semua ini akhirnya, adalah untuk kebaikan mereka

dan kebaikan hidup mereka...

Namun tidak cukup setakat ini untuk memahami tabiat dan fungsi agama ini. Selain daripada perkara yang saya harap dapat benar-benar difahami ini, saya juga perlu jelaskan dengan lebih lanjut beberapa perkara.

Walaupun manhaj Ilahi ini hanya dapat dicapai melalui usaha manusia, dengan mengambil kira keupayaan diri dan realiti hidup manusia; namun begitu ini tidak bermakna manusia bebas sebebasnya dan terpisah daripada sebarang kuasa dan perancangan Allah. Ini juga tidak bermakna manusia tidak akan mendapat sokongan, bantuan dan tunjuk ajar Allah. Fahaman sebegini menyimpang sama sekali dengan dasar Islam yang sebenar.

Saya telahpun nyatakan bahawa Allah s.w.t. pasti akan membantu orang yang berjuang untuk menyampaikan hidayah:

وَٱلَّذِينَ جَٰهَدُواْ فِينَا لَنَهۡدِيَنَّهُمۡ سُبُلَنَاۚ ... ﴿٦٩﴾

"Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak ugama Kami, sessungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami." (Al-Ankabut: 69)

Allah akan mengubah keadaan manusia apabila manusia sendiri mengubah diri mereka. Allah tidak akan mengubah keadaan mereka kecuali setelah mereka mengubah diri mereka:

... إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡ ... ﴿١١﴾

"...Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri..." (Ar-Ra'd: 11)

Kedua-dua nas al-Quran ini dapat memahamkan kita hubungkait antara usaha yang dikeluarkan oleh manusia dengan bantuan dan sokongan yang dianugerahkan oleh Allah. Hanya melalui usaha mujahadah inilah mereka akan memperolehi limpahan kurnia, hidayah, kebaikan dan kejayaan. Kehendak Allah akan sentiasa menjadi penentu di penghujungnya. Tanpa kehendak ini manusia tidak akan mengecapi apa-apa. Kehendak Allah ini akan hanya membantu manusia yang memahami caraNya, membantu manusia yang mengharapkan bantuanNya dan membantu manusia yang berjuang kerana mengharapkan keredaanNya.

Dalam apa jua keadaan, takdir Allahlah yang menguasai manusia dan segala peristiwa yang berlaku ini. Segala cubaan yang berlaku ditentukan oleh Allah. Allah juga yang menentukan ganjaran yang diperolehi oleh orang-orang yang berjaya menempuh cubaan ini.

Allah ingin jamaah Islam memahami dasar ini. Dasar ini dinyatakan ketika mengulas punca kekalahan dan punca kemenangan di dalam peperangan Uhud (segalanya berpunca daripada mereka sendiri) dan Allah dedahkan hikmah dan strategiNya di sebalik segala cubaan ini, dan juga di sebalik segala kemenangan dan kekalahan ini. Allah juga ingin mengajar mereka tentang rancanganNya. FirmanNya yang bermaksud:

وَلَقَدۡ صَدَقَكُمُ ٱللَّهُ وَعۡدَهُۥٓ إِذۡ تَحُسُّونَهُم بِإِذۡنِهِۦۖ حَتَّىٰٓ إِذَا فَشِلۡتُمۡ وَتَنَٰزَعۡتُمۡ فِي ٱلۡأَمۡرِ

وَعَصَيۡتُم مِّنۢ بَعۡدِ مَآ أَرَىٰكُم مَّا تُحِبُّونَۚ مِنكُم مَّن يُرِيدُ ٱلدُّنۡيَا وَمِنكُم مَّن يُرِيدُ
ٱلۡأٓخِرَةَۚ ثُمَّ صَرَفَكُمۡ عَنۡهُمۡ لِيَبۡتَلِيَكُمۡۖ وَلَقَدۡ عَفَا عَنكُمۡۗ ... ﴿١٥٢﴾

"Dan demi sesungguhnya, Allah telah menepati janjiNya (memberikan pertolongan) kepada kamu ketika kamu membunuh mereka (beramai-ramai) dengan izinNya, sehingga ke masa kamu lemah (semangat) dan kamu berbalah dalam urusan perang itu, serta kamu pula mendurhaka (melanggar perintah Rasullulah) sesudah Allah perlihatkan kepada kamu akan apa yang kamu sukai (kemenangan). Di antara kamu ada yang menghendaki keuntungan dunia semata-mata dan di antara kamu ada yang menghendaki akhirat, kemudian Allah memalingkan kamu daripada menewaskan mereka untuk menguji (iman) kamu..." (Aali Imran: 152)

Allah juga mahu mereka memahami sunatullah yang syumul dan memahami bahawa segala sunnahNya itu hanya tertakluk kepada kehendak dan takdirNya semata-mata. FirmanNya yang bermaksud:

إِن يَمۡسَسۡكُمۡ قَرۡحٞ فَقَدۡ مَسَّ ٱلۡقَوۡمَ قَرۡحٞ مِّثۡلُهُۥۚ وَتِلۡكَ ٱلۡأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيۡنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعۡلَمَ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَيَتَّخِذَ مِنكُمۡ شُهَدَآءَۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ
وَيَمۡحَقَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka maka sesungguhnya kaum (musyrik) itu juga telah mendapat luka yang sama (dalam peperangan Badar). Dan keadaan hari-kari Kami tukar-gantikan di antara manusia, (supaya menjadi pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya) dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati syahid. Dan (ingatlah) Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim. Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir." (Aali Imran: 140-141).

Jadi segala yang berlaku ini sebenarnya adalah menurut kehendak dan takdir Allah semata-mata. Perkara ini tidak boleh dipersoal oleh manusia kerana ini adalah hak Allah yang tidak boleh dipersoal. Ini adalah suatu dasar iman yang agung yang perlu bertapak kukuh di dalam diri manusia. Selain daripada memahami tabiat dan cara agama ini berfungsi dasar ini juga perlu difahami dengan betul. Bagi seorang muslim yang hatinya sentiasa merasai kebenaran agama yang diturunkan oleh Allah ini, kedua-dua dasar ini sebenarnya tiada percanggahan. Malah dasar ini tidak sepatutnya disamakan dengan fahaman dan dasar-dasar yang tidak bersumberkan kitab Allah.

2

Manhaj Yang Unggul

Mungkin pada ketika ini ada yang mempersoalkan: Jika Islam ini adalah suatu manhaj Ilahi yang ditetapkan untuk kehidupan manusia dan manhaj ini akan hanya tertegak di muka bumi dan di dalam kehidupan manusia melalui usaha manusia, menurut kemampuan manusia dan menurut realiti manusia, maka apakah keistimewaan manhaj ini berbanding manhaj-manhaj yang dicipta sendiri oleh manusia? Penegakan manhaj ciptaan manusia juga bergantung kepada sejauhmana usaha manusia, kemampuan diri dan realiti manusia. Jadi kenapa kita perlu berusaha menegakkan manhaj ini sedangkan ia juga memerlukan usaha manusia, sama seperti manhaj-manhaj yang lain? Manhaj ini juga tidak akan tertegak melalui mukjizat dan titah perintah Allah. Malah penerapan manhaj ini di dalam kehidupan manusia juga ditentukan oleh kemampuan fitrah semulajadi manusia dan realiti manusia.

* * *

Pada dasarnya, kita diwajibkan berusaha untuk menegakkan manhaj ini supaya melayakkan diri kita digelar muslim. Rukun Islam yang pertama ialah "Kita bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad adalah utusan Allah. Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah bermakna mengesakan Allah dengan sifat uluhiyyah dan tidak meletakkan makhluk setaraf dengan mana-mana sifat Allah. Sifat uluhiyyah yang paling utama ialah kuasa *hakimiah* yang mutlak. Sifat inilah yang memberikan Allah hak untuk menentukan undang-undang yang perlu dilaksanakan pada hamba-hambaNya, hak untuk menentukan manhaj yang perlu digunakan oleh manusia di dalam hidup mereka, dan hak untuk menetapkan neraca yang akan digunakan di dalam kehidupan manusia. Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah tidak akan terlaksana dan tercapai melainkan dengan mengakui bahawa hanya Allah yang berhak menentukan manhaj yang akan diguna pakai di dalam kehidupan manusia selain, berusaha supaya hanya manhaj ini sahaja yang akan diguna pakai di dalam kehidupan manusia.
Mana-mana komuniti manusia yang mengaku berhak untuk menggubal sendiri manhaj kehidupan manusia ini sebenarnya telah mengaku bahawa mereka memiliki kuasa ketuhanan, apabila mendakwa mereka memiliki ciri utama sifat uluhiyyah ini. Barang siapa yang akur dengan dakwaan mereka ini sebenarnya telah menjadikan mereka ini sebagai tuhan selain daripada Allah kerana mengiktiraf bahawa mereka ini memiliki sifat uluhiyyah yang utama. Pengakuan bahawa Muhammad adalah utusan Allah pula maksudnya yang paling tepat ialah mengakui bahawa manhaj yang dibawa daripada Allah ini merupakan manhaj Allah yang sebenar untuk kehidupan manusia. Ini adalah satu-satunya manhaj yang wajib kita praktikkan bukan sahaja di dalam hidup kita bahkan di dalam kehidupan seluruh bangsa manusia.

Oleh kerana inilah kita wajib berusaha mempraktikkan manhaj ini supaya kita layak digelar muslim. Kelayakan ini hanya dicapai melalui pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad adalah utusan Allah. Pengakuan ini pula hanya diterima apabila kita mengesakan uluhiyyah Allah dan mengakui bahawa hanya Allah yang berhak menentukan manhaj bagi kehidupan manusia, seterusnya berusaha untuk mempraktikkan manhaj yang dibawa oleh Muhammad s.a.w. ini.

* * *

Sebenarnya kita diwajibkan untuk berusaha melaksanakan manhaj ini kerana suatu keistimewaan yang dimiliki oleh manhaj ini. Sebenarnya hanya manhaj ini sahaja yang dapat menganugerahkan manusia kehormatan diri, kebebasan hakiki dan membebaskan mereka daripada belenggu perhambaan. Hanya manhaj ini sahaja yang dapat menganugerahkan kebebasan yang mutlak kepada manusia, sebagai seorang manusia dan seorang hamba kepada Allah. Manhaj ini akan membebaskan manusia daripada perhambaan kepada manusia dengan mengarahkan perhambaan mereka hanya kepada Allah iaitu Tuhan manusia. Tiada satupun manhaj di muka bumi ini selain manhaj Islam yang dapat memberikan keistimewaan ini kepada manusia. Ini disebabkan sifat rabbani pada manhaj ini yang mengakui hanya Allah sebagai tuhan dan mengakui hanya Allah yang mempunyai kuasa untuk menentukan undang-undang yang akan digunakan sebagai panduan hidup manusia. Dengan pengakuan ini manusia hanya memiliki satu Tuhan dan satu tuan. Pengakuan ini juga menghalang manusia menjadi tuhan kepada manusia yang lain; bila manusia ini memiliki kuasa hakimiah dan ketuanan ke atas manusia lain yang memperhambakan diri kepada manusia yang dipercayai memiliki sifat tuhan ini!

Ciri inilah yang menjadikan manhaj Ilahi ini berbeza. Keistimewaan ini bukan sekadar kata-kata atau sekadar retorik tetapi ianya suatu realiti. Oleh kerana itulah dakwah para rasul ialah mengakui bahawa hanya Allah sebagai Tuhan dan menafikan sifat-sifat ketuhanan ini pada hambaNya yang selama ini dianggap sebagai tuhan dan didakwa memiliki kuasa untuk menentukan manhaj yang akan diguna pakai oleh hamba-hamba Allah. Malangnya dakwaan mereka ini diterima oleh manusia yang tidak beriman dengan keesaan Allah!

Allah pernah berfirman tentang Yahudi dan Kristian yang bermaksud:

ٱتَّخَذُوٓا۟ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَـٰنَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ وَٱلْمَسِيحَ ٱبْنَ مَرْيَمَ وَمَآ أُمِرُوٓا۟ إِلَّا
لِيَعْبُدُوٓا۟ إِلَـٰهًا وَٰحِدًا ۖ لَّآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ سُبْحَـٰنَهُۥ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

"Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli ugama mereka sebagai tuhan-tuhan selain Allah dan (mempertuhankan) Al-Masih ibni Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan." (At-Taubah: 31)

Mereka ini sebenarnya tidak menyembah pendeta-pendeta dan rahib-rahib ini cuma mereka menerima bahawa pendeta dan rahib ini memiliki hak yang sama dengan Allah untuk menentukan undang-undang yang akan mereka guna pakai. Mereka juga menerima bahawa pendeta dan rahib ini berhak menentukan manhaj yang akan diguna pakai di dalam kehidupan mereka. Oleh kerana itu Allah berfirman bahawa mereka ini (orang-orang Yahudi dan Kristian) telah menjadikan pendeta dan rahib mereka sebagai tuhan. Mereka ini menentang perintah yang dititahkan oleh Allah supaya mereka hanya mengakui Allah sebagai Tuhan. Oleh itu mereka adalah orang-orang yang menyekutukan Allah...

Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Jarir melalui beberapa sanad, daripada Adi bin Hatem r.a. bahawa sebaik sahaja mendengar dakwah Rasulullah s.a.w. beliau telah melarikan diri ke Syam. Beliau memeluk Kristian semenjak zaman jahiliyyah lagi. Setelah itu, saudara perempuan dan kaumnya telah ditawan. Rasulullah s.a.w. kemudiannya membebaskan saudara perempuan beliau dan saudara perempuannya ini datang menemui beliau dan mengajak beliau memeluk Islam. Lalu mengajak beliau bertemu Rasulullah s.a.w. di Madinah. Beliau merupakan ketua kepada kaumnya, Toie. Bapa beliau adalah Hatem al-Toie yang terkenal

dengan kemurahan hatinya. Orang ramai mula berbual tentang kedatangan beliau. Ketika beliau menemui baginda Rasulullah s.a.w. di leher beliau masih terdapat salib yang diperbuat daripada perak. Ketika ini baginda sedang membaca ayat: *"Mereka menjadikan pendeta-pendeta dan ahli-ahli ugama mereka...."* Adi berkata: Lantas saya berkata: Mereka tidak pernah menyembah pendeta-pendeta dan rahib-rahib mereka. Baginda membalas: "Bahkan ya, kerana pendeta dan rahib ini mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram lalu mereka menurutnya. Inilah cara penyembahan mereka kepada pendeta dan rahib ini!"

Al-Suddie berkata: Mereka meminta pandangan pendeta-pendeta ini dan mengenepikan sama sekali kandungan kitab Allah. Oleh kerana itulah Allah berfirman: *"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan yang Maha Esa...."* iaitu apabila tuhan ini mengharamkan sesuatu ia adalah tetap haram dan apabila tuhan ini menghalalkan sesuatu ia tetap halal. Segala undang-undang Allah perlu dipatuhi dan segala perintah Allah perlu dilaksanakan...

Hanya Islam sahaja yang mengesakan penyembahan kepada Allah dengan mengakui bahawa hanya Allah sahaja yang mempunyai hak *hakimiah* dan kuasa menentukan manhaj bagi kehidupan manusia. Oleh kerana itulah hanya Islam sahaja yang mampu membebaskan manusia daripada perhambaan kepada tuhan-tuhan lain selain Allah. Oleh kerana itu jugalah kita diwajibkan berusaha untuk mempraktikkan manhaj ini sahaja.

*   *   *

Kita diwajibkan supaya berusaha mempraktikkan manhaj ini kerana manhaj ini datangnya daripada Allah. Ini menjadikan manhaj ini satu-satunya manhaj yang bersih daripada dipengaruhi oleh hawa naf'su manusia atau kelemahan manusia atau kepentingan peribadi manusia yang ingin dicapai melalui pembentukan sesuatu undang-undang. Sama ada kepentingan ini adalah untuk kepentingan individu penggubal undang-undang sendiri atau untuk kaum keluarganya atau untuk puaknya atau untuk kaumnya atau untuk bangsanya. Manakala Penggubal manhaj ini adalah Allah s.w.t. sendiri Tuhan kepada seluruh manusia. Sudah pasti Allah tidak menggubal undang-undang ini untuk kepentingan peribadi atau untuk menarik sokongan sesuatu puak, atau sesuatu kaum, atau sesuatu bangsa!

Undang-undang yang digubal oleh manusia sama ada digubal oleh seorang pemerintah atau keluarga yang memerintah atau puak yang memerintah atau kaum yang memerintah atau bangsa yang memerintah adalah mustahil (berdasarkan fitrah manusia) untuk tidak dipengaruhi sama sekali oleh hawa nafsu atau kepentingan penggubal undang-undang itu.

Sebaliknya apabila manhaj yang mentadbir kehidupan manusia ini ialah manhaj Allah, sudah pasti kelemahan ini tidak wujud. Dengan ini tertegaklah keadilan yang hakiki, menyeluruh dan sempurna. Tidak mungkin manhaj manusia dapat menghasilkan kesan yang seumpama ini kerana tiada satupun manhaj-manhaj buatan manusia yang tidak dipengaruhi oleh faktor keinginan manusia atau kelemahan manusia atau kepentingan peribadi manusia.

Tatkala mendengar seruan Allah supaya melaksanakan keadilan yang menyeluruh dan sempurna ini, tanpa dipengaruhi oleh hawa nafsu atau dipengaruhi oleh fanatik perkauman dan kekeluargaan, sebagaimana firman Allah yang ditujukan kepada jamaah Islam yang bermaksud:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُواْ ۚ ٱعْدِلُواْ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang

menegakkan (keadilan) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Berlaku adillah, kerana keadilan itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (Al-Maidah: 8)

Maka di sini, mungkin ada yang akan bertanya: Apakah ada jaminan bahawa jamaah Islam ini akan melaksanakan keadilan yang dilaungkan dan diperintahkan oleh Allah?
Jaminan sebenar yang menjamin perlaksanaan manhaj Islam ini tersirat di dalam hati seorang Islam. Jaminan sebenar lahir daripada keimanannya. Apabila wujud keimanan yang tinggi terhadap agama ini dengan sendirinya akan wujud jaminan yang cukup kuat. Umat Islam mempelajari daripada kandungan agama mereka bahawa kewujudan identiti mereka, kemenangan mereka dan penguasaan mereka di muka bumi ini bergantung kepada sejauhmana mereka melaksanakan perintah ini. Jikalau tidak identiti mereka akan hilang, kemenangan mereka akan bertukar kepada kekalahan, kehebatan mereka akan luput, dan mereka akan dihina. Mereka sentiasa mendengar firman Allah yang ditujukan kepada mereka:

...وَلَيَنصُرَنَّ ٱللَّهُ مَن يَنصُرُهُۥٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَقَوِىٌّ عَزِيزٌ ﴿٤٠﴾ ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلْأُمُورِ ﴿٤١﴾

"...Dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong ugamanya (Islam); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan memberikan zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan." (Al-Haj: 40-41).

Mereka cukup yakin bahawa Allah tidak akan menyebelahi mereka jika mereka menyimpang daripada jalan yang benar.

Oleh itu, jamaah Islam merupakan satu-satunya jaminan untuk melaksanakan perintah ini. Jamaah ini menjadikan akidah sebagai teras mereka dan sentiasa beriltizam untuk melaksanakan segala perintah Allah. Bahkan jamaah ini melihat segala kecuaian dan kelalaian merupakan petanda bahawa mereka akan ditimpa bala bencana yang dikenakan bukan kepada orang-orang yang zalim sahaja...

Oleh kerana itulah kita diwajibkan untuk melaksanakan manhaj ini bagi merealisasikan keadilan yang menyeluruh dan sempurna, yang tidak mungkin dicapai kecuali melalui manhaj yang unggul ini.

* * *

Kita diwajibkan supaya berusaha menegakkan manhaj ini kerana manhaj ini satu-satunya manhaj yang tidak bersumberkan kejahilan dan kelemahan manusia. Penggubal manhaj ini adalah Allah, pencipta manusia ini, Maha Mengetahui apa yang sesuai dan baik untuk manusia, mengetahui segala selok belok struktur fizikal manusia, mengetahui setiap selok belok bumi dan alam ini yang secara langsung ada kaitan dengan kehidupan manusia. Jikalau Allah menggubal

manhaj ini bererti Dia telah memuatkan di dalam manhaj ini segala faktor yang tidak mungkin dapat diketahui sepenuhnya oleh manusia baik individu manusia mahupun sekumpulan manusia dalam mana-mana generasi. Ini kerana sebahagian faktor ini memerlukan agar manusia menghimpunkan segala pengalaman dan fenomena yang berlaku sepanjang kehidupan manusia dari dahulu, sekarang dan masa hadapan yang masih belum wujud, sudah tentu ini adalah mustahil.

Sebahagian faktor ini pula memerlukan manusia mengetahui segala rahsia alam ini dan sudah tentu ini juga mustahil. Ditambah pula dengan fahaman manusia yang terbatas untuk memahami semua perkara dengan betul dan menyeluruh walaupun dalam perkara yang hanya membabitkan pengalaman dan pemerhatian. Ini kerana segala pemerhatian manusia adalah terbatas dan tidak menyeluruh selain dikongkong oleh pengaruh hawa nafsu dan kelemahan-kelemahan yang lain. Sifat-adat ini tidak melayakkan manhaj ciptaan manusia menjadi manhaj bangsa manusia!

Oleh kerana itu, Allah berfirman:

وَلَوِ ٱتَّبَعَ ٱلْحَقُّ أَهْوَآءَهُمْ لَفَسَدَتِ ٱلسَّمَٰوَٰتُ وَٱلْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ ... ﴿٧١﴾

"Dan *kalaulah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya..." (Al-Mukminun: 71)*

Firman Allah yang bermaksud:

ثُمَّ جَعَلْنَٰكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ ٱلْأَمْرِ فَٱتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَآءَ ٱلَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

"Kemudian Kami jadikan engkau (wahai Muhammad) berada di atas satu syari'at dari urusan (ugama) itu, maka ikutilah syari'at itu dan janganlah engkau mengikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui." (Al-Jathiah: 18)

Semua manusia tidak mengetahuinya ... mereka tidak memiliki ilmu yang menyeluruh bagi melayakkan mereka menggubal suatu manhaj untuk kehidupan manusia. Oleh yang demikian usaha yang mereka lakukan sebenarnya hanya didorong oleh hawa nafsu mereka atau kejahilan mereka. Perkara ini di luar kemampuan mereka apatah lagi apabila mereka mendakwa memiliki sifat-sifat ketuhanan. Suatu dosa yang besar dan suatu jenayah yang amat berat.

Kita diwajibkan berusaha untuk menegakkan manhaj ini kerana manhaj ini satu-satunya manhaj yang membangunkan sistem kehidupan manusia berteraskan suatu tafsiran yang lengkap tentang kewujudan manusia. Tafsiran yang lengkap tentang kedudukan dan matlamat kewujudan manusia yang sebenar. Bukan hanya berdasarkan kejahilan, kelemahan dan hawa nafsu manusia semata-mata atau berdasarkan fahaman yang menolak tuhan.

Ini adalah satu-satunya landasan yang sempurna dan betul bagi menegakkan satu sistem hidup manusia berteraskan tabiat semulajadi manusia itu sendiri. Mana-mana sistem yang digubal untuk kehidupan manusia tetapi tidak berlandaskan kepada satu tafsiran yang lengkap sebenarnya tidak berteraskan kepada tabiat semulajadi manusia. Sistem tersebut adalah tiruan dan tidak mungkin akan kekal lama. Sistem tersebut akan hanya membawa kesengsaraan kepada manusia sepanjang perlaksanaannya. Akhirnya sistem ini akan dihancurkan oleh fitrah manusia sendiri dan manusia akan kembali kepada dasar yang sempurna dan betul.

Tafsiran ini yang terkandung di dalam manhaj Ilahi adalah satu-satunya tafsiran yang betul

kerana tafsiran ini adalah huatan Pencipta alam ini, Pencipta manusia ini dan Maha Mengetahui tentang alam dan manusia ini. Semua tafsiran lain tentang alam ini, tentang kedudukan manusia di alam ini dan tentang matlamat kewujudan manusia yang merupakan hasil buatan manusia merupakan tafsiran yang cetek kerana alam ini terlalu luas buat manusia. Mustahil manusia dapat membuat suatu tafsiran yang lengkap. Lebih-lebih lagi untuk menentukan matlamat kewujudan manusia memerlukan mereka mengetahui segala ilmu Tuhan yang mencipta manusia dan rahsia di sebalik penciptaan manusia. Selain itu, untuk menentukan matlamat ini tafsiran itu perlu bersih daripada pengaruh hawa nafsu? Suatu perkara yang tidak mungkin dapat dilakukan oleh manusia selama-lamanya.

Sesiapa yang pernah membaca catatan ahli falsafah yang cuba membuat tafsiran mengenai alam ini, tentang kedudukan manusia di alam ini dan matlamat kewujudan manusia akan merasa pelik. Kebanyakan tafsiran ini melucukan dan janggal kerana kandungannya yang begitu dangkal. Barangkali ramai yang tidak percaya bagaimana fahaman-fahaman begini boleh lahir daripada seorang ahli falsafah!! Hanya apabila mengingatkan ahli falsafah ini juga adalah manusia biasa yang hanya memiliki akal manusia. Sebenarnya perkara ini bukan bidang akal manusia. Malangnya ahli-ahli falsafah ini telah menyusahkan diri mereka mengkaji bidang yang di luar kemampua n mereka, apa yang mereka miliki hanyalah akal yang dikurniakan oleh Allah untuk hal-hal lain atau untuk bidang lain bukannya soal atau bidang ini. Mereka sepatutnya mengkaji hal-hal yang boleh member] manfaat kepada mereka atau bidang yang boleh mereka perkembangkan seperti soal kehidupan manusia ataupun soal pemerintahan di muka bumi yang berpandukan manhaj Ilahi. Atau pun mereka boleh mengkaji segala limpah kurnia Allah yang menganugerahkan manhaj yang mengandungi suatu tafsiran yang lengkap tentang alam ini dan tentang matlamat kewujudan manusia ini. Tafsiran Allah adalah yang benar. Manhaj Allah ini mengandungi tafsiran yang cukup lengkap untuk menjadi asas dalam memahami kehidupan manusia yang sebenar. Tafsiran ini juga cukup lengkap untuk menjadi asas kepada suatu sistem yang berteraskan tabiat semulajadi manusia.

Kita diwajibkan supaya berusaha menegakkan manhaj ini supaya sistem kehidupan manusia dibangunkan di atas landasan semulajadi manusia. Tiada satupun manhaj lain yang memiliki ciri yang perlu ada ini.

* * *

Akhir sekali, kita juga diwajibkan supaya berusaha menegakkan manhaj ini kerana ia satu-satunya manhaj yang mempunyai keserasian dengan keseluruhan sistem alam ini. Manusia tidak akan dapat hidup dengan suatu manhaj yang tidak serasi dengan sistem ini sedangkan mereka terpaksa hidup di dalam alam ini dan terikat sepenuhnya dengan sistem alam ini.

Keserasian antara manhaj kehidupan manusia dengan manhaj kehidupan alam ini merupakan satu-satunya cara yang membolehkan manusia berinteraksi dengan kekuatan alam yang luas ini, bukan untuk menentangnya. Apabila manusia melawan kekuatan ini ia akan hanya menyebabkan kehancuran dan kesengsaraan. Akibatnya manusia tidak akan dapat melaksanakan tugasnya sebagai pemerintah di muka bumi ini, sepertimana yang dikehendaki oleh Allah.

Apabila kehidupan manusia ini serasi dengan sistem alam ini, manusia akan memahami rahsia alam ini dan dapat mengeksploitasi dan memanfaatkan kekuatan ini untuk kehidupan mereka. Dengan ini api yang diperolehi oleh manusia bukan untuk membakar dirinya sebaliknya ia digunakan untuk memasak, memanas dan menerangkan.

Sebenarnya fitrah manusia sentiasa serasi dengan peraturan alam ini. Apabila sistem hidup manusia terkeluar daripada peraturan ini ianya bukan sekadar bertembung dengan alam ini sahaja bahkan ia bertembung dengan fitrahnya sendiri. Manusia akan merasa sengsara, tertekan,

kebingungan dan kebimbangan. Mereka akan hidup dalam azab sengsara walaupun mereka telah memperolehi pelbagai kemajuan sains dan pelbagai kemudahan yang moden, sebagaimana yang dialami oleh manusia hari ini.

Manusia akan mengalami kesengsaraan, kebimbangan, kebingungan dan tekanan, seterusnya akan cuba melarikan diri daripada realitinya ini dengan cara mengambil candu, ganja dan arak. Akhirnya mereka akan tenggelam dalam dunia fantasi dan tindakan tidak siuman, walaupun mereka telah memiliki segala kesenangan, kekayaan, kehidupan yang mewah dan masa lapang. Sebaliknya rasa kekosongan, kebimbangan dan kebingungan ini akan bertambah teruk setiap kali kemewahan dan kemudahan moden ini bertambah. Rasa kekosongan yang menyeksa ini akan sentiasa menghantui manusia. Malangnya setiap kali mereka cuba mencari jalan keluar perasaan ini tetap menghantui mereka.

Sesiapa sahaja yang berpeluang untuk melancong ke negara-negara yang kaya dan maju dengan kemajuan moden terutamanya Amerika dan Sweden pasti akan merasa seolah-olah masyarakat ini adalah masyarakat pelarian! Mereka sentiasa cuba lari daripada perasaan yang menghantui mereka. Mereka lari daripada diri mereka sendiri. Kita akan dapat merasakan wujudnya kemewahan, kesenangan material dan kebebasan seks yang menular ke tahap kebinatangan tetapi kita dapat rasakan di sebalik segala kemewahan ini wujudnya gangguan mental, homoseksual, tekanan perasaan, bermacam bentuk penyakit mental, jenayah yang luar biasa dan kekosongan hidup tidak seperti seorang manusia yang normal.

Melalui sains, manusia telah mencapai kejayaan besar di bidang perubatan dan f'isiologi. Muncul pelbagai jenis ubat-ubatan serta pelbagai teknik terapi dan rawatan yang dianggap sebagai suatu kejayaan besar. Lebih-lebih lagi apabila unsur sul-fur, pensilin dan maisin berjaya ditemui.

Dalam sektor industri dan pengeluaran pula manusia telah mencapai tahap yang dianggap luar biasa dan sektor ini masih berkembang maju.

Beberapa kejayaan yang besar juga telah diperolehi dalam penerokaan angkasa lepas, satelit, stesen pemancar, kapal angkasa lepas dan penerokaan ini masih berterusan sehingga kini...

Namun begitu apakah kesannya kepada kehidupan manusia? Apakah pula kesannya kepada psikologi manusia? Apakah manusia telah menikmati kebahagiaan? Apakah manusia telah menikmati ketenangan? Apakah manusia telah menikmati kedamaian? Tidak sama sekali! Sebaliknya manusia hanya menikmati kesengsaraan, kebimbangan dan ketakutan. Kesemua sektor ini tidak berkembang ke arah yang sepatutnya sebagaimana yang diingini oleh manusia, menuju matlamat kewujudan manusia. Jika dibuat perbandingan antara matlamat kewujudan manusia yang difahami oleh manusia moden dengan matlamat yang difahami oleh Islam nescaya kemajuan hari ini seolah-olah suatu bencana yang meruntun jiwa manusia sehingga ke tahap paling rendah. Kemajuan ini telah meranapkan segala tumpuan, keinginan dan nilai kemanusiaan mereka!

Contohnya, di Amerika hari ini mereka sedang menyembah tuhan yang baru yang digambarkan sebagai matlamat kehidupan manusia iaitu tuhan wang, tuhan keseronokan, tuhan glamour dan tuhan produktiviti! Oleh kerana fahaman sebeginilah mereka kini tidak mengenali diri mereka sendiri kerana mereka tidak lagi memahami matlamat kewujudan mereka sebagai manusia! Inilah yang berlaku dalam mana-mana sistem jahiliyyah yang lain. Mereka menyembah tuhan-tuhan yang sama kerana mereka tidak menemui tuhan mereka yang sebenar!

Dengan sebab-sebab inilah kita diwajibkan supaya berusaha untuk menegakkan manhaj Ilahi di dalam kehidupan manusia. Agar manusia dapat dikembali kepada Tuhan yang satu. Agar mereka dapat dikembali kepada matlamat kewujudan sebenar yang layak bagi seorang manusia.

Agar mereka dapat dikembali kepada sistem alam ini yang merangkumi alam dan manusia ini.

Inilah hakikat yang ingin diterapkan oleh al-Quran al-Karim ketika mana ia mencegah cubaan manusia untuk melaksanakan undang-undang dan manhaj lain dalam kehidupan mereka. Tindakan ini sebenarnya bercanggah sama sekali dengan alam semesta ini.

أَفَغَيْرَ دِينِ ٱللَّهِ يَبْغُونَ وَلَهُۥٓ أَسْلَمَ مَن فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

"Apakah mereka mencari agama yang lain dan agama Allah? Padahal kepadaNyalah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi menyerah diri, samada dengan suka atau pun terpaksa, kepadaNyalah mereka akan dikembalikan." (Aali Imran: 83)

Sesungguhnya benarlah Allah yang Agung...

3

Manhaj Yang Mudah

Mungkin pada ketika ini ada yang berkata: Manusia tidak akan mampu bertahan lama untuk berpegang dengan manhaj yang terlalu unggul ini. Mungkin hanya sebahagian manusia sahaja yang sempat menikmati manhaj ini. Setelah itu manusia mula beralih kepada manhaj lain yang walaupun tidak dapat mencapai tahap keunggulan yang sama tetapi tidaklah membebankan sangat untuk dicapai!

Sekali imbas, pandangan ini kelihatan benar. Banyak buku yang ditulis bagi menerapkan fahaman sebegini bagi membayangkan bahawa manhaj ini tidak lagi praktikal dan relevan. Manhaj ini tidak akan mampu dipikul oleh fitrah manusia. Manhaj ini sekadar suatu slogan yang ideal yang tidak mungkin dapat dicapai. Sebenarnya wujud tujuan jahat di sebalik usaha menerapkan fahaman sebegini iaitu menimbulkan ketidak yakinan untuk memulakan hidup baru bersama manhaj ini. Selain memperlekehkan segala usaha yang dilakukan untuk mengembalikan manhaj ini ke dalam hidup manusia. Para konspirator ini telah memutar belitkan kekacauan yang berlaku di kalangan umat Islam selepas pembunuhan Usman dan pertembungan antara Ali (moga Allah memuliakannya) dengan Muawiyah serta peristiwa-peristiwa seterusnya. Mereka merasakan peristiwa tersebut sesuai untuk dieksploitasi. Selain itu, banyak hadis-hadis palsu atau sahih juga boleh dieksploit untuk menyokong tujuan mereka menerapkan fahaman yang keji ini. Kadang kala mereka sebarkan fahaman ini secara tidak langsung dan kadang kala secara terus terang, bergantung kepada peluang yang terbuka di hadapan mereka.

Niat jahat mereka ini secara tidak disedari telah dibantu oleh sekumpulan umat Islam yang ikhlas yang tidak mahu peristiwa hitam ini mencacatkan perkembangan Islam yang sedang rancak pada zaman yang agung itu. Mereka juga tidak mahu wujudnya kecenderungan memahami politik Islam dengan tidak menurut cara politik di zaman Rasulullah s.a.w. dan dua orang pemimpin selepas baginda, atau wujudnya kepincangan tingkah laku beberapa orang pemerintah Islam di zaman Islam. Oleh kerana didorong oleh perasaan sedih ini mereka mengeluarkan pandangan bahawa perkembangan Islam sebenar telahpun terhenti dan hanya berjalan dalam tempoh yang singkat. Mereka begitu semangat mempopularkan teori ini semata-mata kerana didorong oleh keikhlasan dan kekaguman mereka melihat zaman gemilang itu! Didorong oleh semangat mereka melihat zaman yang dipenuhi contoh yang hebat dan unggul!

Segala aspek ini perlu dikaji semula dan diteliti dengan lebih mendalam. Kajian ini perlu mengambil kira sudut kemanusiaan, sudut tabiat agama ini dan sudut tabiat manhaj ini untuk memimpin manusia dalam jangka yang lama dalam semua keadaan.

* * *

Pada dasarnya adalah tidak benar untuk menuduh manhaj Ilahi ini telah membebankan manusia di luar kemampuan sebenar atau memaksa mereka bersabar terlalu lama.

Memang benar manhaj ini adalah suatu manhaj yang unggul tetapi dalam masa yang sama manhaj ini juga serasi dengan fitrah manusia. Manhaj ini berrgantung kepada aset fitrah dan sejauhmana aset vang tersimpan ini dipergunakannya. Keistimewaan manhaj ini ialah ia mengenali potensi aset ini semenjak awal lagi!

Manhaj ini mengetahui cara mendekati jiwa manusia semenjak awal lagi. Manhaj ini mengetahui tabiat dan selok belok jiwa ini. Oleh itu mudah untuknya menyelami jiwa ini. Manhaj ini mengetahui selok belok jiwa manusia, oleh itu ia mampu menyelami jiwa ini dengan yakin. Manhaj ini mengetahui had kekuatan dan kemampuan jiwa, dengan ini ia tidak akan membebankannya melampaui batas ini. Manhaj ini mengetahui segala keperluan dan keinginan jiwa ini, dengan ini ia akan memenuhi keseluruhan keinginan ini. Manhaj ini mengetahui potensi sebenar jiwa ini, dengan ini potensi ini akan digembelengkan untuk bekerja dan membangun...

Dengan segala kegemilangan, keindahan dan keunggulan ini, menjadikan manhaj ini suatu sistem yang serasi dengan manusia, suatu sistem yang cocok dengan manusia yang hidup di atas muka bumi ini, suatu sistem yang mengambil kira segala spesifikasi manusia selain mengambil kira binaan dan struktur serta segala keperluan fizikal manusia ini.

Apabila jiwa manusia ini serasi dengan fitrahnya, apabila segala keperluan dan keinginannya dipenuhi, apabila segala potensinya digembeleng nescaya manusia ini akan mengharungi kehidupannya dengan mudah dan selesa. Jiwa manusia ini akan meningkat selari dengan fitrahnya ke puncak keunggulan. Jiwa ini akan sentiasa merasai kedamaian, keselesaan, ketenangan dan keyakinan sepanjang mengharungi perjalanan yang jauh ini.

* * *

Manakala manusia yang wasangka dan meragui keupayaan untuk melaksanakan manhaj ini sebenarnya merasa bimbang dengan ciri-ciri akhlak manhaj ini. Mereka bimbang dengan keutuhan akhlak yang menjadi teras manhaj ini. Mereka bimbang dengan beban yang bakal ditanggung apabila akhlak ini diterapkan. Dengan beranggapan akhlak ini bakal menjadi penghalang kepada manusia untuk melunaskan keinginan mereka dan segala
kehendak naluri mereka.

Ini adalah suatu kekeliruan yang berpunca daripada tidak memahami tabiat agama ini.

Akhlak Islam sebenarnya bukanlah suatu belenggu atau kongkongan sebagaimana yang digambarkan. Sebaliknya akhlak Islam pada dasarnya merupakan suatu kekuatan dan gerakan yang membangun dan memacu pembangunan yang berterusan selain berkembang dan berusaha mencapai sesuatu matlamat melalui usaha ini tetapi masih menggunakan cara yang betul...

Jadi menurut manhaj ini, berusaha dan bersikap proaktif merupakan contoh akhlak yang baik. Sebaliknya menganggur dan bersikap pasif adalah contoh akhlak yang tidak baik kerana sifat ini bercanggah dengan matlamat kewujudan manusia vang ditetapkan Islam iaitu memerintah muka bumi dan menggunakan segala khazanah bumi yang dianugerahkan oleh Allah kepada manusia bagi tujuan membangun dan memakmurkan bumi ini.

Berusaha sedaya upaya untuk mencapai sesuatu kebaikan atau menghapuskan sesuatu kejahatan merupakan contoh akhlak yang baik kerana ia menggembeleng keupayaan sebenar bangsa manusia ini. Dalam masa yang sama dari perspektif Islam, usaha ini adalah suatu bentuk ketaatan kepada Allah yang mencerminkan nilai akhlak yang sangat tinggi...

Bahkan sebahagian contoh yang kelihatan seperti suatu kongkongan dan belenggu sebenarnya dari satu sudut lain dilihat sebagai suatu contoh kebebasan dan kemerdekaan jiwa.

Contohnya, mengekang perasaan daripada menurut keinginan seks yang diharamkan. Pada zahirnya kelihatan seperti suatu kongkongan dan belenggu. Namun pada hakikatnya adalah sebaliknya kerana tindakan ini membebaskan jiwa manusia daripada kongkongan hawa nafsu dan memartabatkan kuasa, kehendak yang dimiliki oleh manusia. Iaitu apabila kuasa kehendak ini menentukan di mana syahwat ini boleh dilunaskan; di tempat yang dibenarkan oleh Is-lam dan di

tempat suci yang dihalalkan oleh Allah.[1]

Kita ambil contoh lain iaitu sifat tidak mementingkan diri sendiri dan sentiasa mengutamakan orang lain, sifat ini seolah-lah suatu beban dan halangan untuk menikmati segala apa yang dimilikinya semata-mata kerana mengutamakan kepentingan orang lain. Namun pada hakikatnya adalah sebaliknya kerana sifat ini membebaskan manusia daripada sifat kedekut dan mengawal manusia daripada sifat tamak. Sifat ini lahir daripada keinginan supaya sesuatu kebaikan dikongsi bersama. Jadi sifat ini pada dasarnya adalah suatu kebebasan dan kemerdekaan jiwa.

Masih banyak lagi contoh-contoh lain yang tidak dapat saya berikan semuanya di sini. Namun contoh-contoh yang diberikan di sini sudah cukup untuk memahami pengertian sebenar "kongkongan" akhlak di dalam manhaj Islam.

Dari perspektif Islam, dosa dan amalan keji merupakan kongkongan dan belenggu yang sebenar. Unsur ini mengongkong dan mencengkam jiwa sehingga manusia gugur ke lembah yang hina. Islam beranggapan jiwa yang merdeka adalah jiwa yang bebas daripada cengkaman nafsu kebinatangan. Ini adalah asas akhlak Islam.

Sikap Islam ini berlandaskan fitrah manusia yang sukakan kebaikan kerana manusia dicipta dengan ciptaan yang terbaik. Manusia akan tergelincir ke darjat yang paling hina jika mereka tidak mengamalkan manhaj Allah.

لَقَدْ خَلَقْنَا ٱلْإِنسَـٰنَ فِىٓ أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾ ثُمَّ رَدَدْنَـٰهُ أَسْفَلَ سَـٰفِلِينَ ﴿٥﴾ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ... ﴿٦﴾

"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya). Kemudian (jika ia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal saleh..." (At-Tiin: 4-6)

Oleh kerana itulah manhaj yang serasi dengan fitrah manusia adalah manhaj yang akan menyelamatkan manusia daripada tergelincir ke dalam kongkongan yang mengekang fitrah yang mulia dan membebaskan jiwa daripada kongkongan hawa nafsu! Islam amat prihatin untuk meneraju dan memelihara masyarakat manusia supaya lahir suasana yang dapat membebaskan mereka daripada sebarang penyelewengan fitrah mereka. Agar membolehkan kuasa kebaikan yang wujud di dalam fitrah ini menyerlah, bebas dan berkembang. Agar menghapuskan segala rintangan yang menghalang fitrah ini daripada berkembang ke arah kebaikan secara semulajadi.

Sebahagian manusia mendakwa akhlak Islam hanya merupakan beban dan masalah kepada manusia dan tidak mungkin dapat dipraktikkan dalam kehidupan harian mereka. Dakwaan ini sebenarnya berdasarkan pengalaman yang dialami individu muslim ketika hidup di dalam masyarakat yang tidak diterajui oleh Islam. Apabila Islam tidak menjadi peneraju masyarakat, akhlak Islam sememangnya menjadi beban. Membebankan mana-mana individu yang mengamalkan Islam yang suci di tengah masyarakat jahiliyyah yang kotor, bukan setakat itu sahaja bahkan hampir-hampir menghancurkan individu ini.

---

[1] Sila rujuk tajuk "Masyarakat Berakhlak" di dalam buku: *Ke Arab Masyarakat Islam* dan tajuk "Kekangan Dan Kebebasan" di dalam buku: *Menyelami Jiwa Dan Masyarakat,* Muhammad Qutb.

Namun begitu ini bukanlah realiti yang diingini oleh Islam apabila Islam mewajibkan penerapan sistem akhlaknya yang unik, mulia dan unggul. Islam adalah suatu sistem yang praktikal. Oleh kerana itu Islam mahukan manusia yang mengamalkan manhajnya supaya hidup di dalam masyarakat yang diterajui Islam. Masyarakat ini hidup di dalam budaya yang baik, mulia dan suci. Budaya ini difahami dan dipelihara oleh semua yang memimpin masyarakat ini. Sebaliknya budaya yang buruk, keji dan kotor akan dihambat oleh seluruh kuasa yang menerajui masyarakat ini!

Apabila neraca ini sudah membudaya di dalam masyarakat Islam maka pelaksanaan manhaj Islam di dalam kehidupan masyarakat akan diterima dengan begitu mudah. Sebaliknya bebanan sebenar akan hanya dirasai oleh mana-mana individu masyarakat ini yang cuba untuk melanggar manhaj ini, atau cuba untuk melunaskan kehendak hawa nafsu haiwani, atau cuba melakukan kejahatan. Segala kuasa yang menerajui masyarakat ini selain kuasa fitrah yang sejahtera, akan menjadi penghalang kepada mereka dan menjadikan budaya yang songsang ini sesuatu yang sukar dilaksanakan!

Oleh kerana itu Islam mewajibkan agar Allah dan manhaj Allah sahaja yang menjadi peneraju mutlak masyarakat manusia ini dan diharamkan samasekali kuasa ini diserahkan kepada mana-mana makhlukNya atau mana-mana manhaj ciptaan makhlukNya. Bahkan tindakan menyerahkan kuasa kepada selain Allah adalah kufur dan syirik, sebagaimana yang telah saya bincangkan dalam tajuk sebelum ini. Islam hanya mempunyai satu cara iaitu mengesakan uluhiyyah Allah s.w.t.. Dalam lain perkataan meletakkan hanya manhaj Allah sebagai peneraju kehidupan manusia. Ini adalah satu-satunya maksud sebenar kalimah syahadah "bahawa tiada Tuhan melainkan Allah".

Islam juga mahu masyarakat Islam yang didirikan ini dianggotai oleh individu muslim yang menghidupkan agama ini dan menghidupkan akhlak yang diwajibkan oleh agama ini. Ini kerana pada bila-bila masa di mana jua, fahaman Islam mengenai kewujudan ini dan matlamat kewujudan manusia akan sentiasa berbeza dengan fahaman jahiliyyah, fahaman ciptaan manusia yang terpisah daripada petunjuk Allah. Ini adalah pokok perbezaan antara Islam dan jahiliyyah yang tidak mungkin berjalan seiringan...

Fahaman ini perlu hidup di tengah masyarakatnya sendiri dengan nilai-nilai tersendiri. Fahaman ini perlu hidup di dalam masyarakat yang bukan masyarakat jahiliyyah dan di dalam budaya yang bukan budaya jahiliyyah.

Masyarakat ini hidup bersama fahaman Islam, bersama manhaj yang lahir daripada fahaman ini dan menikmati kehidupannya dengan penuh kebebasan. Masyarakat ini berkembang dengan identiti sendiri tanpa sebarang rintangan dalaman yang membantutkan perkembangan ini atau rintangan luaran yang menindas dan mencengkamnya.

Di dalam masyarakat ini, seorang muslim dapat mengecapi hidup yang sejati dan selesa kerana ia dapat menikmati kehidupannya secara semulajadi. Masyarakat sekitar pula sentiasa membantu melakukan kebaikan. Dirinya dan masyarakatnya sentiasa merasa selesa untuk menurut kehendak akhlak Islam.

Tanpa masyarakat ini, tidak mungkin individu ini dapat mengecapi kehidupan sebegini atau sekurang-kurang sukar untuk mengecapinya. Oleh kerana itu, seseorang yang ingin menjadi muslim perlu memahami bahawa beliau hanya mampu nielaksanakan Islam hanya di tengah masyarakat Islam yang diterajui oleh Islam. Beliau sebenarnya hanya berangan-angan jika mendakwa beliau mampu melaksanakan Islamnya bersendirian di tengah masyarakat jahiliyyah!

Manhaj Islam adalah mudah apabila dilaksanakan di tengah masyarakat Islam. Oleh itu Islam mahukan supaya masyarakat ini wujud dan segala perintahnya adalah berasaskan tanggapan bahawa masyarakat ini wujud.

*   *   *

Bukan itu sahaja, malah tidak benar menuduh hidup di dalam manhaj ini lebih membebankan berbanding jika hidup di dalam manhaj jahiliyyah...

Manhaj jahiliyyah, hasil ciptaan manusia yang terpisah sama sekali daripada petunjuk Allah, sebenarnya tidak dapat lari daripada pengaruh kejahilan, kelemahan dan keinginan nafsu manusia, walau bagaimana baik sekalipun manhaj jahiliyyah tersebut. Akibatnya, manhaj jahiliyyah ini akan bertembung dengan fitrah manusia dan menjadi beban kepada jiwa manusia, menurut tahap pertembungan itu.

Dalam masa sama, manhaj jahiliyyah ini tidak dapat menjadi penyelesai kepada semua masalah manusia. Bahkan seringkali dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah ia akan menimbulkan masalah lain. Ini disebabkan oleh kemampuan manusia yang terhad untuk menyelami sesuatu masalah dari segala sudut dalam satu masa. Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang baru ditimbulkan oleh masalah yang pertama tadi akhirnya timbul pula masalah yang lain dan begitulah seterusnya. lnilah yang berlaku dalam semua perubahan yang cuba dilakukan oleh sistem dan manhaj ciptaan manusia, ciptaan jahiliyyah. Tidak syak lagi semua usaha ini lebih membebankan manusia berbanding susah payah yang dilalui dalam usaha untuk memartabatkan manhaj yang sempurna dan serasi dengan fitrah manusia. Manhaj yang dapat menyelami segala masalah manusia secara menyeluruh. Selain mampu memberikan rawatan yang sempurna hasil diagnosis yang menyeluruh.

Jika kita kaji sejarah penderitaan manusia hasil pelaksanaan manhaj-manhaj jahiliyyah sejak zaman-berzaman, tidak mungkin kita akan katakan segala tuntutan manhaj dan akhlak Ilahi ini telah membebankan manusia lebih daripada manhaj jahiliyyah.

Apa yang paling ketara dalam manhaj ini, dalam usahanya untuk mencecah ke kemuncak, manhaj ini tidak akan melaluinya secara membabi buta atau tergopoh gapah atau dengan menggunakan jalan pintas. Tempoh masa yang terpaksa dilalui oleh manhaj ini adalah jauh terbentang, tiada batas umur dan tidak akan disegerakan semata-mata kerana ingin mencapai keinginan seseorang yang bimbang dikunjungi maut atau bimbang tidak berkesempatan untuk mencapai cita-cita yang masih jauh ini. lnilah yang berlaku pada beberapa orang pemimpin fahaman manusia, mereka menetapkan pencapaian semua matlamat dalam satu generasi, mereka tidak mengambil kira batas fitrah semata-mata kerana ingin segera mencapai kegemilangan yang mereka cita-citakan. Mereka tidak mahu mengikut langkah yang tabii, tenang dan berhati-hati. Oleh kerana itu, dalam usaha untuk mencapai matlamat ini berlaku pelbagai pertumpahan darah, pencabulan hak dan tatasusila. Akhirnya mereka akan binasa akibat pertembungan dengan kuasa fitrah yang tidak mungkin dapat diatasi oleh mana-mana sistem buatan manusia yang kejam!

Sebaliknya, manhaj Islam melangkah dengan tenang dan mudah seiring dengan fitrah yang sentiasa dipandu ke mana sahaja dan diperbetulkan apabila terpesong. Manhaj Islam tidak akan melawan dan menentang fitrah. Manhaj Islam akan bersabar kerana ia mengetahui, memahami dan meyakini bahawa usaha mencapai matlamat ini memakan masa yang lama tetapi pasti akan tercapai. Walaupun tidak dicapai pada pusingan pertama mungkin akan dicapai pada pusingan kedua. Walaupun tidak dicapai pada pusingan kedua mungkin akan dicapai pada pusingan ketiga atau kesepuluh atau keseratus atau keseribu! Apa yang perlu dilakukan ialah mengerah segenap tenaga dan teruskan perjalanan!

Seperti pohon pokok yang rendang, akarnya menunjang ke bumi, dahan dan rantingnya merimbun, beginilah cara manhaj ini hidup di dalam jiwa dan kehidupan manusia. la berkembang secara perlahan dan lembut tetapi dengan penuh yakin dan tenang sehinggalah Allah menentukan kesudahannya.

Islam menanam benihnya dan Islam akan memelihara benih ini. Benih ini akan dibiarkan

hidup subur secara semulajadi dan tenang namun tetap yakin penghujungnya adalah jauh. Walaupun kadang kala perlahan atau kadang kala berundur, ini adalah sifat fitrah. Seperti benih tanaman yang kadang kala ditimbus pasir atau dimakan ulat dan kemungkinan dirosakkan oleh kemarau. Kemungkinan juga ditenggelamkan oleh banjir atau bermacam-macam masalah lagi. Namun bagi seorang petani yang mahir, beliau tahu tanaman ini akan tetap hidup dan akan berkembang subur. Proses tanaman ini akan berupaya mengatasi segala masalah dalam jangka panjang. Beliau tidak perlu melatah atau bimbang dan tidak perlu untuk cuba mempercepatkan proses kematangan ini. Beliau cuma perlu menggunakan cara fitrah yang tenang dan mudah. Dengan ini beliau sentiasa merasa tenang dan tiada sebarang tekanan perasaan.

Kini tidak perlulah kita bincangkan masalah yang dihadapi oleh manusia hari ini yang diakibatkan oleh manhaj-manhaj jahiliyyah. Cukuplah kesengsaraan yang kita saksikan di segenap penjuru bumi ini. Cukuplah amaran bahaya yang telah dikeluarkan di mana-mana oleh mereka yang masih berakal...

Akhir sekali, adalah tidak benar manhaj ini tidak akan kekal lama sepertimana dakwaan mereka, yang didorong niat jahat atau didorong oleh semangat semata-mata. Pembinaan jiwa, masyarakat dan siasah yang berlandaskan manhaj yang unggul ini, yang berjaya dibina tidak sampai satu kurun bahkan tidak sampai setengah kurun, kekal mengatasi segala masalah yang timbul, segala perbalahan yang berlaku dan segala serangan ganas yang datang... lebih daripada seribu tahun ...

Segala serangan dan cubaan untuk menggugat landasan ini oleh anasir-anasir yang menakutkan ini masih berterusan sepanjang masa dan didokong oleh semua kuasa jahiliyyah di dunia ini. Namun begitu mereka masih tidak berjaya menghancurkan landasan ini sehingga ke akar umbi. Hanya setelah masa berlalu dengan pelbagai ancaman dan tipudaya yang bertubi-tubi dan berterusan akhirnya kekuatan ini semakin goyah sedikit demi sedikit dan berlaku penyimpangan sedikit demi sedikit, sehinggakan kekuatan ini terancam dan berada dalam kedudukan bahaya. Walau bagaimana sekalipun, anasir-anasir ini masih gagal sehingga ke saat ini untuk menghancurkan sama sekali prinsip manhaj ini. Prinsip ini masih berpotensi untuk bangkit semula jika dihayati oleh generasi baru!

Bagi memahami nilai bersejarah ini kita perlu melihat pembinaan kuasa lain yang berlandaskan manhaj jahiliyyah. Lihatlah kuasa Empayar Rom yang memakan masa selama hampir seribu tahun untuk dibangunkan tetapi kemudiannya runtuh tidak sampai seratus tahun dengan cara yang hina. Empayar ini terus pupus dan tidak mungkin akan bangkit semula!

Inilah perbezaan utama antara manhaj Allah dengan manhaj-manhaj hamba!

Memang benar, di celah sejarah manhaj ini bahkan di dalam sejarah manusia amnya wujud satu zaman yang cukup gemilang. Zaman ini masih dianggap kemuncak kegemilangan sejarah manusia dan masih dipandang tinggi.

Memang benar, zaman gemilang ini terlalu singkat....

Namun begitu zaman ini tetap sebahagian daripada zaman pemerintahan Islam. la adalah mercu tanda yang dibangunkan oleh Allah agar manusia dapat melihatnya dan berusaha untuk mencapai tahap yang sama. Melihat mercu tanda ini semangat manusia akan sentiasa berkobar untuk mencapai puncak kegemilangan ini. Namun Allah akan tetap anugerahkan mereka kejayaan menurut tahap usaha mereka. Dalam tempoh itu, mereka akan terus menjenguk mercu tanda itu.

Sebenarnya, zaman tersebut tidak lahir melalui mukjizat (cara-cara yang luar biasa). Zaman tersebut adalah hasil usaha yang digembeleng oleh generasi Islam pertama. Oleh itu pastinya, zaman ini boleh dicapai sekali lagi dengan usaha yang setanding dengannya...

Walau bagaimanapun usaha yang dikeluarkan oleh manusia terpilih itu kini menjadi bekalan

untuk generasi-generasi seterusnya bukan hanya oleh satu generasi. Kemungkinan kegemilangan itu telah dapat dicapai dalam tempoh satu generasi kerana itu yang dikehendaki Allah supaya generasi ini boleh menjadi contoh yang realistik sebagai bukti kegemilangan ini boleh dikecapi dan dicontohi. Setelah itu, diberikan peluang kepada generasi-generasi seterusnya untuk cuba mengulanginya semula...

Manhaj ini masih tetap berperanan dalam pelbagai lapangan hidup manusia walaupun setelah berlalu zaman tersebut Manhaj ini masih mempengaruhi fahaman manusia, sejarah dan realiti manusia generasi demi generasi. Kesan dan pengaruh manhaj ini masih wujud di dalam seluruh kehidupan manusia. Barangkali pengaruh inilah yang menjadi sumber inspirasi kita pada hari ini untuk bangkit, semula.

4

Manhaj Yang Berkesan

Tidak dapat dinafikan sinar yang gilang gemilang ini telah memberikan kesan yang mendalam kepada kehidupan manusia sehingga berjaya membawa manusia ke zaman kegemilangan dan keagungan. Zaman ini masih meninggalkan kesannya kepada sejarah manusia dan ini membolehkan generasi hari ini lebih berkemampuan untuk bangkit semula berbanding generasi-generasi sebelum (iaitu generasi selepas generasi pertama yang terpilih) dengan bantuan arus yang telah dimulakan dan kesan yang telah ditinggalkan di dalam fahaman dan neraca manusia dan juga di dalam sistem dan budaya mereka.

Dalam tajuk kali ini kita akan cuba mengkaji (secara ringkas selaras dengan kajian ringkas ini) mengenai kesan zaman kegemilangan yang unggul ini bukan sahaja kepada sejarah umat Islam bahkan merangkumi sejarah manusia amnya.

* * *

Zaman tersebut telah berjaya melahirkan beberapa orang 'role model' ke dalam kehidupan manusia. Mereka memiliki sifat-sifat yang mulia yang tiada tandingan dan tiada yang setara dengan mereka. Sekali gus memperlihatkan sifat-sifat manusia yang tidak hidup di dalam manhaj ini seolah-olah kerdil atau tidak sempurna kewujudannya atau tidak lengkap langsung.

Tokoh yang dilahirkan oleh manhaj Ilahi dalam tempoh yang singkat ini bukannya sedikit atau boleh dibilang dengan jari sebaliknya mereka lahir dalam jumlah yang besar. Mana-mana pengkaji akan merasa hairan bagaimana mereka boleh lahir begitu unggul sehingga ke tahap yang mengkagumkan ini dalam tempoh yang amat singkat. Sukar untuk dikenal pasti rahsia di sebalik kemunculan mereka yang begitu ramai, pada tahap yang mengkagumkan dan dengan pelbagai kebolehan. Selain jika fenomena yang unik ini dikaitkan dengan peranan manhaj yang unik juga.

Apa yang penting untuk kita ketahui ialah orang-orang yang memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi ini, orang-orang yang dianggap unik dan menjadikan manusia lain kelihatan kerdil atau tidak cukup sempurna.... Orang-orang yang telah melaksanakan manhaj Allah di dalam kehidupan dengan cara yang mengkagumkan ini, mereka masih tetap manusia biasa dan tidak mengenepikan sama sekali tabiat dan fitrah mereka sebagai manusia. Tidak sedikitpun potensi yang ada pada mereka dibekukan atau tidak sedikitpun mereka dibebankan di luar kemampuan mereka. Mereka melakukan semua aktiviti manusia sepertimana biasa. Mereka menikmati segala kemudahan yang ada di dalam masyarakat pada zaman mereka. Kadang kala mereka silap dan kadang kala betul, kadang kala semangat mereka merosot dan kadang kala mereka bangkit. Kadang kala mereka dikuasai kelemahan manusia sepertimana orang lain, namun mereka berusaha mengatasi kelemahan ini dan kadang kala mereka berjaya menguasai kelemahan ini...

Memahami hakikat ini adalah suatu yang amat penting kerana hakikat ini mampu memberikan harapan yang tinggi kepada manusia untuk kembali berusaha. Secara tidak langsung mewajibkan manusia bahkan menjadi tanggungjawab manusia untuk mengkaji dan terus mengkaji contoh yang gemilang ini kerana contoh ini mampu menambah keyakinan manusia kepada diri sendiri, kepada fitrahnya dan kepada potensi yang ada pada dirinya. Mungkin apabila digabungkan dengan suatu manhaj yang betul, segala kemampuan ini dapat digembelengkan bagi mencapai darjat yang mulia ini, darjat yang pernah dicapai di dalam sejarah manusia. Darjat ini tidak dicapai melalui mukjizat (cara-cara luar biasa) sebaliknya darjat ini

dicapai melalui suatu manhaj yang secara semulajadinya menggembeleng usaha manusia dalam had kemampuan manusia.

Generasi yang unggul dan agung ini lahir di tengah kawasan sahara yang kekurangan kekayaan bumi, kekurangan sumber semulajadi, sumber ekonomi dan ilmu. Walau apapun faktor yang menyebabkan lahirnya suatu kebangkitan yang agung dan menakjubkan ini, manusia yang ada pada hari ini atau akan datang juga masih berkemampuan dari segi fitrah dan potensinya untuk sekali lagi bangkit berusaha dengan syarat mereka menjadikan manhaj ini sebagai landasan hidup mereka.

Walaupun dengan pelbagai penyelewengan, permusuhan dan serangan yang dilalui sejak zaman berzaman, manhaj ini masih mampu melahirkan beberapa tokoh-tokoh generasi pertama yang agung dan masih mampu mempengaruhi kehidupan manusia. Tokoh-tokoh teladan ini masih kuat mempengaruhi kehidupan manusia dan masih mempengaruhi perjalanan sejarah manusia. Generasi ini masih meninggalkan banyak lagi kesan yang mampu mencorak dan mewarnai wajah kehidupan ini.

Manhaj ini masih mampu untuk melahirkan tokoh-tokoh ini jika wujud usaha yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan dan menjadikan manhaj ini sebagai peraturan hidup, walaupun wujud pelbagai pengaruh negatif dan bermacam-macam halangan di sekeliling jalan ini atau halangan yang merintangi jalan ini.

Rahsia kejayaan ini ialah keupayaan untuk berinteraksi secara langsung dengan fitrah manusia dan menggunakan segala aset yang terkandung di dalam manhaj ini. Aset ini amat besar dan sentiasa kekal. Apabila fitrah manusia digandingkan dengan manhaj ini akan terpancarlah segala kekayaannya dan segala anugerahnya yang selama ini tersembunyi.

* * *

Zaman yang singkat ini berjaya menerapkan pelbagai prinsip, konsep, nilai dan neraca di dalam hidup manusia. Sepanjang sejarah manusia, tidak pernah wujud suatu penerapan yang sebegini jelas, terperinci dan lengkap merangkumi segala aspek kegiatan manusia. Begitu juga tidak pernah berlaku segala prinsip, konsep, nilai dan neraca ini dapat diterapkan semula oleh mana-mana manhaj lain atau sistem lain di muka bumi ini dengan sebegini jelas, terperinci dan lengkap merangkumi segala aspek kegiatan manusia. Apa yang paling penting ialah penerapan ini dilakukan dengan penuh kejujuran, kesungguhan, keikhlasan dan ketulusan yang tulen.

Semua prinsip, konsep, nilai dan neraca ini telah merangkumi segenap sudut kehidupan manusia. Merangkumi fahaman manusia tentang tuhannya dan hubungan manusia dengan tuhannya. Merangkumi fahaman manusia tentang hidup ini dan hubungan manusia dengan hidup ini. Merangkumi fahaman manusia tentang matlamat hidup mereka dan kedudukan serta peranan mereka di alam ini...

Rentetan daripada itu, segala unsur ini juga merangkumi fahaman manusia mengenai manusia itu sendiri, hak, tanggungjawab, peranan serta nilai yang akan menjadi kayu ukur kepada kehidupannya, kegiatannya dan kedudukannya yang secara langsung akan menjadi landasan sejauhmana hubungan dengan tuhannya, hubungan dengan keluarganya, hubungan dengan bangsanya, hubungan dengan alam dan segala yang hidup dan wujud di alam ini.

Ini termasuklah segala hak dan tanggungjawab politik, sosial dan ekonomi. Termasuklah juga segala sistem, budaya dan hubungan yang mengatur segala hak dan tanggungjawab ini. Dalam lain perkataan ia merangkumi segala aspek kehidupan manusia dalam apa jua bentuk dan sudutnya.

Segala unsur ini diterapkan dengan cara yang tersendiri dan bersifat rabbani serta unik.

Segala unsur ini telah berjaya diterapkan walaupun di tengah masyarakat yang menentang

segala prinsip, konsep, nilai dan neraca ini. Bahkan berjaya diterapkan di tengah masyarakat dunia yang menolak segala prinsip, konsep, nilai dan neraca ini. Sememangnya dalam semua aspek baik ekonomi, sosial, politik, mental dan rohani, di peringkat tempatan atau antarabangsa, sudah pasti wujud pertembungan antara jahiliyyah dengan manifesto yang dibawa oleh Islam di dalam hidup manusia atau sekurang-kurangnya jahiliyyah tidak akan membenarkan Islam bergerak dengan mudah. Dalam semua pertembungan ini pada peringkat awal, Islam hanya bergantung kepada aset fitrah yang mempunyai potensi untuk istiqamah di atas manhaj Ilahi. Islam yang sememangnya serasi dengan fitrah manusia iaitu sebelum fitrah ini dicemari oleh pengaruh tempelan. Selain itu kejayaan Islam juga bergantung kepada sejauhmana ia berjaya membangkitkan dan membersihkan aset fitrah ini daripada segala kekotoran yang mencemarinya. Keupayaan yang ada pada aset fitrah ini sebenarnya amat besar. Jika wujud suatu manhaj yang dapat menyelamatkan fitrah ini daripada disia-siakan nescaya ianya mampu melawan segala elemen yang menempel, yang didakwa oleh manusia yang berfikiran cetek sebagai keperluan asasi hidup manusia. Walau bagaimanapun Islam tidak mengabaikan segala elemen ini dan kesannya kepada kehidupan manusia. Namun begitu elemen ini bukanlah sebab untuk mengalah dan menerima ianya sebagai suatu realiti yang tidak dapat dipisahkan. Sebaliknya Islam cuba untuk menyelamatkan aset fitrah ini selain, mengumpul dan mengarah aset ini supaya dapat memperbetulkan realiti dengan cara yang halus dan lembut; dengan cara yang telah saya terangkan di dalam tajuk yang lepas. Akhirnya segala usaha ini akan membawa kejayaan sebagaimana yang dicapai di suatu ketika dahulu, walaupun terpaksa berhadapan dengan situasi yang kontra baik di peringkat tempatan mahupun di peringkat antarabangsa. Namun akhirnya berjaya mengubah situasi ini kepada situasi yang berpihak kepadanya. Realiti sebegini pernah berlaku di Semenanjung Tanah Arab dan di tempat-tempat lain.

Dari satu sudut, situasi manusia hari ini mungkin lebih baik berbanding dengan zaman ketika manhaj ini diperkenalkan. Dalam tempoh yang singkat itu, berlaku di mana-mana perubahan dan reformasi yang menyeluruh dan hebat tetapi dengan cara yang lembut, mudah dan bertoleransi. Mungkin manusia hari ini lebih berkemampuan untuk berinteraksi dengan manhaj ini (kerana beberapa sebab yang akan saya jelaskan di dalam tajuk seterusnya). Mungkin manusia hari ini lebih berkeupayaan untuk memikul tugas ini. Lebih-lebih lagi apabila kita mengetahui bahawa aset fitrah manusia ini walaupun telah dicemari dengan pelbagai kekotoran, kejahatan dan penyelewengan, walaupun telah ditenggelami dengan pelbagai keinginan materialistik atau pengaruh ekonomi dan ideologi, namun ianya masih mampu untuk bangkit, bersatu semula dan berfungsi sekiranya manhaj ini berjaya menyelamatkannya, menyatukannya semula dan mengarahkannya ke arah yang sejajar dengan fitrah manusia dan fitrah alam ciptaan Allah ini. Oleh kerana aset fitrah ini adalah tulen, sebati dan unggul maka ia akan mengatasi unsur-unsur lain yang dilihat seolah-olah sebati dalam realiti hari ini. Bayangkan jika segala unsur ini berpihak kepada manhaj ini.

Bagi manusia yang tidak memahami tabiat manhaj ini, realiti di luar kelihatan seolah-olah suatu kenyataan yang tidak mungkin dapat diubah, disentuh atau ditentang!

Fahaman ini amat mengelirukan. Fitrah manusia juga sebenarnya adalah suatu realiti. Namun fitrah ini kini tidak serasi dengan realiti di luar. Buktinya, realiti ini telah menyebabkan kesengsaraan di mana-mana sahaja baik di Timur mahupun di Barat. Apabila berlaku pertembungan antara fitrah dengan mana-mana budaya atau sistem, mungkin fitrah ini akan kalah pada peringkat awal kerana budaya atau sistem ini didokong oleh suatu kuasa dunia yang mencengkamnya. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa fitrah ini sebenarnya lebih kukuh dan teguh berbanding budaya asing malah lebih utuh berbanding kuasa yang mendokong budaya asing ini. Akhirnya fitrah ini pasti akan menang lebih-lebih lagi apabila fitrah ini dipandu oleh manhaj yang serasi dengan tabiatnya...

Kemenangan ini pernah berlaku, ketikamana manhaj Ilahi ini berhadapan dengan realiti

semenanjung Tanah Arab dan realiti dunia seluruhnya. Manhaj ini berjaya mencapai kemenangan yang gemilang mengalahkan realiti ini dan berjaya mengubah budaya berfikir dan bekerja sedia ada kepada budaya yang baru.

Segala perubahan itu tidak berlaku dengan mukjizat (cara luar biasa) yang tidak mungkin berulang. Perubahan ini berlaku dengan usaha manusia dan menurut had kemampuan manusia, menurut sunatullah yang tetap. Perubahan ini menjadi bukti bahawa fenomena ini boleh berulang semula.

Apatah lagi jika segala pengaruh dan warisan zaman tersebut masih wujud di dalam hidup manusia dan sejarah manusia serta menjadi faktor-faktor pembantu ke arah kebangkitan semula.

*** * ***

Zaman tersebut telah berjaya meninggalkan kesan kepada budaya dan tradisi hidup manusia yang berpandukan prinsip, konsep, nilai dan neraca tersebut. Budaya dan tradisi ini tidak pupus walaupun setelah berlalunya zaman tersebut. Sebaliknya zaman ini masih berkembang seperti arus yang mengalir, menjelajah jauh di muka bumi ini dan merentasi zaman berzaman. Sedikit sebanyak arus ini masih mempengaruhi kehidupan manusia dan menjadi aset yang besar dalam hidup manusia amnya. Aset ini terus digunakan selama lebih satu ribu tahun... Aset ini banyak mempengaruhi fikiran mereka, suasana mereka, budaya mereka, ilmu pengetahuan mereka, pembangunan ekonomi mereka dan banyak mempengaruhi tamadun mereka. Bahkan aset ini mempunyai pengaruh yang cukup luas dan mendalam di seluruh pelusuk muka bumi. Sehingga ke hari ini saki baki arus ini masih mempengaruhi kehidupan manusia, walaupun gelombang arus ini sentiasa disekat oleh segala kuasa yang wujud, walaupun Barat hari ini cuba mengembalikan pengaruh jahiliyyah Greek atau Rom, yang pernah menguasai bumi ini berkurun lamanya!

Melalui segala pengaruh ini, kehidupan manusia telah diterapkan dengan pelbagai prinsip, nilai, teori dan budaya. Malangnya manusia hari ini tidak mengetahui sumber asal segala aspek ini. Mungkin mereka menyangka aspek-aspek ini datangnya daripada sumber lain, bukannya daripada manhaj yang berkesan ini. Namun begitu bukan sukar untuk mengetahui sumber asalnya, bukan sukar untuk mengetahui sejauhmana kehidupan manusia ini dipengaruhi manhaj Ilahi dan sejauhmana pengaruh manhaj Ilahi kepada kehidupan manusia. Saya akan bentangkan di dalam tajuk selepas ini beberapa garis-garis panduan penting yang telah diakui oleh manusia hari ini, walaupun mereka sebelum ini menolak perkara ini ketika ia diperkenalkan pertama kali oleh Islam semenjak lebih seribu tiga ratus tahun yang lalu!

Barangkali oleh kerana garis-garis panduan penting ini telah diterima di dalam kehidupan manusia masakini menyebabkan manusia hari ini amnya, lebih mudah untuk menerima manhaj ini dan lebih mampu untuk melaksanakannya kerana mereka memiliki aset yang realiti, ditinggalkan oleh arus gerakan awal dahulu. Aset ini tidak dimiliki oleh umat Islam pada peringkat awal dahulu. Manusia hari ini juga memiliki aset ini berdasarkan pengalaman yang mereka perolehi ketika mereka tersalah memilih jalan dan terpesong daripada manhaj ini. Akibatnya mereka terpaksa menanggung segala macam penderitaan (secara ringkas telah disebut sebelum ini). Segala aset ini mungkin menjadi faktor pembantu supaya manusia menerima manhaj Ilahi ini dan sedia bersabar menghadapi kebangkitan akan datang... dengan izin Allah.

* * *

Setelah segala pembentangan yang ringkas ini, eloklah kini kita bincangkan dengan lebih terperinci beberapa realiti yang berlaku di dalam kehidupan manusia berdasarkan sejarah manusia. Kita juga akan bincangkan dengan lebih lanjut mengenai aset fitrah yang digunakan oleh Islam dalam menghadapi realiti manusia sehingga beroleh kejayaan dan berjaya memantapkan manhaj Islam di dalam realiti ini..

5

Aset Fitrah

Pada hari pertama kemunculannya, Islam terpaksa berhadapan dengan suatu realiti yang amat besar, realiti semenanjung Tanah Arab dan realiti dunia seluruhnya! Islam terpaksa berhadapan dengan pelbagai akidah dan fahaman, pelbagai nilai dan neraca, pelbagai sistem dan budaya, pelbagai kepentingan dan kelompok...

Jurang ketika itu di antara Islam dengan realiti manusia di semenanjung Tanah Arab dan seluruh penduduk bumi adalah amat luas. Apatah lagi anjakan yang ingin dilakukan oleh Islam pula adalah amat-amat jauh...

Realiti ini telah tertanam sejak zaman berzaman, dipengaruhi oleh pelbagai kepentingan dan segala bentuk kekuasaan. Kesemua realiti ini menjadi penghalang kepada kehadiran agama baru ini. Agama yang bukan sahaja bakal merubah akidah dan fahaman, nilai dan neraca, adat dan tradisi, moral dan perasaan bahkan lebih daripada itu agama ini bakal merubah sistem dan budaya, peraturan dan undang-undang serta agihan harta dan kekayaan. Agama ini juga mendesak supaya kepimpinan manusia yang ada di tangan taghut dan jahiliyyah dicabut dan diserahkan kembali kepada Allah dan kepada Islam!

Jikalau manusia pada zaman itu diberitahu bahawa agama baru ini akan berusaha mencapai segala cita-cita ini dan menentang segala budaya yang menggerunkan yang didokong oleh seluruh kuasa besar dunia ketika itu, malah agama baru ini pasti akan menang dan akan berjaya merubah segala situasi ini dalam tempoh tidak sampai setengah kurun, jika ini yang diberitahu pasti mereka akan hanya mengejek, mempersenda dan tidak mempercayainya.

Namun begitu segala budaya yang bermaharajalela dan menggerunkan ini akhirnya goyah juga dan terpaksa memberi ruang kepada pendatang baru. Dalam tempoh yang singkat sahaja pemimpin baru mengambil alih tampuk kepimpinan manusia bagi memimpin manusia keluar daripada kegelapan kepada cahaya, memimpin manusia dengan syariat Allah di bawah panji Islam!

Bagaimanakah berlakunya perubahan ini yang seolah-olah mustahil pada pandangan manusia pada ketika itu yang begitu mengagumi dan menggeruni budaya yang bermaharalela ini?!

Bagaimanakah seorang lelaki, yang bernama Muhammad bin Abdullah s.a.w. mampu berhadapan seorang diri melawan seluruh kuasa dunia atau melawan seluruh kuasa semenanjung Tanah Arab pada peringkat awalnya? Paling kurang terpaksa berhadapan dengan kaum Quraisy, ketua bangsa Arab pada peringkat awal dakwahnya? Bagaimanakah lelaki ini berhadapan dengan segala akidah dan fahaman, nilai dan neraca, sistem dan budaya serta pelbagai kepentingan dan kelompok ini sehingga berjaya mengatasi dan mengubah segala fenomena ini seterusnya memartabatkan suatu sistem yang baru berlandaskan suatu manhaj dan fahaman yang baru?

Baginda tidak berkompromi dengan akidah dan fahaman mereka, Baginda juga tidak bertolak ansur dengan perasaan dan emosi mereka, Baginda juga tidak tunduk akur dengan tuhan dan pemimpin mereka. Baginda tidak akan menyerah kalah selagi tidak mencapai kejayaan. Baginda telah menegaskan semenjak awal lagi ketika di Mekah dan ketikamana segala kuasa

menentangnya:

قُلۡ يَٰٓأَيُّهَا ٱلۡكَٰفِرُونَ ١ لَآ أَعۡبُدُ مَا تَعۡبُدُونَ ٢ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ٣ وَلَآ
أَنَا۠ عَابِدٞ مَّا عَبَدتُّمۡ ٤ وَلَآ أَنتُمۡ عَٰبِدُونَ مَآ أَعۡبُدُ ٥ لَكُمۡ دِينُكُمۡ وَلِيَ دِينِ ٦

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu menyembah, Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah, Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah, Dan kamu tidak pernah menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah, Untukmu ugamamu dan untuk aku ugama aku." (Al-Kafirun: 1-6)

Baginda bukan sahaja menyatakan dengan jelas pemisahan antara agama baginda dengan agama mereka, antara ibadah baginda dengan ibadah mereka, bahawa pemisahan ini tidak ada titik pertemuan. Malah Baginda sentiasa tegaskan dan kerapkali mengulangi bahawa tidak mungkin ada titik pertemuan pada bila-bila masa: *"Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apayang kamu sembah, Dan kamu tidak pernah menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah..."* Baginda tekankan sekali lagi bahawa tidak mungkin ada titik pertemuan buat selama-lamanya: *"Untukmu agamamu dan untuk aku agama aku".*

Baginda juga tidak perlu memujuk mereka bahawa baginda memiliki kuasa ghaib. Baginda juga bukannya manusia istimewa dan tiada sebarang kuasa yang tersembunyi. Sebaliknya baginda diperintah supaya berkata:

قُل لَّآ أَقُولُ لَكُمۡ عِندِي خَزَآئِنُ ٱللَّهِ وَلَآ أَعۡلَمُ ٱلۡغَيۡبَ وَلَآ أَقُولُ لَكُمۡ إِنِّي مَلَكٌۖ إِنۡ أَتَّبِعُ إِلَّا
مَا يُوحَىٰٓ إِلَيَّۚ ... ٥٠

"Katakanlah (wahai Muhammad): Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiku dan aku pula tidak mengetahui perkara-perkara yang ghaib, aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya aku ini malaikat, aku tidak menurut melainkan apa yang diwahyukan kepadaku..." (Al-An'am: 50)

Orang-orang yang mengikutinya tidak akan dijanjikan kedudukan atau harta jika mereka berjaya mengatasi musuh-musuhnya. Ibnu Ishak berkata: "Nabi s.a.w. telah memperkenalkan dirinya kepada kabilah-kabilah Arab di satu musim haji, baginda bersabda: Wahai Bani Fulan, saya adalah utusan Allah yang diutuskan kepada kamu. Allah memerintah kamu agar kamu menyembahNya dan jangan kamu menyekutukanNya dengan tuhan lain. Hendaklah kamu menjauhi tuhan-tuhan yang kamu sembah selain Dia. Hendaklah kamu mengimani dan mempercayai saya. Hendaklah kamu mempertahankan saya supaya saya dapat nyatakan agama yang saya bawa daripada Allah ini".

Ibnu Ishak berkata: Al-Zuhri memberitahuku: Baginda telah datang menemui Bani Amir bin Sa'sa'ah mengajak mereka kepada agama Allah dan baginda memperkenalkan diri kepada mereka. Seorang anggota kabilah ini, yang bernama Baijarah bin Firas berkata: Demi Allah, jika saya ambil pemuda daripada Quraisy ini nescaya saya akan dapat menguasai semua orang Arab! Beliau bertanya: Sekiranya kami mengangkat sumpah untuk membantumu lalu Allah berikan engkau kemenangan mengalahkan musuh-musuhmu, adakah kami akan memegang kuasa ini

selepasmu? Baginda menjawab: Kuasa ini adalah milik Allah dan Allah berikan kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Lantas lelaki ini berkata: Adakah setelah kami serahkan leher kami kepada orang-orang Arab lalu apabila Allah berikan engkau kemenangan, kuasa ini akan diserahkan kepada orang lain pula. Jika begitu kami tidak perlukan engkau! Mereka pun enggan menerima dakwah Baginda."

Bagaimana perubahan ini boleh berlaku? Bagaimana seorang lelaki mampu mengalahkan "realiti" tersebut?

Lelaki ini tidak mengalahkan realiti tersebut menggunakan mukjizat (cara luar biasa) yang tidak boleh berulang. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah menyatakan bahawa baginda tidak pernah menggunakan mukjizat dalam medan ini. Baginda tidak pernah walau sekalipun menunaikan permintaan mereka supaya menggunakan mukjizat, sebaliknya segala apa yang berlaku ini berjalan menerusi sunatullah yang sentiasa boleh berulang jika manusia menggunakannya dan menunaikan tuntutannya...

Kemenangan manhaj ini adalah kerana manhaj ini sentiasa berinteraksi dengan aset fitrah yang tersembunyi. Aset ini sebagaimana yang saya katakan amat hebat dan menggerunkan. la tidak akan mampu dilemahkan oleh semua timbunan yang menutupnya. Dengan syarat aset ini diselamatkan, digabungkan dan dikerah ke arah haluan yang betul!

* * *

Pada zaman itu, pelbagai fahaman yang sesat dan terseleweng terlalu mengelabui hati manusia. Pada zaman itu, tuhan-tuhan palsu memenuhi halaman Kaabah malahan memenuhi fahaman, pemikiran dan hati manusia. Kepentingan puak dan kepentingan ekonomi adalah berlandaskan kepercayaan kepada tuhan-tuhan palsu ini. Tuhan-tuhan palsu ini pula didokong oleh sami-sami dan tukang-tukang tilik malah didokong oleh adat resam yang mencengkam hidup manusia. Gejala ini berlaku apabila kuasa tuhan diagihkan sesama manusia malah sami dan tukang tilik diberikan hak untuk menggubal undang-undang dan menentukan panduan hidup untuk manusia!!!!

Islam datang dan menghadapi segala realiti ini hanya dengan berbekalkan kalimah "tiada Tuhan melainkan Allah". Islam berinteraksi dengan fitrah yang sebenarnya hanya mengenali Allah sebagai Tuhannya. Islam memperkenalkan manusia dengan Tuhan mereka yang sebenar. Islam memperkenalkan manusia kepada ciri dan sifat tuhan ini yang sememangnya diketahui oleh fitrah mereka walaupun telah dikambus oleh pelbagai timbunan dan runtuhan.

Firman Allah yang bermaksud:

قُلْ أَغَيْرَ ٱللَّهِ أَتَّخِذُ وَلِيًّا فَاطِرِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَهُوَ يُطْعِمُ وَلَا يُطْعَمُ ۗ قُلْ إِنِّىٓ أُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ أَوَّلَ مَنْ أَسْلَمَ ۖ وَلَا تَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾ قُلْ إِنِّىٓ أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّى عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾ مَّن يُصْرَفْ عَنْهُ يَوْمَئِذٍ فَقَدْ رَحِمَهُۥ ۚ وَذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٦﴾ وَإِن يَمْسَسْكَ ٱللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُۥٓ إِلَّا هُوَ ۖ وَإِن يَمْسَسْكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾ وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۚ وَهُوَ ٱلْحَكِيمُ ٱلْخَبِيرُ ﴿١٨﴾ قُلْ أَىُّ شَىْءٍ أَكْبَرُ شَهَٰدَةً ۖ قُلِ ٱللَّهُ ۖ شَهِيدٌۢ بَيْنِى

وَبَيْنَكُمْ ۚ وَأُوحِىَ إِلَىَّ هَـٰذَا ٱلْقُرْءَانُ لِأُنذِرَكُم بِهِۦ وَمَنۢ بَلَغَ ۚ أَئِنَّكُمْ لَتَشْهَدُونَ أَنَّ مَعَ ٱللَّهِ ءَالِهَةً
أُخْرَىٰ ۚ قُل لَّآ أَشْهَدُ ۚ قُلْ إِنَّمَا هُوَ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ وَإِنَّنِى بَرِىٓءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ ﴿١٩﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Apakah aku mengambil pelindung selain Allah yang menciptakan langit dan bumi serta Dia pula yang memberi makan dan Dia tidak diberi makan? Katakanlah: Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menjadi orang yang pertama sekali menyerah diri kepada Allah dan jangan sekali-kali kamu menjadi golongan orang-orang musyrik. Katakanlah: Sesungguhnya aku takut akan azab hari yang besar (hari kiamat) jika aku mendurhakai Tuhanku. Sesiapa yang dijauhkan azab daripadanya pada hari itu, maka sesungguhnya Allah telah memberi rahmat kepadanya dan itulah kejayaan yang nyata. Dan jika Allah menimpakan kamu dengan kemudharatan, maka tidak ada sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia sendiri. Dan jika Dia mendatangkan kebaikan kepada kamu, maka Dia Maha Kuasa atas setiap sesuatu. Dan Dialah Yang Berkuasa atas sekelian hamba-hambaNya dan Dialah Yang Maha Bijaksana serta amat mendalam PengetahuanNya. Bertanyalah (wahai Muhammad): Apakah sesuatu yang lebih kuat persaksiannya? Katakanlah: Allah menjadi saksi antaraku dan kamu serta diwahyukan kepadaku Al-Quran ini, supaya aku memberi amaran dengannya kepada kamu dan juga (kepada) sesiapa yang telah sampai kepadanya seruan Al-Quran itu. Adakah kamu benar-benar mengakui bahawa ada tuhan-tuhan lain bersama-sama Allah?. Katakanlah: Aku tidak mengakuinya. Katakanlah lagi: Sesungguhnya Dialah sahaja Tuhan Yang Maha Esa dan sesungguhnya aku telah berlepas diri dari apa yang kamu sekutukan." (Al-An'am: 14-19)

Firman Allah yang bermaksud:

قُلْ إِنِّى نُهِيتُ أَنْ أَعْبُدَ ٱلَّذِينَ تَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ ۚ قُل لَّآ أَتَّبِعُ أَهْوَآءَكُمْ ۙ قَدْ ضَلَلْتُ إِذًا
وَمَآ أَنَا۠ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾ قُلْ إِنِّى عَلَىٰ بَيِّنَةٍ مِّن رَّبِّى وَكَذَّبْتُم بِهِۦ ۚ مَا عِندِى مَا
تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦٓ ۚ إِنِ ٱلْحُكْمُ إِلَّا لِلَّهِ ۖ يَقُصُّ ٱلْحَقَّ ۖ وَهُوَ خَيْرُ ٱلْفَـٰصِلِينَ ﴿٥٧﴾ قُل لَّوْ أَنَّ عِندِى
مَا تَسْتَعْجِلُونَ بِهِۦ لَقُضِىَ ٱلْأَمْرُ بَيْنِى وَبَيْنَكُمْ ۗ وَٱللَّهُ أَعْلَمُ بِٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿٥٨﴾ ۞ وَعِندَهُۥ
مَفَاتِحُ ٱلْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَآ إِلَّا هُوَ ۚ وَيَعْلَمُ مَا فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ ۚ وَمَا تَسْقُطُ مِن وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا
وَلَا حَبَّةٍ فِى ظُلُمَـٰتِ ٱلْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِى كِتَـٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٥٩﴾ وَهُوَ ٱلَّذِى
يَتَوَفَّىٰكُم بِٱلَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُم بِٱلنَّهَارِ ثُمَّ يَبْعَثُكُمْ فِيهِ لِيُقْضَىٰٓ أَجَلٌ مُّسَمًّى ۖ ثُمَّ إِلَيْهِ
مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٦٠﴾ وَهُوَ ٱلْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِۦ ۖ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً
حَتَّىٰٓ إِذَا جَآءَ أَحَدَكُمُ ٱلْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفَرِّطُونَ ﴿٦١﴾ ثُمَّ رُدُّوٓا۟ إِلَى ٱللَّهِ مَوْلَىٰهُمُ

ٱلۡحَقِّۚ أَلَا لَهُ ٱلۡحُكۡمُ وَهُوَ أَسۡرَعُ ٱلۡحَٰسِبِينَ ﴿٦٢﴾ قُلۡ مَن يُنَجِّيكُم مِّن ظُلُمَٰتِ ٱلۡبَرِّ وَٱلۡبَحۡرِ
تَدۡعُونَهُۥ تَضَرُّعٗا وَخُفۡيَةٗ لَّئِنۡ أَنجَىٰنَا مِنۡ هَٰذِهِۦ لَنَكُونَنَّ مِنَ ٱلشَّٰكِرِينَ ﴿٦٣﴾ قُلِ ٱللَّهُ يُنَجِّيكُم
مِّنۡهَا وَمِن كُلِّ كَرۡبٖ ثُمَّ أَنتُمۡ تُشۡرِكُونَ ﴿٦٤﴾ قُلۡ هُوَ ٱلۡقَادِرُ عَلَىٰٓ أَن يَبۡعَثَ عَلَيۡكُمۡ عَذَابٗا مِّن
فَوۡقِكُمۡ أَوۡ مِن تَحۡتِ أَرۡجُلِكُمۡ أَوۡ يَلۡبِسَكُمۡ شِيَعٗا وَيُذِيقَ بَعۡضَكُم بَأۡسَ بَعۡضٍۗ ٱنظُرۡ كَيۡفَ نُصَرِّفُ
ٱلۡأٓيَٰتِ لَعَلَّهُمۡ يَفۡقَهُونَ ﴿٦٥﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku dilarang menyembah mereka yang kamu sembah yang lain dari Allah. Katakanlah lagi: Aku tidak akan menurut hawa nafsu kamu, kerana kalau aku turut, sesungguhnya sesatlah aku, dan tiadalah aku dari orang-orang yang mendapat petunjuk. Katakanlah; Sesungguhnya aku tetap berada di atas bukti-bukti yang nyata (Al-Quran) dari Tuhanku; sedang kamu mendustakannya. Tidak ada padaku apa yang kamu minta disegerakan (dari azab siksa), hanya Allah jualah yang menetapkan hukum, Dia yang menerangkan kebenaran dan Dialah sebaik-baik yang memberi keputusan. Katakanlah: Kalau ada padaku (kuasa menurunkan) azab siksa yang kamu minta disegerakan kedatangannya itu, nescaya selesailah perkara (yang sedang berbangkit) antaraku dengan kamu. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan orang-orang yang zalim. Dan pada sisi Allah jualah kunci-kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada siapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daunpun melainkan Dia mengetahuinya dan tidak gugur sebijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata. Dan Dialah yang menidurkan kamu pada waktu malam dan mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Dia bangunkan kamu (dari tidur) padanya, untuk disempurnakan ajal (masa umur kamu) yang telah ditetapkan. Kemudian kepadaNyalah tempat kamu kembali, kemudian Dia menyatakan kepada kamu apa yang kamu lakukan. Dan Dialah yang berkuasa atas sekelian hambaNya dan Dia mengutuskan kepada kamu pengawal-pengawal (malaikat), sehingga sampai ajal maut kepada salah seorang di antara kamu, lalu diambil (nyawanya) oleh utusan-utusan Kami itu. Dan mereka tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya). Kemudian mereka (yang mati) akan dikembalikan kepada Allah, Pengawas mereka yang sebenar. Ketahuilah, bagi Allah jua kuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu), dan Dialah secepat-cepat Pengira-Penghitung. Katakanlah: Siapakah yang menyelamatkan kamu dari bencana-bencana di darat dan di laut? (Ketika) kamu berdoa dan merayu kepadaNya dengan merendah diri (secara berterang-terang) dan secara bersembunyi, (dengan berkata): Demi sesungguhnya jika Allah selamatkan kami dari bencana ini nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang bersyukur. Katakanlah: Allah jualah yang menyelamatkan kamu dari segala jenis kesusahan, kemudian kamu masih mempersekutukan(Nya). Katakanlah: Dialah yang berkuasa menghantarkan azab kepada kamu, dari sebelah atas kamu atau dari sebelah kaki kamu, atau Dia menjadikan kamu bertentangan dan berpecah belah dan Dia merasakan sebahagian kamu akan perbuatan ganas sebahagian yang lain. Perhatikanlah bagaimana Kami mendatangkan tanda-tanda (kebesaran Kami) dengan berbagai cara, supaya mereka memahami(nya)." (Al-An'am: 56-65)

Akhirnya fitrah ini mendengar suara azali yang berinteraksi dengannya di sebalik segala

timbunan realiti ini. Setelah sekian lama kehilangan haluan, kini fitrah ini kembali kepada Tuhannya yang Esa dan seterusnya membantu dakwah baru mengalahkan timbunan realiti ini!

* * *

Apabila manusia mendamba diri kepada Tuhannya yang Esa, tidak mungkin ada lagi manusia yang mahu menghambakan diri kepada manusia, masing-masing kini berdiri sama tinggi. Pada hari itu seluruh manusia akan hanya tunduk akur kepada Tuhannya yang Esa dan Maha Perkasa yang menguasai hamba-hambaNya. Dengan itu, tamatlah kisah dongeng "darah mulia", "bangsa mulia" dan juga dongeng "kemuliaan dan kuasa adalah warisan"... Namun bagaimana perkara ini boleh berlaku? Sebelum perubahan ini, masih terdapat budaya masyarakat yang didorong oleh kepentingan puak dan bangsa, kepentingan material dan emosional. Suatu budaya yang telah bermaharajalela di semenanjung Tanah Arab dan di seluruh muka bumi.Budaya yang tidak dapat diketepikan kerana golongan yang berkepentingan tidak akan berkompromi dan golongan yang lemah pula tidak mahu menentang!

Quraisy mendakwa diri mereka "mulia" dan mengaku mereka sahaja yang berhak menggubal undang-undang dan adat tradisi. Oleh kerana itu, mereka hanya wuquf di Muzdalifah sedangkan orang lain terpaksa wuquf di Arafah. Berlandaskan kepada keistimewaan ini mereka merangka undang-undang yang mendokong kepentingan ekonomi mereka. Mereka mewajibkan orang-orang Arab yang mahu melakukan Tawaf supaya hanya menggunakan pakaian yang dibeli daripada orang-orang Quraisy sahaja. Jikalau tidak mereka perlu melakukannya dengan berbogel.

Dalam masa yang sama, seluruh dunia di luar semenanjung Tanah Arab sedang menderita akibat diskriminasi darjat dan warna kulit...

"Hubungan di dalam masyarakat Iran adalah berasaskan keturunan dan kemahiran. Wujud jurang yang amat luas di antara anggota masyarakat ini. Kerajaan melarang rakyatnya membeli harta milik putera raja atau milik pembesar. Dasar pemerintahan dalam negara Sassanidae ialah semua rakyat perlu berpada dengan kedudukan keturunan mereka. Mereka tidak boleh sama sekali bertukar ke kedudukan yang lebih tinggi. Tiada sesiapapun dibenarkan melakukan pekerjaan selain daripada pekerjaan yang telah dikurniakan oleh Tuhannya. Raja-raja Iran tidak membenarkan rakyat bawahan menyandang mana-mana jawatan yang berkaitan dengan mereka. Rakyat bawahan juga dibahagikan kepada beberapa kasta yang berbeza. Setiap kasta mempunyai kedudukan yang tertentu di dalam masyarakat."[2]

"Kisra-Kisra Parsi mendakwa bahawa darah tuhan mengalir di dalam diri mereka. Rakyat Parsi juga menerima raja-raja mereka sebagai tuhan dan mempercayai raja-raja mereka memiliki sifat-sifat yang suci. Mereka akan menundukkan diri kepada raja-raja mereka dan menyanyikan lagu bagi mengagungkan raja-raja mereka. Raja-raja mereka dilihat mengatasi segala undang-undang dan manusia lain, mereka tidak boleh disanggah bahkan nama mereka tidak boleh disebut. Tiada sesiapa dibenarkan duduk berhampiran dengan raja. Mereka percaya raja-raja ini mempunyai hak ke atas rakyat dan tiada rakyat yang berhak ke atas raja-raja ini. Segala harta kekayaan yang diberikan kepada rakyat adalah merupakan sedekah dan anugerah bukannya kerana harta ini hak rakyat. Rakyat perlu mentaati raja-raja ini. Raja-raja hanya dilantik daripada keluarga tertentu iaitu keluarga al-Kayani. Mereka berpendapat hanya keturunan ini sahaja yang layak dimahkotakan dan berhak mengutip cukai. Kelayakan ini pula dipusakai turun temurun. Sesiapa yang cuba merampas hak ini akan dianggap bersalah dan belot. Mereka menumpahkan taat setia mereka kepada raja serta keturunan diraja dan tidak terlintas sama sekali untuk mengalihkan taat setia ini. Jika tiada anggota keluarga yang dewasa mereka akan tabalkan kanak-kanak sebagai

---

[2] Iran Di Zaman Sassanidae, Prof. Orthersen, petikan daripada buku *Kerugian Dunia Akibat Kemunduran Umat Islam,* Abu al-Hasan al-Nadwi.

raja. Jikalau tiada anggota keluarga yang lelaki mereka akan tabalkan wanita sebagai raja. Mereka pernah menabalkan anak Syirawaih, Ardasyir yang baru berumur tujuh tahun sebagai raja. Mereka juga pernah menabalkan Farakh Zad Khasru anak lelaki Kisra Abruiz yang masih kecil sebagai raja. Mereka telah menabalkan Bawran anak perempuan Kisra sebagai raja. Mereka juga pernah menabalkan anak perempuan Kisra yang kedua bernama Azarmi Dakhat sebagai raja. Tidak pernah terlintas di dalam fikiran mereka untuk menabalkan pembesar atau panglima seperti Rustum atau Jaaban atau yang lain sebagai raja. Semata-mata kerana mereka ini bukannya kerabat diraja!"[3]

Manakala itu, sistem kasta di India merupakan sistem yang paling kejam pernah dipraktikkan oleh manusia.

"Tiga ratus tahun sebelum kelahiran Isa al-Masih, muncul sebuah tamadun Brahmin di India yang merupakan permulaan era baru di dalam masyarakat India. Satu undang-undang sivil dan pemerintahan yang dipersepakati bersama telah digubal. Undang-undang ini menjadi undang-undang rasmi negara dan menjadi sumber rujukan agama yang diterima pakai di dalam negara tersebut. Undang-undang ini kini dikenali sebagai *"Manu Syastar"*...

Undang-undang ini membahagikan penduduk kepada empat kasta iaitu:

1. Brahmin; golongan sami dan ahli agama.
2. Kshatriya; golongan tentera.
3. Waisya; golongan petani dan peniaga.
4. Sudra; golongan pekerja.

Menurut Manu, penggubal undang-undang ini:

"Tuhan yang berkuasa mutlak telah mencipta Brahmin daripada mulutnya, Kshatriya daripada lengannya, Sudra daripada kakinya! Tuhan telah menentukan tugas dan tanggungjawab mereka demi kebaikan alam. Tanggungjawab Brahmin ialah untuk mengajar Kitab Weda[4], menganugerahkan nazar kepada tuhan dan menerima sedekah. Tanggungjawab Kshatriya ialah memelihara orang ramai, bersedekah, mengadapkan nazar, mempelajari Kitab Weda, menjauhi tuntutan hawa nafsu. Tanggungjawab Waisya ialah menternak haiwan, membaca Kitab Weda, berniaga dan bercucuk tanam. Tanggungjawab Sudra ialah berkhidmat hanya kepada tiga golongan di atas!"

"Undang-undang ini telah menganugerahkan pelbagai keistimewaan dan hak kepada golongan Brahmin sehingga membolehkan mereka bergabung dengan tuhan-tuhan mereka. Menurut Undang-undang ini: Brahmin adalah golongan pilihan tuhan, mereka adalah raja segala makhluk dan mereka memiliki segala yang wujud di alam ini. Mereka adalah ciptaan tuhan yang terbaik dan menjadi pemimpin bumi ini. Mereka boleh mengambil harta sudra (hamba-hamba mereka) sebanyak mana yang mereka kehendaki tanpa perlu rasa berdosa kerana hamba tidak berhak memiliki harta bahkan semua harta mereka adalah milik tuan mereka. Brahmin yang menghafal Kitab Weda akan diampun dosanya walaupun dia telah membinasakan tiga golongan lain hasil dosa dan perlakuannya. Adalah tidak harus bagi raja walaupun pada saat genting dan terdesak, mengenakan apa-apa cukai atau ufti kepada Brah-min. Tidak harus sama sekali membenarkan seorang Brahmin mati kebuluran di dalam negerinya. Jika Brahmin ini dihukum bunuh kerana sesuatu kesalahan, raja hanya dibenarkan sekadar mencukur rambutnya sahaja tetapi jika orang lain melakukan kesalahan yang sama pasti akan dibunuh!"

"Walaupun golongan Kshatriya adalah kedua tertinggi tetapi jurang antara mereka dengan golongan Brahmin amat jauh. Menurut Manu, darjat Brahmin yang berusia sepuluh tahun adalah lebih baik daripada darjat seorang Kshatriya yang berusia seratus tahun, seperti kedudukan ayah

---

[3] Kerugian Dunia Akibat Kemunduran Umat Islam, Abu al-Hasan al-Nadwi.

[4] Kitab suci agama Hindu

dengan anak!"

"Menurut teks undang-undang sivil dan agama ini, golongan Sudra "paria" adalah golongan yang lebih rendah daripada haiwan dan lebih hina daripada anjing. Undang-undang ini dengan jelas menyatakan: Golongan Sudra perlu merasa bertuah apabila dapat berkhidmat kepada golongan Brahmin, hanya itu sahaja upah atau ganjaran untuk mereka. Mereka tidak berhak menyimpan wang atau harta kerana tindakan ini boleh menyinggung perasaan golongan Brahmin. Jika sesiapa daripada golongan ini cuba menghulurkan tangannya atau tongkatnya untuk memukul golongan Brahmin hendaklah tangannya dipotong. Jika golongan ini menendang kerana marah hendaklah kaki mereka dipatahkan. Jika ada di kalangan golongan hina ini ingin duduk bersama golongan Brahmin hendaklah raja mencucuh punggungnya dengan besi panas ataupun diusir daripada negeri itu. Jika golongan ini menyentuh golongan Brahmin dengan tangan atau mencemuhnya hendaklah lidahnya dicabut. Jika golongan ini mendakwa telah mengajar Brahmin hendaklah dituangkan minyak panas menggelegak ke dalam mulutnya. Denda kerana membunuh anjing, kucing, katak, cicak, gagak, burung hantu dan kasta paria ini adalah sama![5]"

Manakala itu, Empayar Rom pula memerah keringat golongan hamba yang merupakan tiga suku daripada jumlah penduduk untuk disumbangkan kepada golongan bangsawan yang hanya merupakan suku daripada jumlah penduduknya! Empayar ini juga berlandaskan perbezaan taraf antara tuan dan hamba, antara golongan atasan dan golongan bawahan sebagaimana yang dinyatakan oleh teks undang-undang:

Menurut Catatan Justinian, buku undang-undang Rom yang terkenal:

"Sesiapa yang menggoda wanita janda atau anak dara; jika wanita itu daripada keluarga atasan hukumannya ialah separuh hartanya disita; jika wanita itu daripada keluarga hina hukumannya ialah sebat dan buang negeri."[6]

Ketika fenomena begini bermaharajalela di seluruh pelusuk bumi, Islam cuba berinteraksi dengan fitrah melalui celah timbunan ini. Fitrah manusia sebenarnya menyangkal dan menolak fenomena ini. Oleh kerana itu, sambutan yang diberikan oleh fitrah kepada ajakan Islam rupanya lebih hebat berbanding realiti yang membebankan ini.

Fitrah ini mendengar firman yang Allah tujukan kepada seluruh manusia:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَـٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَـٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ ... ﴿١٣﴾

"Wahai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang-orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa..." (Al-Hujurat: 13)

Fitrah ini juga mendengar firman yang Allah tujukan kepada Quraisy:

[5] Op Cit

[6] Hal. 317, terjemahan Abdul Aziz Fahmi.

"Kemudian bertolaklah kamu turun dari (Arafah) tempat bertolaknya orang ramai...." (Al-Baqarah: 199)

Fitrah ini mendengar sabda Rasulullah s.a.w. yang ditujukan kepada seluruh manusia:

"Wahai manusia, Tuhan kamu satu, bapa kamu satu, kamu semua adalah keturunan Adam dan Adam daripada tanah. Orang yang paling mulia di sisi Allah di kalangan kamu ialah orang yang paling bertaqwa. Tidaklah orang Arab lebih baik daripada orang bukan Arab dan tidaklah orang bukan Arab lebih baik daripada orang Arab, tidaklah orang merah lebih baik daripada orang putih dan tidaklah orang putih lebih baik daripada orang merah melainkan dengan taqwa."

Fitrah ini juga mendengar sabda Rasulullah s.a.w. yang ditujukan kepada Quraisy:

"Wahai kaum Quraisy, tebuslah diri kamu sendiri kerana saya tidak akan dapat menyelamatkan diri kamu daripada kemurkaan Allah. Wahai Bani Abd Manaf, saya tidak akan dapat menyelamatkan kamu daripada kemurkaan Allah. Wahai Abbas bin Abdul Mutalib, saya tidak akan dapat menyelamatkan engkau daripada kemurkaan Allah. Wahai Fatimah binti Muhammad, mintalah apa yang engkau kehendaki tetapi ayah tidak akan dapat menyelamatkan engkau daripada kemurkaan Allah." (Bukhari dan Muslim)

Fitrah ini mendengar seruan tersebut dan membuang segala timbunan yang meliputinya lalu bangkit bersama manhaj Ilahi ini. Seterusnya berlakulah sekali lagi fenomena ini menurut sunatullah yang luas dan sentiasa bersedia untuk berulang pada bila-bila masa.

* * *

Sistem riba telah bertapak sejak sekian lama di Semenanjung Tanah Arab. Bahkan sistem riba adalah teras sistem ekonomi ketika itu. Silap sangkaan anda jika anda menyangka amalan riba hanyalah amalan individu tertentu dan dalam ruang yang terhad. Quraisy telahpun menjalankan perniagaan besar-besaran di Syam ketika musim panas dan di Yaman ketika musim sejuk. Perniagaan ini telah melibatkan kesemua modal masyarakat Quraisy. Kita jangan lupa mengenai rombongan dagang Abu Sufyan, yang ingin ditawan oleh umat Islam dalam peperangan Badar malangnya terlepas kerana Allah mahu menganugerahkan mereka nikmat yang lebih baik. Rombongan ini sebenarnya mengandungi seribu ekor unta yang sarat membawa muatan barangan. Jikalau amalan riba ini sekadar amalan sesetengah individu sahaja tanpa disokong oleh suatu sistem ekonomi yang bersepadu nescaya Allah tidak perlu memberikan teguran keras secara berulang kali di dalam al-Quran. Rasulullah s.a.w. juga tidak perlu untuk turut serta memberikan teguran yang keras di dalam hadisnya!

Segala kekayaan, urusniaga dan sistem ekonomi ini sebenarnya berteraskan riba. Segala kegiatan ekonomi di negeri ini sebelum perutusan Rasulullah adalah berteraskan sistem ini. Sistem inilah yang menjadi landasan hidup masyarakat Madinah. Pemegang kuasa ekonomi ketika itu adalah Yahudi dan sistem riba adalah teras sistem ekonomi Yahudi!

Ini adalah situasi ekonomi yang menjadi landasan hidup negeri ini!

Selepas itu, Islam muncul.. menyangkal sistem yang zalim ini dan memperkenalkan pula suatu sistem lain sebagai ganti iaitu sistem zakat, Qardhul hasan dan takaful.

Firman Allah yang bermaksud:

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمۡوَٰلَهُم بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمۡ أَجۡرُهُمۡ عِندَ رَبِّهِمۡ وَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾ ٱلَّذِينَ يَأۡكُلُونَ ٱلرِّبَوٰاْ لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ ٱلَّذِي يَتَخَبَّطُهُ ٱلشَّيۡطَٰنُ مِنَ ٱلۡمَسِّۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمۡ قَالُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡبَيۡعُ مِثۡلُ ٱلرِّبَوٰاْۗ وَأَحَلَّ ٱللَّهُ ٱلۡبَيۡعَ وَحَرَّمَ ٱلرِّبَوٰاْۚ فَمَن جَآءَهُۥ مَوۡعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِۦ فَٱنتَهَىٰ فَلَهُۥ مَا سَلَفَ وَأَمۡرُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۖ وَمَنۡ عَادَ فَأُوْلَٰٓئِكَ أَصۡحَٰبُ ٱلنَّارِۖ هُمۡ فِيهَا خَٰلِدُونَ ﴿٢٧٥﴾ يَمۡحَقُ ٱللَّهُ ٱلرِّبَوٰاْ وَيُرۡبِي ٱلصَّدَقَٰتِۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَأَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ لَهُمۡ أَجۡرُهُمۡ عِندَ رَبِّهِمۡ وَلَا خَوۡفٌ عَلَيۡهِمۡ وَلَا هُمۡ يَحۡزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَذَرُواْ مَا بَقِيَ مِنَ ٱلرِّبَوٰٓاْ إِن كُنتُم مُّؤۡمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمۡ تَفۡعَلُواْ فَأۡذَنُواْ بِحَرۡبٖ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦۖ وَإِن تُبۡتُمۡ فَلَكُمۡ رُءُوسُ أَمۡوَٰلِكُمۡ لَا تَظۡلِمُونَ وَلَا تُظۡلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾ وَإِن كَانَ ذُو عُسۡرَةٖ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيۡسَرَةٖۚ وَأَن تَصَدَّقُواْ خَيۡرٞ لَّكُمۡۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾ وَٱتَّقُواْ يَوۡمٗا تُرۡجَعُونَ فِيهِ إِلَى ٱللَّهِۖ ثُمَّ تُوَفَّىٰ كُلُّ نَفۡسٖ مَّا كَسَبَتۡ وَهُمۡ لَا يُظۡلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

"Orang-orang yang membelanjakan (mendermakan) hartanya pada waktu malam dan siang dengan cara sulit atau berterang-terangan, maka mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka, dan tidak ada kebimbangan kepada mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Itu kerana mereka berkata bahawa sesungguhnya jual-beli itu sama dengan riba. Padahal Allah telah menghalal berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti dari mengambil riba maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman) adalah menjadi haknya dan urusannya (terserah) kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (mengambil riba), maka mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya. Allah musnahkan (harta yang berkaitan dengan) riba dan ia pula mengembangkan (keberkatan) sedekah-sedekah. Dan Allah tidak suka kepada setiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta mengerjakan sembahyang dan mengeluarkan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita. Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba, jika kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu sekiranya kamu tidak juga melakukan (perintah meninggalkan riba itu), maka ketahuilah kamu bahawa Allah dan RasulNya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari mengambil riba), maka hak kamu (yang

sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak menzalimi dan kamu juga tidak dizalimi (oleh sesiapa). Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia senang. Dan sekiranya kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui. Dan peliharalah diri kamu dari (azab) hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka sedikitpun tidak dizalimi." (Al-Baqarah: 274- 281)

Fitrah manusia dapat merasakan bahawa dakwah Allah ini lebih baik berbanding sistem yang diamalkannya selama ini. Seterusnya memandang jijik sistem yang menjadi teras sistem riba itu. Walaupun sukar untuk beralih daripada suatu sistem ekonomi yang telah bertapak kukuh di dalam hidup manusia namun sambutan fitrah lebih kuat berbanding tekanan situasi ini. Dengan ini masyarakat Islam berjaya dibersihkan daripada amalan buruk jahiliyyah. Akhirnya berlakukan suatu perubahan menurut sunatullah yang akan sentiasa berulang setiapkali fitrah ini dihidupkan dan bangkit daripada kongkongan dan runtuhan ini!

***   *   ***

Kita telah bincangkan di dalam tajuk ini tiga contoh mengenai keupayaan fitrah mengatasi realiti semasa dan bangkit daripada sebarang kekangan.

Kita dapat lihat bagaimana fitrah ini berjaya mengalahkan realiti luaran yang dicipta oleh jahiliyyah dalam bentuk akidah dan fahaman, atau dalam bentuk budaya dan tradisi, atau dalam bentuk ekonomi dan urusniaga.... Segala realiti ini dilihat terlalu kuat oleh orang yang tidak mengenali kekuatan sebenar akidah dan fitrah. Seolah-olah realiti ini terlalu unggul sehingga tidak mampu dilawan oleh fitrah dan akidah!

Namun begitu Islam tidak pernah menyerah kalah atau sekadar berpeluk tubuh ketika berhadapan dengan realiti ini. Sebaliknya Islam cuba menghapuskan realiti ini atau mengubahnya kepada suatu sistem yang lebih unggul di atas landasan yang utuh dan ampuh.

Peristiwa yang pernah berlaku boleh berlaku semula pada bila-bila masa. Segala peristiwa ini berlaku menurut sunatullah bukan melalui mukjizat. Binaan yang utuh ini ditegakkan melalui aset fitrah yang tersimpan hanya menunggu orang yang akan menyelamatkannya, menggabungkannya, mengerahnya dan mengarahnya kepada haluan yang betul.

Manusia hari ini lebih berkemampuan untuk mengarah fitrah ini kepada haluan yang betul kerana sejarah dan cara hidup manusia hari ini masih terpengaruh dengan arus kebangkitan pertama dahulu. Walaupun arus itu menghadapi tentangan yang amat hebat tetapi akhirnya arus itu masih berjaya meneruskan jalannya bahkan berjaya meninggalkan kesan yang amat mendalam selepas itu...

6

Aset Pengalaman

Pada peringkat awal berhadapan dengan manusia, Islam terpaksa menghadapi realiti ini dengan hanya bertemankan aset fitrah. Aset fitrah berpihak kepada agama ini walaupun setelah beberapa generasi ditimbus oleh timbunan jahiliyyah. Namun keupayaan fitrah ini untuk bangkit lebih kuat berbanding segala timbunan itu. Kehendak fitrah sudah cukup untuk menghumban timbunan ini.

Zaman itu adalah zaman yang menakjubkan. Zaman tersebut adalah zaman kegemilangan. Generasi tersebut juga adalah generasi yang unggul. Zaman tersebut menjadi menara mercu tanda. Sepertimana yang saya katakan, zaman tersebut adalah zaman yang ditakdir dan diatur oleh Allah supaya muncul suatu contoh yang unggul di tengah realiti hidup sebagai suatu teladan bagi generasi selepasnya. Suatu contoh yang hidup dan mampu untuk diulangi semula mengikut kemampuan yang ada pada manusia hari ini!

Kemunculan ini bukan hasil fenomena biasa ketika itu, sebaliknya adalah hasil aset yang tersimpan di dalam fitrah. Kemunculan tersebut berlaku apabila wujud suatu bentuk manhaj, pimpinan, tarbiah dan harakah yang menggembeleng dan mendorong fitrah ini...

Malangnya manusia ini pada amnya tidak bersedia untuk bertahan lama memegang tampuk kegemilangan ini, yang telah ditegakkan oleh kumpulan pilihan melalui bantuan Allah. Islam begitu pantas berkembang ke Timur dan Barat tanpa ada tandingannya di dalam sejarah. Apabila manusia mula berduyun-duyun memeluk Islam menyebabkan kebanyakan mereka tidak sempat menerima didikan yang unik, halus dan perlahan sebagaimana yang diterima oleh kumpulan pilihan itu...

Apabila keadaan ini berlaku, saki baki jahiliyyah yang masih ada di dalam diri masyarakat dan majoriti umat yang memeluk Islam ini mula terasa dan merentap tubuh masyarakat ini sehingga tersembam ke bumi. Sebenarnya masyarakat ini berjaya mencapai tampuk kegemilangan ini setelah melalui suatu anjakan yang hebat yang telah dilakukan oleh kumpulan pilihan melalui tarbiah yang unik, halus dan perlahan. Tarbiah yang menggembeleng aset fitrah dan mengarahnya melalui haluan yang jauh ini!

Memang, dalam tempoh seribu tahun masyarakat Islam ini tidak sepenuhnya berada pada tampuk kegemilangan, prestasi mereka berbeza-beza. Namun begitu mereka masih berada di kedudukan yang lebih tinggi berbanding masyarakat lain di muka bumi. Itupun kerana masyarakat asing ini menerima tempias masyarakat Islam yang bermartabat ini. Ini dibuktikan oleh fakta sejarah yang betul. Malangnya tidak banyak fakta sejarah yang betul.

* * *

Untungnya, anjakan yang hebat dan unik di dalam sejarah manusia ini, begitu juga dengan

seribu tahun yang berprestij ini masih belum pupus. Sejarah ini tidak pupus begitu sahaja tanpa meninggalkan sebarang warisan untuk generasi seterusnya sepertimana yang berlaku sebelum ini.

Tidak mungkin pupus sama sekali, bukan ini sunatullah dalam hidup manusia ini. Manusia tetap manusia. Tubuh manusia adalah tubuh yang hidup, melalui banyak pengalaman dan mampu menyimpan banyak maklumat. Walau betapa banyak sekalipun timbunan jahiliyyah yang menimbus sifat kemanusiaannya, walau betapa banyak ia melalui saat kegelapan namun aset ini masih kekal tersimpan bahkan telah menjadi sebati dalam tubuhnya!

Walaupun dakwah pada peringkat awal hanya mempunyai aset fitrah sebagai senjata bagi menghadapi realiti manusia, namun begitu kita tidak lupa aset besar yang masih kekal menimbun yang ditinggalkan oleh risalah rasul-rasul terdahulu walaupun risalah itu hanya untuk kaum tertentu tidak seperti Islam yang umum untuk semua manusia. Hari ini selain daripada aset fitrah terdapat suatu aset lain iaitu arus generasi pertama yang dilalui oleh manhaj Ilahi di dalam hidup manusia sama ada oleh orang yang beriman dengan Islam atau orang yang berada di bawah pemerintahan Islam atau orang yang berada jauh tetapi masih terpengaruh dengan pengaruh Islam. Selain itu terdapat juga aset pengalaman pahit yang manusia lalui ketika tersalah memilih jalan dan jauh daripada Allah sehingga terpaksa menanggung kepahitan hidup dalam tempoh itu!

Pada peringkat awal dahulu, Islam telah memperkenalkan pelbagai dasar, fahaman, nilaian, ukuran, sistem dan budaya untuk berhadapan dengan manusia dengan hanya berbekalkan aset fitrah. Ini menyebabkan Islam dicabar dan ditentang habis-habisan kerana Islam ketika itu adalah asing dan jurang yang memisahkan Islam dengan realiti ketika itu amat-amat jauh....

Walaupun begitu, segala dasar, fahaman, nilai, ukuran, sistem dan budaya ini telah mampu meresap ke dalam cara hidup sekumpulan manusia -secara sempurna- beberapa ketika. Setelah itu, segala unsur ini meresap pula ke dalam cara hidup seluruh dunia Islam yang luas terbentang juga dalam satu tempoh yang lama -walaupun tahap pelaksanaannya berbeza. Akhirnya, segala unsur ini dikenali oleh hampir seluruh masyarakat dunia selama lebih seribu tiga ratus tahun. Walaupun ianya tidak dikenali melalui pengalaman dan amalan sekurang-kurangnya ia dikenali melalui kajian dan analisa!

Segala unsur ini kini tidak lagi dianggap sebagai asing kepada hidup manusia tidak sepertimana yang berlaku ketika ianya pertama kali diperkenalkan oleh Islam. Unsur ini kini tidak lagi ditolak sepertimana yang berlaku pada suatu ketika dahulu!

Namun begitu pada hakikatnya manusia hari ini masih belum dapat merasai ruh Islam yang sebenar sebagaimana yang dirasai oleh kumpulan pilihan di zaman yang unik itu. Walaupun, di sepanjang zaman termasuk di zaman moden ini manusia cuba untuk melaksanakan sebahagian daripada unsur ini namun mereka masih tidak dapat menikmati ruh sebenar Islam bahkan mereka sebenarnya tidak pun melaksanakannya. Sehingga kini manusia masih tercari-cari formula untuk mencapai tahap yang pernah dicapai oleh kumpulan Islam yang pertama...

Benar, namun begitu manusia secara amnya dari sudut fahaman dan pemikiran kini lebih berkemampuan untuk memahami tabiat manhaj ini dan lebih kemampuan untuk memikulnya berbanding pada hari pertama Islam datang dahulu. Islam ketika itu benar-benar asing.

* * *

Terdapat beberapa contoh yang dapat menjelaskan hakikat ini dengan lebih dekat. Cuma di sini hanya sekadar dibentangkan sebahagian kecil contoh ini kerana dua sebab penting:

Pertama: Kajian ini adalah ringkas hanya sekadar mengimbas beberapa unsur yang terkandung di dalam tajuk "Inilah Islam."

Kedua: Garis-garis panduan yang diwariskan oleh manhaj ini di dalam seluruh sudut kehidupan manusia adalah terlalu banyak dan terlalu besar kesannya, tidak mungkin dapat dimuatkan di dalam sebuah buku atau di dalam suatu analisa atau di dalam satu zaman. Segala kesan ini telah sebati di dalam seluruh kehidupan manusia semenjak sekian lama. Ianya merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Tidak kesemua kesan ini zahir dan tidak kesemua kesan ini boleh dilihat.

Secara ringkasnya boleh dikatakan, perubahan yang dilakukan oleh agama ini telah terserlah di muka bumi dan tertanam di dalam kehidupan manusia ini. Perubahan ini telah meninggalkan kesan kepada kehidupan manusia, walaupun kesan ini berbeza tahapnya namun ianya tetap ada. Secara langsung atau tidak langsung, semua arus perdana di dalam sejarah pasti menimba pengalaman daripada peristiwa yang hebat ini atau lebih tepat, fenomena alam yang hebat ini.

***   *   ***

Gerakan reformasi agama yang dipelopori oleh Martin Luther dan Calvin di Eropah, gerakan renaissance yang menjadi inspirasi Eropah hingga ke hari ini, gerakan menentang sistem feudal di Eropah, gerakan menuntut pembebasan daripada pemerintahan aristokrat, gerakan menuntut persamaan hak, gerakan hak asasi manusia, sebagaimana yang terdapat di dalam Magna Carta di England dan Revolusi di Perancis, gerakan aliran empirisisme yang menjadi asas kegemilangan peradaban Eropah seterusnya membawa kepada penemuan-penemuan besar dalam bidang ilmu zaman moden dan banyak lagi gerakan-gerakan besar lain yang dianggap oleh kebanyakan orang sebagai permulaan sejarah baru, kesemua gerakan ini sebenarnya telah tercetus dan amat terpengaruh dengan arus perdana Islam.

Menurut, buku *Dhuha Islam* karangan Dr Ahmad Amin:

"Pertelingkahan yang berlaku di antara puak-puak Kristian memperlihatkan pengaruh Islam di kalangan mereka. Antara yang boleh dilihat ialah dalam peristiwa yang berlaku pada kurun ke 8 Masihi (Kurun ke 2 dan ke 3 Hijrah), di Septmania muncul satu gerakan yang mengajak penganut Kristian supaya menentang amalan pengakuan di hadapan paderi kerana paderi tidak berhak melakukannya. Sebaliknya manusia hendaklah mengadu kepada Allah sahaja memohon keampunan kerana kesalahan yang dilakukan. Di dalam Islam tiada paderi atau rahib atau pendeta oleh kerana itu secara tabi'inya tidak ada amalan pengakuan di dalam Islam!

Setelah itu muncul pula aliran yang mengajak penganut Kristian supaya menghancurkan patung keagamaan (Iconoclasts). Pada kurun ke 8 dan ke 9 Masihi (kurun ke 3 dan ke 4 Hijrah) lahir fahaman Kristian yang menentang amalan menyucikan patung. Pada tahun 726AD, pemerintah Empayar Rom, Leo III telah mengeluarkan perintah supaya diharamkan amalan menyucikan patung. Diikuti pada tahun 730AD dengan perintah bahawa amalan ini dianggap penyembahan berhala. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh Constantine VI dan Leo IV. Dalam masa yang sama, Pope Gregory II dan III, Germanius, ketua gereja Constantinopal, Maharani Irene adalah antara penyokong penyembahan patung. Berlaku perbalahan yang hebat di antara kedua-dua fahaman ini yang tidak perlu dihuraikan di sini. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah mengenai kenyataan beberapa orang ahli sejarah bahawa gerakan ke arah penghapusan patung ini adalah kerana pengaruh Islam. Ahli-ahli sejarah menyebut bahawa Claudius, ketua paderi Tourin, yang dilantik pada tahun 828AD (sekitar 213H) telah mengarahkan supaya dibakar semua patung dan salib serta melarang penyembahan patung di gereja-gerejanya, beliau lahir dan membesar di Andalus, bumi Islam.

"Terdapat di kalangan pengikut Kristian yang menghurai akidah Triniti mirip kepada akidah

satu tuhan dan mereka menolak Isa al-Masih sebagai tuhan."[7]

* * *

Apabila tentera-tentera Salib kembali ke negara asal meninggalkan negara-negara Islam pada kurun ke 11M mereka membawa bersama contoh masyarakat Islam. Walaupun wujud pelbagai kepincangan di dalam masyarakat ini namun perkara yang paling ketara di dalam masyarakat ini yang masih dapat dilihat oleh angkatan salib ialah kaedah undang-undang yang merangkumkan pemerintah dan rakyat secara saksama tanpa tunduk kepada kehendak golongan bangsawan atau kehendak golongan feudal sepertimana yang berlaku di Eropah. Selain itu wujudnya dasar kebebasan individu dalam memilih kerja dan tempat tinggal, kaedah hak persendirian dan kebebasan menggunakan harta, kaedah tiadanya kasta yang mana setiap individu pada bila-bila masa boleh mencapai taraf yang lebih tinggi di dalam masyarakatnya bergantung kepada kerajinan, kesungguhan dan usahanya. Ini adalah fenomena-fenomena yang paling ketara dapat dilihat oleh bangsa Eropah yang selama ini hidup di bawah sistem feudal dan menjadi hamba kepada tanah. Undang-undang yang ada pada mereka adalah berdasarkan kehendak tuan. Kasta mereka juga adalah tetap kerana darjat bagi mereka adalah suatu warisan!

Bertitik tolak daripada sini, selain sokongan faktor-faktor ekonomi masyarakat Eropah, bermulalah desakan-desakan yang akhirnya berjaya menghapuskan sistem feudal secara berperingkat-peringkat dan diisytiharkan hak kebebasan individu daripada menjadi hamba tanah. Walau bagaimanapun kesedaran ini tidak dapat membebaskan mereka daripada semua belenggu dan tidak dapat memartabatkan mereka standing masyarakat Islam!

* * *

Pengaruh universiti-universiti di Andalusia dan pengaruh tamadun Timur Islam yang ketika itu menjadi tamadun dunia, selain terjemahan buku-buku dunia Islam ke dalam bahasa-bahasa Eropah telah menyebabkan munculnya gerakan kebangkitan Eropah pada kurun ke 14. Dalam masa yang sama, muncul aliran moden di bidang ilmu khususnya kaedah empirikal

Menurut Brefault, pengarang buku *"Making of Humanity":*

"Peradaban Ilmu adalah antara perkara terpenting yang dibawa oleh tamadun Arab[8] kepada dunia moden. Malangnya hasilnya agak lambat untuk dinikmati. Kebijaksanaan peradaban Arab di Sepanyol hanya dapat dirasai setelah sekian lama tersembunyi di sebalik awan gelap. Bukan ilmu sahaja yang menghidupkan kembali Eropah malah banyak lagi pengaruh-pengaruh tamadun Islam yang memberi sinar harapan ke dalam kehidupan Eropah. Secara pasti, setiap sudut kemajuan Eropah boleh dikaitkan secara langsung dengan pengaruh keilmuan Islam. Namun pengaruh Islam yang paling nyata dan paling penting serta telah berjaya menjana potensi bagi membentuk dunia moden yang memiliki suatu kekuatan yang unik dan mantap ialah melalui ilmu sains dan budaya kajian sains."

---

[7] *Dhuha Islam,* hal 164-165.

[8] Kita dapat lihat bagaimana penulis-penulis Barat sering menggunakan istilah tamadun Arab bagi merujuk kepada tamadun Islam. TIndakan ini didorong oleh niat jahat kerana hati mereka berat untuk menerima Islam. Dengan tindakan ini mereka ingin menjadikan Islam hanya milik Arab sedangkan Islam adalah luas tidak terbatas setakat sempadan yang sempit ini. Tindakan ini juga bertujuan menimbulkan semangat perkauman di antara masyarakat Islam sedangkan semangat ini telahpun dibasmi oleh Islam. Semua tindakan mereka sememangnya berniat jahat dan keji!!!

Menurut beliau lagi: "Kita terhutang budi dengan keilmuan Arab bukan kerana penemuan hebat teori-teori baru. Bahkan lebih jauh daripada itu, kita terhutang budi dengan keilmuan Arab kerana mewujudkan ilmu itu sendiri. Sebagaimana yang kita tahu, ilmu tidak pernah wujud sama sekali di dalam dunia kuno. Ilmu falak dan matematik yang dimiliki oleh bangsa Yunani sebenarnya diambil daripada bangsa asing. Mereka mengutip ilmu ini daripada negara asing malangnya ilmu itu sendiri tidak pernah meresap sepenuhnya di dalam peradaban Yunani. Walaupun masyarakat Yunani ada melahirkan beberapa aliran pemikiran, melaksanakan beberapa undang-undang dan mencipta beberapa teori, namun teknik kajian dalam bentuk yang teliti, pengumpulan maklumat yang tepat, methodologi yang terperinci, pengamatan yang berterusan dan kajian amali... semua teknik sebegini adalah suatu yang asing dalam budaya masyarakat Yunani. Manakala apa yang kita panggil ilmu sebenarnya lahir di Eropah adalah hasil budaya dan methodologi yang baru, hasil teknik-teknik analisa yang baru; teknik eksperimen, pengamatan dan penilaian, hasil kemajuan ilmu matematik yang tidak pernah dikenali sama sekali oleh masyarakat Yunani. Segala budaya dan methodologi ini dibawa masuk oleh orang Arab ke dalam dunia Eropah." [9]

Menurut beliau sebelum itu:

"Roger Bacon telah mempelajari bahasa Arab dan ilmu Arab di universiti Oxford daripada pembantu guru-gurunya berbangsa Arab di Andalusia. Roger Bacon dan pengikutnya Francis Bacon sebenarnya tidak berhak digelar pengasas fahaman empirisisme. Roger Bacon hanyalah utusan yang membawa peradaban dan methodologi Islam ke dunia Eropah yang menganut Kristian. Beliau tidak pernah jemu-jemu menyatakan kepada orang-orang sezamannya bahawa pembelajaran bahasa Arab dan ilmu-ilmu Arab merupakan satu-satunya jalan untuk mencapai pengetahuan yang sebenar. Perbalahan yang berlaku mengenai pengasas kaedah empirikal merupakan sebahagian penyelewengan besar kepada asas tamadun Eropah. Pada zaman Bacon ini methodologi Arab telah tersebar luas dan pelajar-pelajar daripada seluruh pelusuk Eropah datang berduyun-duyun untuk mempelajarinya.

Dari manakah Roger Bacon memperolehi ilmu-ilmu ini?

"Daripada universiti-universiti Islam di Andalusia. Bab kelima bukunya, Cepus Majus yang khusus dalam kajian mata sebenarnya adalah suatu salinan daripada buku al-Manazir, karangan Ibnu al-Haitham." [10]

Menurut Draber, seorang professor di Universiti New York di dalam bukunya, *"Pertembungan Ilmu Dan Agama":*

"Ilmuwan Islam telah membuktikan bahawa kaedah logikal dan teoritikal semata-mata tidak akan membawa kepada kemajuan. Impian di hati perlu digabung jalinkan dengan praktikal. Inilah yang menjadi pegangan mereka dalam mana-mana kajian mereka iaitu kaedah amali."

"Kesan kaedah amali ini benar-benar dapat dilihat melalui kemajuan yang dicapai di bidang industri di zaman mereka. Kita pasti kagum jika melihat teori-teori sains yang terdapat di dalam buku-buku mereka. Kita pasti tidak menyangka bahawa hasil kajian sebegini lahir pada zaman tersebut. Contohnya teori evolusi otot-otot anggota badan (selama ini dianggap teori moden) sebenarnya telahpun dipelajari di sekolah-sekolah mereka. Bahkan mereka telah lebih maju daripada pencapaian kita hari ini kerana mereka telah mempraktikkan teori ini kepada pepejal dan

---

[9] *Tajdid Pemikiran Agama Di Dalam Islam,* Muhammad Iqbal. Terjemahan oleh Abbas Mahmud, hal. 149-150

[10] Ibid, hal. 148.

logam.[511] Mereka telah menggunakan ilmu kimia di dalam bidang perubatan. Di dalam bidang fizik, mereka telah mengetahui dan menyusun teori graviti. Pengetahuan mereka mengenai teori gerakan amat mendalam. Mereka telah menemui teori cahaya dan teori penglihatan seterusnya menyangkal pendapat tamadun Yunani bahawa penglihatan dihasilkan apabila cahaya yang dikeluarkan oleh mata mengenai objek. Mereka telahpun mengetahui teori pembalikan dan pemecahan cahaya. Al-Hasan bin Al-Haitham telah menemui bahawa cahaya bergerak secara melengkung ketika melalui ruang hampagas. Ini dibuktikan apabila kita dapat melihat bulan dan matahari sebelum ianya betul-betul berada di langit dan kita masih boleh melihat bulan dan matahari beberapa ketika setelah terbenam."[12]

*   *   *

Cukup setakat ini perbincangan kita mengenai kesan yang dibawa oleh manhaj Islam dan cara hidup Islam di dalam sejarah manusia dan gerakan-gerakan perdana di dunia. Cukuplah sekadar seimbas lalu mengenai hakikat yang besar dan tersebar luas ini, malangnya kita sendiri hampir-hampir melupainya. Ketika melihat tamadun hari ini kita terlupa bahawa kita mempunyai saham dalam pembinaan tamadun ini. Selama ini kita merasakan seolah-olah kita tidak mempunyai peranan langsung kepada pembangunan ini dan seolah-olah tamadun ini terlalu hebat jika hendak dibandingkan dengan kita dan tamadun kita yang sudah dilupakan. Malangnya kita hanya mendengar pandangan musuh-musuh kita sedangkan mereka hanya mahu kita meragui kebangkitan semula masyarakat Islam yang berlandaskan manhaj Islam. Keraguan ini akan menguntungkan mereka kerana memberi jaminan untuk mereka terus berkuasa dan memastikan kepimpinan dunia ini tidak akan dirampas daripada mereka. Apa sudah jadi dengan kita ini, seolah-olah seperti burung kakaktua atau kera yang hanya mengulang-ulang apa yang mereka katakan?!!

Walau bagaimanapun ini bukanlah pokok perbincangan kita di sini. Perbincangan ini sebagai pembukaan kepada perbincangan lain mengenai garis panduan yang digariskan dan diajar oleh arus Islam yang awal kepada manusia. Dengan ini manusia hari ini lebih berkeupayaan untuk memahaminya. Ini adalah aset baru selain aset fitrah yang sedia ada!

---

[11] Pandangan-pandangan yang diutara oleh penulis-penulis Barat perlu diterima secara berwaspada walaupun mereka akur dengan Islam dan pemikiran Islam. Fahaman evolusi yang diketengahkan oleh Darwin dan Walls adalah berbeza sama sekali dengan teori evolusi diketengahkan oleh umat Islam yang sama sekali tidak dipengaruhi oleh sikap menyisihkan gereja atau menyisihkan agama gereja yang berlaku di negara Barat! Ilmuwan Islam telah mengenalpasti wujudnya evolusi dalam kejadian makhluk. Mereka mengkaji sifat pepejal dan mereka dapati perkembangan ini berakhir dengan peringkat awal kehidupan tumbuhan dan sebahagiannya berakhir dengan peringkat awal kehidupan haiwan seterusnya kehidupan ini akan berkembang. Walau bagaimanapun segala perkembangan ini mereka letakkan kepada kuasa dan kehendak Allah. Sebaliknya Darwin beria-ia menafikan kuasa luar yang mempengaruhi evolusi ini kerana beliau cuba menyisihkan gereja dan tuhan gereja yang selama ini menindas ilmu dan kajian ilmu. Dalam masa sama ilmuwan Islam sama sekali tidak merendahkan taraf manusia atau menafikan unsur rohaninya sehingga diletakkan setaraf dengan haiwan. Teori Islam dengan jelas menegaskan bahawa manusia dicipta berasingan dan berada di tempat tertinggi di kalangan makhluk bernyawa kerana manusia memiliki tubuh badan yang berbeza serta mempunyai potensi akal dan roh. Ini adalah kerana Allah yang menjadikan manusia dan Allah yang menjadikan semua makhluk menurut perkembangan tertentu... Oleh itu, wujud perbezaan ketara antara dua teori ini dan umat Islam tetap ke hadapan dalam bidang kajian sains.

[12] *Islam Agama Berteras Ilmu Kekal,* Prof Muhammad Farid Wajdi, Hal 233, cetakan kedua.

7

Panduan Yang Kekal

Apabila gelombang perkembangan Islam di muka bumi semakin lemah dan jahiliyyah kembali memegang tampuk kuasa; apabila syaitan kembali bangkit menebus semula kegagalannya dan bertepuk sorak meraikan pendokongnya yang kini telah memegang semula kuasa!;

Apabila situasi ini berlaku kehidupan manusia akan kembali semula ke zaman jahiliyyah. Islam walaupun dalam keadaan berundur daripada tampuk kekuasaan telahpun meninggalkan beberapa garis panduan dan dasar utama yang sudah sebati di dalam hidup manusia. Garis panduan dan dasar-dasar ini tidak lagi dianggap asing sepertimana yang dialami ketika mula-mula Islam datang dahulu.

Persoalan-persoalan pokok dan dasar-dasar utama ini akan kita bincangkan di sini dengan meninjau beberapa contoh yang ada.

* * *

Satu Bangsa Manusia

Semangat asabiah berteraskan puak, keturunan dan keluarga menjadi budaya di Semenanjung Tanah Arab. Manakala semangat kebangsaan menjadi budaya seluruh dunia..

Semangat asabiah yang sempit ini telah terlalu sebati di dalam fikiran manusia ketika itu. Namun begitu Islam muncul dan menegaskan kepada seluruh manusia bahawa manusia adalah sebangsa berasal daripada satu keturunan dan mengadap satu Tuhan. Walaupun mereka ini berbeza dari segi ras dan warna, berbeza dari segi geografi, berbeza dari segi keturunan namun kepelbagaian ini bukan penyebab untuk mereka berpecah, bermusuhan dan tindas menindas, sebaliknya kepelbagaian ini menggalakkan mereka supaya saling berkenalan dan beramah mesra. Masing-masing mempunyai peranan masing-masing sebagai khalifah di muka bumi. Akhirnya mereka semua akan kembali kepada Allah yang telah mengutus mereka ke muka bumi dan melantik mereka sebagai pemerintah di muka bumi. Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَـٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَـٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ

عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

"Wahai manusia sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang-orang yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyayang." (Al-Hujurat: 13)

Firman Allah yang bermaksud:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai sekelian manusia! Bertakwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu dari diri yang satu (Nabi Adam) dan dijadikan daripadanya itu pasangannya (Hawa) serta dari keduanya Allah menciptakan zuriat keturunan lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertakwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan kaum kerabat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu." *(An-Nisa': 1)*

Firman Allah yang bermaksud:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَـٰفُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَـَٔايَـٰتٍ لِّلْعَـٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

"Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan yang nyata bagi orang-orang yang berpengetahuan." (Ar-Rum: 22)

Dasar ini bukanlah sekadar suatu teori sebaliknya adalah suatu budaya yang diamalkan. Islam telah berkembang luas di seluruh muka bumi dan hampir-hampir merangkumi seluruh ras dan warna, semuanya bergabung di bawah sistem Islam. Faktor warna, keturunan, darjat dan keluarga tidak menjadi penghalang mereka untuk hidup bersama sebagai saudara, tidak menghalang mereka untuk mencapai kejayaan berdasarkan potensi mereka dan sifat semulajadi mereka.

Persoalan ini kini menjadi begitu mantap walaupun selama ini ianya begitu asing dan ditolak sama sekali. Walaupun setelah arus Islam ini surut namun tiada siapa dapat mengenepikan begitu sahaja persoalan ini atau memandang persoalan ini sebagai sesuatu yang asing...

Memang benar, manusia hari ini masih tidak dapat merealisasikan persoalan ini sepertimana masyarakat Islam. Persoalan ini tidak sebati di dalam masyarakat manusia hari ini sepertimana ianya sebati di dalam masyarakat Islam.

Memang benar, masih wujud semangat asabiah ini; semangat kebangsaan dan semangat perkauman. Memang benar, kaum kulit hitam di Amerika dan Afrika Selatan masih merupakan masalah utama. Di Eropah pula mereka masih dianggap mendatangkan masalah!

Namun soal persamaan hak sudah menjadi persoalan penting yang dilaungkan oleh manusia

hari ini. Persoalan yang dianjurkan oleh Islam ini sudah menjadi buah fikiran manusia hari ini (walaupun sekadar teori). Sementara semangat perkauman yang sempit ini sentiasa tenggelam timbul kerana semangat ini tidak tulen.

Arus Islam yang pertama telah surut, arus ini dahulunya hanya bertemankan aset fitrah dalam membangkitkan persoalan ini. Namun begitu arus ini telah meninggalkan aset fitrah dan aset pengalaman untuk kebangkitan seterusnya supaya menjadi bekalan untuk kebangkitan kali kedua. Manusia hari ini lebih memahami dan lebih bersedia kerana mereka tidak lagi merasa terkejut untuk menerima persoalan ini!!!

Kemuliaan Bangsa Manusia

Ketika Islam datang dahulu kemuliaan manusia diukur berdasarkan kasta atau keluarga atau kedudukan tertentu. Bagi golongan bawahan mereka adalah sampah masyarakat, tiada sebarang nilai dan tidak dihormati. Mereka adalah sampah!!!

Islam telah melaungkan dasarnya: Kemuliaan manusia adalah kerana ia adalah manusia bukan kerana sifat lain seperti keturunan atau warna kulit atau darjat atau kekayaan atau pangkat atau sebagainya yang tidak kekal. Hak asasi manusia sebenar adalah berdasarkan identitinya yang berasal daripada satu keturunan.

Allah berfirman kepada manusia:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَـٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَـٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَـٰتِ وَفَضَّلْنَـٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلاً ﴿٧٠﴾

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam dan Kami telah angkutkan mereka di darat dan di laut (dengan kemudahan pengakutan) dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan." (Al-Isra': 70)

Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ ...﴿٣٠﴾

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi..." (Al-Baqarah: 30)

Firman Allah yang bermaksud:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَـٰٓئِكَةِ ٱسْجُدُوا۟ لِـَٔادَمَ فَسَجَدُوٓا۟ إِلَّآ إِبْلِيسَ أَبَىٰ وَٱسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿٣٤﴾

"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Tunduklah kamu kepada Nabi Adam. Lalu mereka semuanya tunduk kecuali iblis, ia enggan dan takabbur dan menjadilah ia dari golongan yang kafir." (Al-Baqarah: 34)

Firman Allah yang bermaksud:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۚ ... ﴿١٣﴾

"Dan Dia juga yang memudahkan bagi kamu segala apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi (sebagai rahmat) daripadaNya..." (Al-Jathiah: 13)

Semenjak awal lagi Allah mengajar manusia bahawa bangsa manusia adalah mulia. Kemuliaan ini adalah hak asasi manusia bukannya kerana keturunan, warna atau negara atau bangsa atau kerabat atau keluarga atau kerana mana-mana ciri yang tidak kekal dan tidak bernilai ini. Mereka mulia kerana Allah berikan kemuliaan ini kepada mereka.

Dasar ini bukanlah sekadar suatu teori bahkan suatu budaya yang dipraktikkan di dalam kehidupan masyarakat Islam dan tersebar ke seluruh muka bumi. Dasar ini diajar kepada manusia dan diterapkan di dalam kehidupan mereka. Dasar ini mengajar manusia bahawa golongan yang dianggap sampah tersebut sebenarnya mulia. Golongan ini juga mempunyai hak yang sama dengan manusia lain. Mereka berhak menegur pemerintah dan juga tidak dibenarkan akur menerima penghinaan. Dasar ini mengajar pemerintah bahawa mereka tidak mempunyai hak-hak keistimewaan melebihi manusia lain. Mereka juga tidak boleh menghina mana-mana manusia yang bukan golongan pemerintah.

Ini suatu kelahiran baru bagi manusia... kelahiran yang lebih agung daripada kelahiran biasa. Siapalah manusia ini jika mereka tidak memiliki hak sebagai seorang manusia atau dihormati sebagai seorang manusia. Apatah lagi jika hak ini tidak berdasarkan identitinya sebagai manusia iaitu identiti yang kekal selama-lamanya.

Abu Bakar r.a. memulakan zaman pemerintahannya dengan ucapan:

"Saya telah dilantik memimpin kamu sedangkan saya bukanlah yang terbaik di antara kamu. Bantulah saya jika saya melakukan kebaikan dan perbetulkanlah saya jika saya membuat kesilapan. Taatilah perintah saya selagimana saya mentaati perintah Allah dan rasulNya. Jika saya menderhakai Allah janganlah kamu taati saya...."

Umar bin al-Khattab pernah berucap memberitahu manusia mengenai tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan terhadap pemerintah:

"Wahai manusia! Demi Allah saya tidak akan mengutuskan seorang pemerintah semata-mata untuk memukul kamu dan merampas harta kamu. Sebaliknya saya mengutus mereka supaya mereka mengajar kamu mengenai agama dan sunnah kamu. Mana-mana pemerintah yang melakukan sebaliknya hendaklah kamu sampaikan kepada saya. Demi Allah yang memegang jiwa Umar, saya sendiri yang akan membalasnya..."

Lalu Amru bin al-As menerpa seraya berkata:

"Wahai Amirulmukminin! Bagaimana pula jika seorang pemerintah Islam itu memukul rakyatnya sebagai teladan. Apakah engkau akan menghukumnya?"

Umar berkata: "Demi Allah yang memegang jiwa Umar, sudah pasti saya akan membalasnya. Kenapa tidak? Sedangkan saya melihat Rasulullah s.a.w. sendiri melakukannya ke atas dirinya sendiri. Maka janganlah kamu memukul manusia hingga memalukannya. Janganlah kamu memisahkan mereka daripada isteri mereka hingga mendorong mereka melakukan kejahatan. Janganlah kamu menyekat hak mereka hingga mendorong mereka untuk kufur."

Osman r.a. pernah menulis surat ke seluruh pelusuk negara Islam, yang antara kandungannya:

"Saya telah perintahkan semua pegawai saya supaya mengadap saya setiap musim. Sesungguhnya umat ini telah benar-benar melaksanakan amar makruf nahi mungkar. Setiap masalah mengenai sesuatu atau seseorang yang diajukan kepada saya oleh pegawai saya pasti akan saya perkenankan. Saya dan pegawai saya tidak mempunyai keistimewaan mengatasi rakyat dan pegawai-pegawai ini tidak akan bebas melakukan apa sahaja. Penduduk Madinah ada mengadu bahawa mereka dihina dan dipukul. Sesiapa yang ingin mengadu mengenai hal seumpama itu datanglah mengadap apabila tiba musimnya, ia akan diberikan hak yang sepatutnya sama ada daripada saya atau daripada pegawai saya, ataupun mereka menyedekahkannya dan Allah akan memberi ganjaran kepada orang-orang yang bersedekah."

Apa yang penting, seperti yang telah saya nyatakan, perkara ini bukanlah sekadar teori semata-mata ataupun sekadar retorik. Semua ini telahpun dipraktikkan dan dilaksanakan di dalam masyarakat Islam sehingga dijadikan sebagai dasar yang praktikal.

Pernah terjadi insiden anak seorang Qibti berjaya mengalahkan anak Amru bin al-As, pembuka dan pemerintah Mesir di dalam satu pertandingan lalu anak Amru telah memukul anak lelaki Qibti ini. Lelaki Qibti ini mengadu kepada Umar bin al-Khattab r.a. dan Umar telah menjalankan hukuman balas pada musim haji di hadapan orang ramai. Kisah ini cukup masyhur.

Kebanyakan penulis setakat mencungkil keadilan Umar di dalam kisah ini tetapi kisah ini sebenarnya lebih mencerminkan hak kebebasan yang dianjurkan oleh Islam yang tertanam di dalam jiwa manusia dan di dalam hidup mereka...

Mesir ketika itu antara negara yang berjaya dikuasai oleh Islam dan masih baru mengenali Islam. Lelaki berbangsa Qibti ini masih kekal dengan agamanya dan menjadi anggota masyarakat di dalam negara yang baru dibuka ini. Amru bin al-As adalah ketua tentera yang membuka kawasan ini dan merupakan pemerintah pertama bagi kawasan ini di dalam sejarah Islam. Sebelum kedatangan Islam pemerintah kawasan ini adalah bangsa Rom, pemerintah zalim yang sering menyeksa bangsa yang dijajah. Barangkali lelaki Qibti ini masih terasa kesan pukulan cemeti bangsa Rom di belakangnya!

Namun begitu, hak kebebasan yang dianjurkan oleh Islam di seluruh pelusuk bumi menyebabkan lelaki Qibti ini kini melupakan segala pukulan dan penghinaan yang diterima daripada bangsa Rom. Kini beliau menjadi manusia yang bebas dan mulia. Beliau marah apabila anaknya dipukul oleh seorang anak pemerintah yang kalah dalam perlumbaan. Demi untuk mempertahankan maruah diri anaknya yang cedera mendorong beliau untuk berangkat daripada Mesir ke Madinah, bukan dengan kapal terbang atau kereta atau kapal atau keretapi tetapi dengan unta. Merentas padang pasir bersama unta ini selama berbulan-bulan semata-mata kerana ingin mengadu kepada Khalifah... Khalifah yang pernah menganugerahkannya kebebasan pada hari negaranya dibebaskan di bawah panji Islam. Kebebasan yang mengajarnya erti kemuliaan yang telah sekian lama dilupainya ketika berada di bawah cengkaman bangsa Rom!

Perkara ini perlu kita fahami dan kita perlu faham sejauhmana kebebasan yang diterapkan oleh arus Islam. Persoalan sebenar bukan sekadar keadilan Umar yang sememangnya tidak dapat ditandingi oleh sesiapa juga tetapi bagaimana keadilan Umar yang berteraskan Islam, manhaj Islam dan sistem Islam telah membentuk suatu gelombang pembebasan dan penghormatan kepada manusia seluruhnya... hanya kerana manusia ini adalah manusia.

Tahap yang begitu tinggi ini tidak pernah dicapai oleh manusia hari ini...benar... tetapi persoalan pokok mengenai kemuliaan, kebebasan dan hak-haknya kepada pemerintah sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam ini telah meninggalkan kesan yang amat mendalam di dalam hidup manusia hari ini. Sebahagian kesan inilah yang mendorong manusia hari ini untuk mengisytiharkan hak-hak asasi manusia...

Malangnya pengisytiharan ini masih tidak dapat direalisasikan di dalam kehidupan manusia hari ini. Tidak dapat dinafikan manusia hari ini walau di mana sahaja masih menerima pelbagai bentuk penghinaan, penyeksaan dan diskriminasi. Bahkan sesetengah manusia beranggapan kedudukan manusia lebih rendah daripada mesin. Mereka akan mengorbankan kebebasan manusia semata-mata untuk mencapai produktiviti dan pendapatan yang lebih tinggi di dalam pasaran!

Semua ini benar namun persoalan yang dianjurkan oleh Islam ini masih tertanam dalam fikiran manusia hari ini dan persoalan ini bukan lagi asing sepertimana ketika kedatangan Islam dahulu. Hari ini manusia lebih mampu untuk memahaminya jika mereka diperingatkan tentang persoalan ini dalam kebangkitan akan datang dengan izin Allah.

Satu Ummah

Sebelum kedatangan Islam dahulu, manusia bersatu berdasarkan ikatan darah atau ikatan bangsa atau ikatan bersifat keduniaan atau komitmen bersifat kepentingan sempit. Semua ikatan ini bukannya ikatan sebenar sebaliknya ianya suatu yang asing kepada manusia.

Islam telah menyatakan dengan tegas garis panduan yang menentukan ikatan sebenar sesama manusia.

Bagi Islam, bukan warna atau bangsa atau keturunan atau geografi atau mana-mana kepentingan yang menjadi ikatan sesama manusia atau yang memisahkan mereka sebaliknya ikatan ini adalah ikatan akidah. Ikatan ini adalah hubungan mereka dengan Tuhan mereka dan ikatan ini yang menentukan hubungan mereka sesama mereka. Hubungan mereka dengan Allah menyebabkan mereka dianugerahkan status kemanusiaan ini. Oleh kerana itu, hubungan inilah yang akan menentukan nasib mereka di dunia ini atau di akhirat kelak. Hembusan yang ditiup dari ruh Allah menjadikan manusia itu manusia. Ruh inilah yang menjadikan manusia itu mulia dan menyebabkan segala isi langit dan bumi dijadikan untuk manusia. Berlandaskan kepada hakikat inilah manusia bersatu dan berpisah bukan berlandaskan kepada suatu unsur yang asing daripada manusia.

Ikatan perpaduan ini ialah ikatan akidah kerana akidah adalah ciri termulia bagi ruh manusia. Apabila hubungan ini terputus maka hilanglah sebarang ikatan, perpaduan dan identitinya!

Manusia harus bersatu berlandaskan ciri utama mereka bukannya seperti haiwan yang berlandaskan kepada makanan atau kandang!

Di bumi ini ada dua golongan; golongan Allah dan golongan syaitan. Golongan Allah adalah golongan yang bernaung di bawah panji Allah. Golongan syaitan pula menggabungkan semua agama, kelompok, bangsa dan individu yang tidak bernaung di bawah panji Allah.

Satu bangsa ialah sekumpulan manusia yang diikat oleh ikatan akidah atau ideologi. Jika tidak, mereka bukannya satu bangsa kerana tiada sebarang ikatan yang menyatukan mereka. Geografi, ras, bahasa, keturunan dan kepentingan sempit, segala ciri ini tidak satupun boleh dijadikan landasan bagi membentuk sebuah bangsa melainkan jika diikat oleh satu ikatan akidah atau ideologi.

Ikatan ini merupakan suatu fahaman yang menghidupkan hati dan akal, suatu fahaman yang boleh menafsirkan hidup ini, menghubungkan manusia dengan Allah yang meniupkan ruh sehingga terjadinya manusia ini, sehingga ia berbeza dengan haiwan, sehingga bangsa ini berbeza dengan bangsa haiwan, sehingga manusia ini mendapat penghormatan Allah.

Allah berfirman kepada semua orang yang beriman di mana sahaja mereka berada, buat semua generasi, semua ras dan warna, semua puak, zaman berzaman semenjak Nabi Nuh a.s. hingga zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan hingga ke akhir zaman:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ وَأَنَا۠ رَبُّكُمۡ فَٱعۡبُدُونِ ٩٢

"Sesungguhnya ugama Islam inilah ugama kamu, ugama yang satu asas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu; maka sembahlah kamu akan Daku." (Al-Anbiya': 92)

Allah nyatakan, kelebihan seseorang manusia adalah kerana akidahnya walau apapun ikatan keluarga yang wujud atau apapun hubungan ras atau geografi yang ada:

Firman Allah yang bermaksud:

لَّا تَجِدُ قَوۡمٗا يُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ يُوَآدُّونَ مَنۡ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَوۡ كَانُوٓاْ ءَابَآءَهُمۡ أَوۡ أَبۡنَآءَهُمۡ أَوۡ إِخۡوَٰنَهُمۡ أَوۡ عَشِيرَتَهُمۡۚ أُوْلَٰٓئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ ٱلۡإِيمَٰنَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٖ مِّنۡهُۖ وَيُدۡخِلُهُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَاۚ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنۡهُمۡ وَرَضُواْ عَنۡهُۚ أُوْلَٰٓئِكَ حِزۡبُ ٱللَّهِۚ أَلَآ إِنَّ حِزۡبَ ٱللَّهِ هُمُ ٱلۡمُفۡلِحُونَ ٢٢

"Kamu tidak akan mendapati suatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan RasulNya, sekalipun mereka itu adalah bapa-bapa atau anak-anak atau saudara-saudara dan keluarga-keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang Allah telah tetapkan keimanan di dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan semangat pertolongan dariNya. Dan Dia memasukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah meredhai mereka dan mereka meredhai Allah. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah bahawa sesungguhnya golongan Allah itulah mereka yang berjaya." (Al-Mujadalah: 22)

Allah tetapkan, hanya ada satu alasan untuk berperang (apabila tiada pilihan lain) iaitu jihad di jalan Allah. Allah telah menggariskan dengan jelas matlamat orang-orang beriman dan matlamat orang-orang yang tidak beriman:

Firman Allah yang bermaksud:

ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِۖ وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ يُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱلطَّٰغُوتِ فَقَٰتِلُوٓاْ أَوۡلِيَآءَ ٱلشَّيۡطَٰنِۖ إِنَّ كَيۡدَ ٱلشَّيۡطَٰنِ كَانَ ضَعِيفًا ٧٦

"Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan thaghut. Oleh sebab itu, peranglah kamu akan pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah." (An-Nisa': 76)

Pada zaman dahulu, seluruh manusia merasa hairan dan tidak dapat menerima bagaimana manusia boleh bersatu di bawah satu akidah atau fahaman bukan berdasarkan geografi atau ras atau warna atau urusniaga atau mana-mana kepentingan sempit!

Apa yang dinamakan sebagai ideologi menurut istilah hari ini adalah suatu perkara yang pelik

ketika kedatangan Islam dahulu. Namun manusia hari ini telah dapat menerimanya. Kini pelbagai negara, bangsa, bahasa dan warna bersatu di bawah satu ideologi!

Malangnya mereka tidak bersatu di bawah akidah Allah sebaliknya bersatu di bawah mana-mana ideologi yang berteraskan ekonomi atau sosial kerana masyarakat manusia hari ini sudah runtuh. Bagi mereka mencapai kesenangan segera lebih baik daripada mencapai suatu hakikat yang agung. Walau bagaimanapun mereka kini sudah dapat menerima bahawa manusia boleh disatukan oleh satu akidah atau satu fahaman atau suatu sentimen!

Walau bagaimana keadaan sekalipun, ini masih dianggap suatu kemajuan!

Cuma menunggu manusia hari ini untuk bangkit dan memartabatkan diri mereka ke tahap yang lebih mulia dan lebih tinggi. Bangkit daripada jurang ini menuju ke puncak kegemilangan bersama-sama Islam dalam arus kebangkitan akan datang. Bangkit berbekalkan aset fitrah yang sedia ada serta aset yang baru diperolehinya ini.

Maruah Dan Akhlak

Ketika Islam meletakkan akidah sebagai teras perpaduan, Islam tidak meletakkan paksaan sebagai satu cara perlaksanaannya. Islam tidak meletakkan undang-undang rimba sebagai teknik perhubungan dengan manusia lain yang tidak menganuti akidahnya atau bersatu di bawah ikatan ini.

Allah mewajibkan jihad bukan untuk memaksa manusia memeluk Islam sebaliknya untuk membangunkan suatu sistem yang unggul, adil dan kukuh di muka bumi ini. Dengan ini manusia boleh memilih akidah yang mereka sukai dan berada di bawah sistem yang menaungi orang Islam dan bukan Islam secara adil dan saksama.

Firman Allah yang bermaksud:

لَآ إِكۡرَاهَ فِي ٱلدِّينِۖ قَد تَّبَيَّنَ ٱلرُّشۡدُ مِنَ ٱلۡغَيِّۚ فَمَن يَكۡفُرۡ بِٱلطَّٰغُوتِ وَيُؤۡمِنۢ بِٱللَّهِ فَقَدِ ٱسۡتَمۡسَكَ بِٱلۡعُرۡوَةِ ٱلۡوُثۡقَىٰ لَا ٱنفِصَامَ لَهَاۗ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

"Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang mengingkari Thaghut dan beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Al-Baqarah: 256)

Bumi yang dikuasai dan diperintah oleh sistem dan undang-undang Islam sahaja yang dianggap sebagai negara Islam *(Darul Islam)* tanpa mengira sama ada penduduknya adalah penganut akidah ini atau penganut agama lain. Manakala bumi yang tidak dikuasai dan tidak diperintah oleh sistem dan undang-undang Islam dianggap sebagai negara kufur *(Darul Harb)* tanpa mengira siapa penduduknya!

Islam tidak menggunakan undang-undang rimba dalam menjalinkan hubungan dengan *Darul Harb.* Sebaliknya hubungan ini dijalinkan dengan suatu sistem yang terperinci berlandaskan akhlak dan komitmen.

Sebuah negara Islam boleh mengadakan perjanjian damai dengan *Darul Harb* dan perjanjian ini perlu dipelihara dan dilaksanakan tanpa sebarang pembelotan atau pengkhianatan dan tanpa provokasi melainkan setelah tamatnya tempoh perjanjian ini atau jika perjanjian ini dikhianati

oleh *Darul Harb.*

Sebuah negara Islam juga boleh menjalinkan hubungan biasa dengan *Darul Harb* tanpa sebarang perjanjian. Hubungan ini boleh dibatalkan jika dirasakan wujudnya provokasi oleh *Darul Harb* dan kemudian mengisytiharkan putusnya hubungan ini.

Negara Islam juga boleh melancarkan perang... tetapi peperangan ini tertakluk kepada beberapa peraturan dan panduan. Jikalau mereka inginkan perdamaian melalui perjanjian atau jizyah atau akur dengan sistem Islam selain bebas memilih akidah mereka maka umat Islam perlu menerimanya: Firman Allah yang bermaksud:

إِنَّ شَرَّ ٱلدَّوَآبِّ عِندَ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ فَهُمۡ لَا يُؤۡمِنُونَ ﴿٥٥﴾ ٱلَّذِينَ عَٰهَدتَّ مِنۡهُمۡ ثُمَّ
يَنقُضُونَ عَهۡدَهُمۡ فِي كُلِّ مَرَّةٖ وَهُمۡ لَا يَتَّقُونَ ﴿٥٦﴾ فَإِمَّا تَثۡقَفَنَّهُمۡ فِي ٱلۡحَرۡبِ فَشَرِّدۡ بِهِم
مَّنۡ خَلۡفَهُمۡ لَعَلَّهُمۡ يَذَّكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ وَإِمَّا تَخَافَنَّ مِن قَوۡمٍ خِيَانَةٗ فَٱنۢبِذۡ إِلَيۡهِمۡ عَلَىٰ سَوَآءٍۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡخَآئِنِينَ ﴿٥٨﴾ وَلَا يَحۡسَبَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ سَبَقُوٓاْۚ إِنَّهُمۡ لَا يُعۡجِزُونَ ﴿٥٩﴾ وَأَعِدُّواْ لَهُم
مَّا ٱسۡتَطَعۡتُم مِّن قُوَّةٖ وَمِن رِّبَاطِ ٱلۡخَيۡلِ تُرۡهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمۡ وَءَاخَرِينَ مِن
دُونِهِمۡ لَا تَعۡلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعۡلَمُهُمۡۚ وَمَا تُنفِقُواْ مِن شَيۡءٖ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ يُوَفَّ إِلَيۡكُمۡ وَأَنتُمۡ لَا
تُظۡلَمُونَ ﴿٦٠﴾ ۞ وَإِن جَنَحُواْ لِلسَّلۡمِ فَٱجۡنَحۡ لَهَا وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ﴿٦١﴾

"Sesungguhnya sejahat-jahat (makhluk) yang melata di sisi Allah ialah orang-orang yang kafir. Sebab itu mereka tidak beriman. (Iaitu) orang-orang yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka, kemudian mereka mencabuli perjanjian setianya pada setiap kali, sedang mereka tidak takut (akibat-akibatnya). Oleh itu, jika kamu menemui mereka dalam peperangan, maka hancurlah mereka (supaya dengan itu) orang-orang yang di belakang mereka (gerun gentar); supaya mereka mengambil pelajaran. Dan jika kamu mengetahui adanya perbuatan kianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu), maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kianat. Dan janganlah orang-orang yang kafir itu menyangka (bahawa) mereka telah terlepas (dari kekuasaan Kami, sesungguhnya mereka tidak akan dapat melemah (kekuasaan Kami). Dan bersedialah untuk menentang mereka (dengan) segala kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk mengerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya. Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka kamu hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkal kepada Allah. Sesungguhnya la Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (Al-Anfal: 55-61)

Islam mewajibkan supaya perjanjian ini dilaksanakan dan menolak sama sekali apa jua alasan walau atas nama kepentingan negara untuk membatalkan perjanjian ini:

Firman Allah yang bermaksud:

وَأَوۡفُواْ بِعَهۡدِ ٱللَّهِ إِذَا عَٰهَدتُّمۡ وَلَا تَنقُضُواْ ٱلۡأَيۡمَٰنَ بَعۡدَ تَوۡكِيدِهَا وَقَدۡ جَعَلۡتُمُ ٱللَّهَ عَلَيۡكُمۡ
كَفِيلًاۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَعۡلَمُ مَا تَفۡعَلُونَ ﴿٩١﴾ وَلَا تَكُونُواْ كَٱلَّتِي نَقَضَتۡ غَزۡلَهَا مِنۢ بَعۡدِ قُوَّةٍ أَنكَٰثٗا
تَتَّخِذُونَ أَيۡمَٰنَكُمۡ دَخَلَۢا بَيۡنَكُمۡ أَن تَكُونَ أُمَّةٌ هِيَ أَرۡبَىٰ مِنۡ أُمَّةٍۚ إِنَّمَا يَبۡلُوكُمُ ٱللَّهُ بِهِۦۚ
وَلَيُبَيِّنَنَّ لَكُمۡ يَوۡمَ ٱلۡقِيَٰمَةِ مَا كُنتُمۡ فِيهِ تَخۡتَلِفُونَ ﴿٩٢﴾

"Dan tepatilah perjanjian Allah apabila kamu berjanji dan janganlah kamu mencabuli sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya, sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu; sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu lakukan. Dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak benang yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya dengan kuat, menjadi cerai berai kembali. Kamu menjadikan sumpah kamu tipu daya sesama kamu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai dari golongan lain. Sesungguhnya Allah hanya mahu menguji kamu dengan yang demikian itu; dan Dia sudah tentu akan menerangkan kepada kamu, pada hari kiamat, apa yang kamu berselisihan padanya." (An-Nahl: 91-92)

Jikalau tiada pilihan lain selain terpaksa berperang, peperangan ini perlu dilakukan dengan cara yang terhormat. Tidak dibolehkan membunuh kanak-kanak, orang tua dan wanita. Tidak dibolehkan memusnahkan tanaman, membunuh haiwan, mencincang-cincang musuh dan mereka hanya dibenarkan membunuh tentera yang memikul senjata menentang tentera Islam. Berikut adalah pesanan Abu Bakar kepada tentera Usamah yang dihantar bagi menghadapi Rom:

"Jangan kamu khianat, melampau, belot dan mencincang-cincang musuh. Jangan kamu membunuh kanak-kanak kecil atau orang tua atau wanita. Jangan kamu memusnah atau membakar pohon kurma dan jangan kamu mencantas pokok yang berbuah. Jangan kamu membunuh kambing atau unta kecuali untuk kamu makan. Jika kamu menemui sekumpulan manusia yang berhimpun di biara maka hendaklah kamu biarkan mereka... Berangkatlah dengan nama Allah..."

Saya tidak berniat untuk mengemukakan segala undang-undang berkenaan hubungan antara *Darul Islam* dan *Darul Harb* atau hubungan umat Islam dengan umat lain. Perbincangan ini ringkas tidak merangkumi semua perkara. Tujuan saya adalah untuk menghubungkaitkan persoalan pokok yang dianjurkan oleh Islam dalam hubungan antara pelbagai pihak yang sebelum ini tidak pernah wujud sebarang garis panduan. Sebelum kedatangan Islam hubungan antara bangsa ditentukan dengan pedang atau undang-undang rimba. Sesiapa yang memiliki kuasa akan menghalalkan segala-galanya sementara orang yang kalah akan dinafikan segala haknya sama sekali!

Garis panduan yang telah digariskan oleh Islam ini tidak akan hilang atau terpadam sama sekali daripada kehidupan manusia. Bermula pada kurun ke 17 Masihi (kurun ke 11 Hijrah) dunia mula mengenali undang-undang. Seterusnya melangkah lebih jauh untuk menggubal satu undang-undang antarabangsa dan mengambil inisiatif untuk menubuhkan satu badan antarabangsa pada

kurun ke 19. Badan ini masih bertarung antara kejayaan dan kegagalan sehingga kini. Hari ini juga wujud pelbagai bahan kajian menyeluruh mengenai undang-undang antarabangsa.

Dengan perkembangan ini kini segala sistem yang dibawa oleh Islam tidak lagi dianggap asing seperti dahulu.

Walau bagaimanapun manusia hari ini masih tidak dapat mencapai tahap kegemilangan akhlak sebagaimana yang pernah dicapai oleh masyarakat Islam di alam realiti.

Pada hakikatnya, zaman ini sedang mengalami era keruntuhan yang dahsyat, termasuklah undang-undang antarabangsa yang digubal oleh undang-undang Barat yang hanya bersifat teori. Mereka memansuhkan syarat-syarat pengisytiharan perang, pemansuhan perjanjian dan pembatalan perdamaian. Segala-galanya menjadi mainan mereka, lebih dahsyat daripada binatang buas di rimba!

Pada hakikatnya, punca berlakunya peperangan atau perdamaian hari ini hanyalah semata-mata kerana kepentingan ekonomi dan pasaran bukannya demi menegakkan sesuatu pemikiran, ideologi, kebaikan, keadilan dan perubahan yang menjadi dasar jihad di dalam Islam.

Memang benar apa yang berlaku. Namun garis panduan dalam hubungan antarabangsa yang berlandaskan undang-undang yang telah diketahui umum sudahpun wujud. Diwujudkan buat pertama kali oleh Islam dan dikemukakan oleh manhaj Ilahi yang unggul untuk kehidupan manusia.

Jikalau manusia diingatkan sekali lagi tentang manhaj ini mereka tidak lagi merasa asing atau tidak akan menyangkalnya. Mungkin dasar-dasar akhlak manhaj ini yang unggul adalah asing kepada manusia yang sekian lama tenggelam di dalam jurang jahiliyyah namun persoalan dan ideanya sudah tidak lagi asing dan diketepikan.

Walaupun pada peringkat awal Islam hanya bersumberkan aset fitrah dalam usaha untuk memantapkan dasarnya dan untuk meletakkan batu asasnya, namun di dalam kebangkitan kedua nanti Is-lam bukan sahaja akan bergantung kepada aset tersebut malah akan menggunakan segala pengalaman yang diperolehinya selama ini. Dengan izin Allah, Islam kali ini dengan berbekalkan aset baru akan lebih mampu untuk memulakan langkah barunya.

8

Langkah Seterusnya

Dalam perbincangan yang serba ringkas ini kita hanya dapat muatkan beberapa garis panduan yang digariskan oleh Islam untuk kehidupan manusia, semenjak dahulu hingga sekarang. Persoalan yang sebelum ini tidak pernah diketahui tetapi kini kesannya masih wujud di dalam kehidupan manusia, walaupun kehidupan manusia kini begitu bercelaru, terseleweng, merudum daripada puncak kegemilangannya yang dibangunkan oleh sekumpulan manusia yang bernaung di bawah manhaj Ilahi...

Contoh-contoh yang telah ditunjukkan di sini sudah cukup untuk mewakili berpuluh-puluh persoalan penting yang telah diketengahkan dan dibangkitkan oleh manhaj ini. Persoalan ini juga boleh dijadikan kayu ukur bagi semua aspek kehidupan manusia semenjak seribu empat ratus tahun dahulu.

* * *

Walau bagaimanapun seperkara yang perlu disebut di akhir perbincangan ringkas ini ialah para duah tidak sepatutnya tertipu dengan faktor-faktor pembantu ini sehingga terlupa untuk membuat persediaan yang sempurna bagi menghadapi pelbagai ranjau dan rintangan...

Perkara yang perlu kita bincangkan di sini ialah mengenai persoalan-persoalan kontra dan pelbagai rintangan di sepanjang jalan ini.

Secara umumnya manusia hari telah begitu jauh daripada Allah...

Timbunan yang menutup fitrah ini kelihatan begitu berat dan teruk. Jahiliyyah di zaman dahulu adalah dalam bentuk kejahilan, kebodohan dan kedangkalan. Jahiliyyah moden pula bersandarkan ilmu! Putar belit! Membabi buta!

Penemuan-penemuan ilmu pada kurun ke 18 dan ke 19 Masihi sebenarnya merupakan suatu bencana. Segala penemuan ini didorong oleh sikap ingin menyisihkan pengaruh gereja dan tuhan gereja yang selama ini dipergunakan untuk mengiyakan kezaliman, membakar cendekiawan, menyeksa ahli-ahli fikir dan menghalang kebangkitan... mereka mahu menyisihkan terus gereja dan menolak sebarang unsur dan semua nilai murni!

Sebenarnya semenjak awal kurun, penemuan sains telah mendorong beberapa cendekiawan untuk kembali semula kepada Allah. Fitrah yang telah sekian lama tenggelam di dalam kesesatan mula merasa keletihan dan kembali merindui Allah. Namun cengkaman malapetaka ini masih kuat. Mungkin sehingga abad ini berakhir barulah muncul tanda-tanda kebangkitan semula kumpulan yang telah sekian lama tenggelam di dalam kesesatan.

* * *

Dunia hari ini terasa semakin lega hasil kemajuan yang dicapai oleh tamadun manusia yang

telah mencipta pelbagai kemudahan dan keselesaan hidup. Manusia hari ini dapat merasai dan mengalami betapa hebatnya hidup mereka kini. Kemunculan pelbagai ilmu pengetahuan, kesenian dan hiburan menambahkan lagi kehebatan hidup ini. Kehebatan ini dapat dirasai di dalam diri dan di dalam realiti mereka.

Alangkah baik jikalau kemajuan ini berlandaskan pengetahuan tentang Allah, tentang sifat uluhiyyah Allah, tentang sifat ubudiyyah Allah. Alangkah baik jikalau kemajuan ini berlandaskan satu hakikat; Bahawa Allah yang melantik manusia sebagai khalifah di muka bumi dan menjadikan segala isi bumi ini untuk manusia; Bahawa Allah yang membekalkan manusia dengan segala kebolehan dan potensi yang membantu mereka untuk menjadi khalifah; Bahawa Allah jua yang telah mengurniakan mereka pelbagai kemudahan di dalam hidup ini. Bahawa manusia akan diuji dengan segala kurniaan ini dan segala amalan mereka di dunia ini akan dihakimi di akhirat kelak...

Jikalau semua kemajuan ini berdiri di atas landasan yang benar nescaya kehidupan akan terasa semakin lega. Kelegaan yang diperolehi hasil penemuan ilmu dan pembangunan ini akan menambah keluasan iman seterusnya membawa manusia semakin hampir dengan Allah dan Islam yang menjadi panduan hidup yang sejati.

Malangnya kemajuan ini didorong keinginan mereka untuk menjauhkan diri daripada gereja yang zalim dan tuhan gereja yang telah sekian lama bermaharajalela! Kemajuan yang mereka kecapi ini menyebabkan mereka semakin jauh daripada Allah dan menjadi benteng yang menghalang antara mereka dengan Allah. Aspek ini perlu mendapat perhatian para duah!

Pada hakikatnya, manusia hari ini sudah tidak sanggup lagi untuk memikul kesengsaraan dan beban akibat kemajuan ini dan tidak sanggup lagi terus tenggelam di dalam kemewahan ini. Pelbagai gejala, keruntuhan, tekanan fizikal dan mental, kepincangan akal dan seks, serta pelbagai kesan negatif kini menular di dalam tamadun ini. Masyarakat dan individu kini merasai kesan buruk ini. Mereka kini tidak tahan lagi melihat kejahatan dan kerosakan yang berlaku...

Malangnya manusia hari ini masih lagi dibuai oleh nafsu haiwan mereka dan tenggelam dalam dunia khayalan. Mungkin hanya setelah kurun ini berakhir barulah mata ini akan terbuka dan mereka kembali sedar daripada lamunan. Ketika itu barulah manusia ini akan terfikir untuk menghentikan segala khayalan ini!

* * *

Jahiliyyah zaman dahulu masih lagi primitif dan dalam apa jua keadaan mereka masih menampakkan sifat primitif mereka.

Di zaman itu manusia akur dengan beberapa adat dan pada kebiasaannya semangat akan mempengaruhi tindakan seseorang.

Semangat yang ada inilah yang akan menentukan sejauhmana hebatnya pertembungan antara pendokong dakwah dan pendokong jahiliyyah. Semangat ini menjadikan pertembungan ini adalah pertembungan yang terbuka... Fitrah mereka masih bersih, masih mudah untuk dilunaskan walaupun terselindung di sebalik sikap degil dan bongkak. Kesungguhan mereka untuk mempertahankan kekufuran ataupun keimanan sama sahaja...

Walaupun sifat ini buruk tetapi ia lebih baik daripada sikap lembab, tidak serius dan tidak kisah!

Sebaliknya manusia hari ini lebih bersikap berkecuali, tidak serius dan tidak kisah dengan mana-mana ideologi atau pandangan atau fahaman. Mereka juga memiliki sifat hipokrit, pasif dan suka menipu. Semua sikap negatif ini menjadi halangan dan cabaran kepada jalan dakwah untuk

terus istiqamah dengan manhaj Allah.

*　*　*

Masih banyak lagi sikap-sikap negatif yang lain dan kita tidak sepatutnya memandang remeh sikap ini. Para duah juga tidak sepatutnya terpedaya dengan faktor-faktor pembantu yang ada sehingga gagal untuk bersiap siaga.

Masalahnya, apakah bekalan kita?

Bekalan jalan ini hanya satu sahaja iaitu taqwa, merasai kebersamaan dengan Allah, berinteraksi secara langsung dengan Allah dan penuh yakin dengan janji Allah yang pasti benar:

... وَكَانَ حَقًّا عَلَيْنَا نَصْرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٤٧﴾

"...Dan sememangnya adalah menjadi tanggungjawab Kami menolong orang-orang yang beriman." (Ar-Rum: 47)

Segala-galanya kini terserah kepada kumpulan teras yang beriman yang telah menghulurkan tangannya untuk dipimpin oleh tangan Allah melalui jalan Allah. Janji Allah adalah apa yang diharapkan dan keredaan Allah adalah matlamat awal dan akhir mereka.

Kumpulan teras ini menggerakkan sunatullah dalam usaha mereka memartabatkan manhaj Allah. Kumpulan inilah yang akan membongkar timbunan jahiliyyah yang menutup fitrah manusia selama ini. Melalui mereka inilah akan terlaksananya takdir Allah bahawa kalimah Allah akan berkumandang di muka bumi ini dan manhaj Allah akan menerajui kepimpinan bumi ini:

Firman Allah yang bermaksud:

قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ فَٱنظُرُوا۟ كَيْفَ كَانَ عَـٰقِبَةُ ٱلْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَـٰذَا بَيَانٌ لِّلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾ وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾ إِن يَمْسَسْكُمْ قَرْحٌ فَقَدْ مَسَّ ٱلْقَوْمَ قَرْحٌ مِّثْلُهُۥ ۚ وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَتَّخِذَ مِنكُمْ شُهَدَآءَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلظَّـٰلِمِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَيَمْحَقَ ٱلْكَـٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

"Sesungguhnya telah berlaku sebelum kamu sunnah-sunnah Allah (balasan yang menimpa mereka yang menentang Allah dan RasulNya), maka mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana akibah orang-orang yang mendustakan (Rasul-rasul). (Al-Quran) ini ialah penerangan kepada seluruh umat manusia dan petunjuk serta pengajaran bagi orang-orang yang bertakwa. Dan janganlah kamu merasa lemah dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang-orang yang tertinggi (darjatnya), jika kamu orang-orang yang (sungguh-sungguh) beriman. Jika kamu (dalam peperangan Uhud) mendapat luka maka sesungguhnya kaum (musyrik) itu juga telah mendapat luka yang sama (dalam peperangan Badar). Dan keadaan hari-hari Kami tukar-gantikan di antara manusia, (supaya menjadi

pengajaran) dan supaya nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang tetap beriman (dan yang sebaliknya) dan juga supaya Allah menjadikan sebahagian di antara kamu orang-orang yang mati syahid. Dan (ingatlah) Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim. Dan juga supaya Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa-dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir." (Aali Imran: 137-141)

Benarlah kalimah Allah yang Maha Agung